

**KEBERKESANAN PENYESUAIGUNAAN SEMULA
DI DALAM PEMULIHARAAN RUMAH TOKOH
KAJIAN KES WARISAN PAHLAWAN
RESORT**

NOORATIKAH BINTI ISMAIL

**IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN
KEPUJIAN**

2022



**KEBERKESANAN PENYESUAIGUNAAN SEMULA
DI DALAM PEMULIHARAAN RUMAH TOKOH:
KAJIAN KES WARISAN PAHLAWAN RESORT**

DISEDIAKAN OLEH:

NOORATIKAH BINTI ISMAIL

Laporan Projek Akhir Ini Dikemukakan Sebagai Syarat Dalam
Memenuhi Penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Pengajian
Warisan Dengan Kepujian.

**Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

- TERBUKA** Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)
- SEKATAN** Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah.
- Dari tarikh _____ hingga _____
- SULIT** (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)*
- TERHAD** (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

- 3.1 Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
- 3.2 Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
- 3.3 Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan Utama

Tandatangan Penyelia

Atikah ismail

NOORATIKAH BINTI ISMAIL

EN.SAHRUDIN BIN MOHAMED SOM

Tarikh:

Tarikh:

Nota* Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila kepilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan.

PENGAKUAN

Projek yang bertajuk “Keberkesanan Penyesuaigunaan Semula Di Dalam Pemuliharaan Rumah Tokoh: Kajian Kes Warisan Pahlawan Resort” telah disediakan oleh (**Nooratikah Binti Ismail**) dan telah diserahkan kepada Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW) sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Dengan Kepujian (**Konservasi Warisan**).

UNIVERSITI

MALAYSIA

KELANTAN

Diterima untuk
diperiksa oleh:

.....

PENGHARGAAN

Assalamualaikum dan salam sejahtera,

Bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya, projek penyelidikan ini dapat saya sempurnakan pada masa yang ditetapkan meskipun terdapat kekangan yang perlu ditempuh dalam usaha melengkapkan projek penyelidikan ini.

Terlebih dahulu, saya ingin melafazkan setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada penyelia projek penyelidikan saya iaitu Encik Sahrudin bin Mohamed Som atas nasihat, bimbingan dan sokongan sepanjang kajian ini dilaksanakan. Beliau juga merupakan individu yang sering mengambil berat akan tugas para pelajar di bawah seliaannya serta selalu memberikan pandangan dan pembetulan terhadap kajian.

Disamping itu juga, saya ingin menyampaikan ucapan ribuan terima kasih kepada kedua-dua ibu dan bapa saya yang dikasihi kerana menjadi pembakar semangat saya di “Menara Gading” ini dalam melakukan apa jua perkara di dalam kehidupan termasuklah menyempurnakan tugas projek penyelidikan ini. Tidak dilupakan juga kepada adik-beradik saya yang memberikan dorongan kepada saya untuk meneruskan pelaksanaan projek penyelidikan ini.

Selain itu, saya juga ingin berterima kasih kepada rakan-rakan saya yang sentiasa memberikan dorongan dan semangat saat saya menghadapi kesukaran dalam pelaksanaan kajian ini. Sebelum saya mengundur diri, ingin saya selitkan juga ucapan terima kasih kepada pihak Universiti Malaysia Kelantan (UMK) serta pihak-pihak yang telah terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam penyempurnaan projek penyelidikan ini. Semoga dengan segala bantuan dan kerjasama yang diberikan mampu membuka lembaran baru terhadap dunia sejarah dan warisan di negara Malaysia ini.

KEBERKESANAN PENYESUAIGUNAAN SEMULA DI DALAM PEMULIHARAAN

RUMAH TOKOH: KAJIAN KES WARISAN PAHLAWAN RESORT

ABSTRAK

Projek Penyelidikan ini merupakan satu kajian mengenai “Keberkesanan Penyesuaigunaan Semula Di Dalam Pemuliharaan Rumah Tokoh: Kajian Kes Warisan Pahlawan Resort”. Warisan Pahlawan Resort ini merupakan sebuah rumah lama yang menjadi khazanah warisan dimana ianya perlukan penjagaan yang khusus bagi terus memeliharanya dari rosak. Rumah warisan ini merupakan hak milik pahlawan dan ulama terdahulu yang tinggal di Hulu Terengganu seperti Mat Kilau dan beberapa orang lagi dan mendirikan rumah di kawasan sekitar Kuala Berang. Pengkaji menyasarkan rumah berkenaan adalah kerana rumah tersebut sangat unik dan mempunyai sejarah tersendiri dan nilai kepentingan warisan yang terdapat pada rumah warisan di Kampung Pauh, Kuala Berang tersebut. Walaupun masyarakat tahu akan asal usul rumah tersebut tetapi masih ada sesetengah masyarakat yang kurang mengambil tahu tentang nilai kepentingan rumah warisan pahlawan tersebut kepada negeri Terengganu dan negara dari segi pemeliharannya. Objektif kajian ini adalah mengkaji nilai kepentingan budaya pada Kompleks Warisan Pahlawan Resort, mengenalpasti pengubahsuaian yang dilakukan ke atas rumah-rumah tokoh di Warisan Pahlawan Resort dan juga menilai kesan penyesuaigunaan semula ke atas nilai warisan rumah tokoh-tokoh di kompleks Warisan Pahlawan Resort. Untuk metodologi kajian kaedah pemerhatian, temu ramah dan analisis dokumen digunakan bagi mendapatkan data sekaligus menyempurnakan penyelidikan ini dari fasa awal hingga akhir.

Kata Kunci: *Kesesuaian, Konservasi Bangunan, Penyesuaigunaan, Kediaman, Pelancongan, Khazanah warisan, Pemeliharaan.*

THE EFFECTIVENESS OF RE -ADAPTATION IN THE CONSERVATION OF A PERSON'S HOUSE: A CASE STUDY OF HERITAGE RESORT

ABSTRACT

This research project is a study on "The Appropriateness of the Practice of Adaptation of Historic Residential Buildings". Warisan Pahlawan Resort is an old house that is a heritage treasure where it needs special care to continue to keep it from being damaged. This heritage house is the property of former heroes and scholars who lived in Hulu Terengganu such as Mat Kilau and a few others and built houses in the area around Kuala Berang. The researcher targeted the house because the house is very unique and has its own history and heritage value found in the six heritage houses in Kampung Pauh, Kuala Berang. Although the community knows the origin of the house, there are still some communities who are less aware of the importance of the warrior's heritage house to the state Terengganu and the country in terms of its preservation. The objective of this study is to examine the value of cultural importance at the Warisan Pahlawan Resort Complex, identify the renovations done on the houses of figures in Warisan Pahlawan Resort and also evaluate the effect of re-adaptation on the heritage value of the houses of figures in the Warisan Pahlawan Resort complex. For the research methodology, observational methods, interviews and document analysis was used to obtain data while completing this research from the beginning to the end.

Keywords: *Suitability, Building Conservation, Adaptation, Residence, Tourism, Heritage Treasures, Preservation.*

ISI KANDUNGAN

KANDUNGAN	MUKA SURAT
PENGHARGAAN	i
ABSTRAK	ii
ABSTRACT	iii
ISI KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI RAJAH	vii
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1-2
1.2 Latar Belakang Kajian	3-7
1.3 Pernyataan Masalah	8-9
1.4 Objektif Kajian	10
1.5 Persoalan Kajian	10
1.6 Kepentingan Kajian	11-14
1.7 Skop Kajian	15
1.8 Batasan Kajian	16-17
1.9 Definisi Termilogi	18-21
1.10 Rumusan Bab	21-24

BAB 2 SOROTAN KAJIAN

2.0	PENGENALAN	24
2.1	BANGUNAN WARISAN	25
	2.1.1 Definisi Bangunan Warisan	25-26
	2.1.2 Jenis-Jenis Bangunan Warisan	26
	i) Rumah Kediaman	27
	ii) Rumah Bersejarah	28
	iii) Rumah Haji Su	29
	iv) Masjid Engku Hj Mahmud	30
2.2	NILAI KEPENTINGAN WARISAN	30-31
	2.2.1 Konsep Nilai Kepentingan Warisan	31
	2.2.2 Nilai Kepentingan Warisan Dalam Konteks Antarabangsa	32-33
	2.2.3 Nilai Kepentingan Warisan Dalam Konteks Malaysia	33-34
	a) Akta Warisan Kebangsaan (2005)	34-35
	b) Kepentingan Sejarah	36-37
	c) Seni Bina dan Estetika	38-40

2.3	RUMAH TOKOH SEBAGAI BANGUNAN WARISAN	
	2.3.1 Definisi Tokoh	44-45
	2.3.2 Perkaitan Tokoh dan kepentingan Warisan	45-46
2.4	PEMULIHARAAN	
	2.4.1 Definisi Pemuliharaan	47-49
	2.4.2 Pemuliharaan Bangunan Warisan dan kepentingan	49-50
	2.4.3 Pemuliharaan Berasaskan Nilai (<i>Valued Based Conservation</i>)	50-52
	2.4.4 Pendekatan di dalam Pemuliharaan Bangunan Warisan	52
	a) Pengekalan atau Pemuliharaan	53
	b) Pembaikpulihan	54
	c) Penyesuaigunaan	54-55
2.5	PENYESUAIGUNAAN SEMULA (<i>ADAPTIVE REUSE</i>)	55-57
	i. Teori <i>Adaptive Reuse</i>	57-58
	ii. Manfaat Penyesuaigunaan Semula (<i>Adaptive Reuse</i>)	58-59
	iii. <i>Adaptive Reuse</i> di Asia	59
	iv. Kajian Dilapidasi	60-61
	2.6 RUMUSAN BAB	62

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pengenalan	63-64
3.1 Reka Bentuk Kajian	65-67
3.1.1 Kajian Terdahulu	68
3.1.2 Kajian Lapangan	69
3.1.3 Temu Bual	70
3.1.4 Catatan	70
3.1.5 Rakaman Foto dan Video	70
3.2 Instrumen Kajian	71
3.3 Prosedur Pungutan Data	72
3.4 Kaedah Analisis Data	73-74
3.5 Jangkaan Dapatan Kajian	74-75
3.6 RUMUSAN BAB	76-77

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.0 Pengenalan	79
4.1 Analisis Demografi Responden	80
4.2 MENGKAJI NILAI KEPENTINGAN KOMPLEKS WARISAN	81-82
4.2.1 Sejarah 7 Buah Rumah di Kompleks Pahlawan Resort	82-89
4.2.2 Jenis Senibina Rumah di Kompleks Pahlawan Resort	89-90

4.2.3 Pengaruh Seni Bina Melayu	90-98
4.2.4 Kepentingan Nilai Sejarah Warisan	100-106
4.2.5 Kepentingan Budaya Dalam	107-109
4.2.6 Analisis Kajian bagi Mengkaji Nilai Kepentingan Warisan	110-114
4.3 MENGENALPASTI PERUBAHAN KE ATAS KOMPLEKS RUMAH PAHLAWAN RESORT	
4.3.1 Pengenalpastian Perubahan Ke Atas 7 Buah	115-140
4.4 MENGUKUR KESAN PENYESUAIGUNAAN SEMULA KE ATAS NILAI WARISAN	
4.4.1 Penglibatan Masyarakat	141
4.4.2 Analisis Responden	142
4.4.3 Data Analisis Respon Responden Borang Soal Selidik	143-151
4.5 Rumusan Bab	152

BAB 5 PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.0 Pengenalan	153
5.1 Perbincangan Dapatan Kajian	154
5.1.1 Analisis dapatan Objektif 1	154-155
5.1.2 Analisis dapatan Objektif 2	156
5.1.3 Analisis dapatan Objektif 3	157

5.2 Rumusan	158
5.1 Cadangan	159-161
5.4 RUMUSAN BAB	162

SENARAI JADUAL

NO.	MUKA SURAT
3.1 Kaedah Analisis Data	61
4:1: Senarai Nama Responden Yang Ditemubual oleh Pengkaji	80
4:2: Skala Mengkaji Nilai Kepentingan Warisan	111
4:3: Analisis Perubahan Pada Rumah Mat Kilau	116
4:4: Analisis Perubahan Pada Rumah Tok Kenali	120
4:5: Analisis Perubahan Pada Rumah Hj Abd Rahman Limbong	123
4:6: Analisis Perubahan Pada Rumah Tok Pauh	128
4:7: Analisis Perubahan Pada Rumah Tok Gajah	131
4:8: Analisis Perubahan Pada Rumah Tok Ku Paloh	135
4:9: Analisis Perubahan Pada Rumah Tun Abdullah	138
5:0: Analisis Data Responden	198

SENARAI RAJAH

NO.	MUKA SURAT
1.1 Pnandangan Hadapan Warisan Pahlawan Resort	7
1.2 Rumah Warisan Hj. Su	9
1.3 Bangunan OldCourt House, Kuching	38
1.4 Ukiran Motif Flora Rumah Melayu Tradisional Terengganu	40
1.5 Keadaan Asal Rumah P. Ramlee	42
1.6 Penanda Rumah P. Ramlee	43
1.7 Masjid Ihsahniah Iskandariah	48
1:8: Pandangan Hadapan Pintu Masuk Warisan Pahlawan Resort	82
1:9 Rumah Mat Kilau	84
2:0: Rumah Tok Kenali	85
2:1: Rumah Haji Abdul Rahman Limbong	85
2:2: Rumah Tok Pauh	86
2:3: Rumah Tok Gajah	87
2:4: Rumah Tok Ku Paloh	88
2:5: Rumah Tun Abdullah	89
2:6: Bumbung Rumah Tok Kenali	91
2:7: Bumbung Rumah Haji Abd Rahman Limbong	91

2:8: Bumbung Rumah Mat Kilau	92
2:9: Jenis Bumbung Pisang Sesikat	94
3:0: Jenis Bumbung Kiasan Matahari	95
3:1: Panel Janda Ria Rumah Mat Kilau	95
3:2: Dinding Jalinan Buluh	96
3:3: Ukiran Kaligraf pada Rumah Tok Pauh	97
3:4: Ukiran Motif Bunga	98
3.5: Ukiran Tebuk Timbul Motif Flora	98
3:6: Mat Kilau	98
3:7: Tok Gajah	101
3:8: Tok Ku Paloh	102
3:9: Hj Abdul Rahman Limbong	103
4:0: Tok Kenali	104
4:1: Tok Pauh	104
4:2: Makam Tok Pauh di Kampung Temir	106
4:3: Kawasan Halaman Rumah Tok Gajah	108
4:4: Tempayan Di Rumah Hj Abd Rahman Limbong	109
4:5: Ruang Bilik Rumah Tok Gajah	110
4:6: Rumah Mat Kilau	115

4:7: Penambahan 2 Ruang Bilik	117
4:8: Anyaman Buluh pada dinding	118
4:9: Struktur Atap Singgora	119
5:0: Perubahan Struktur Rumah Tok Kenali	120
5:1: Struktur tiang konkrit	122
5:2: Penambahan Metal Deck	123
5:3: Penambahan struktur batu	125
5:4: Tiang bujang bersama	126
5:5: Struktur penambahan tangga	127
5:6: Rumah Tok Pauh	127
5:7: Penambahan serambi di Hadapan	130
5:8: Penambahan bahagian tangga ke dapur	131
5:9: Perubahan Rumah Tok Gajah	131
6:0: Pemasangan jejaring	134
6:1: Penambahan dinding buluh	134
6:2: Penambahan Ruang Bilik	134
6:3: Perubahan Rumah Tok Ku Paloh	135
6:4: Penambahan Tandas pada ruang asal	137
6:5: Perubahan pada Rumah Tun Abdullah	138

6:6: Penambahan batu bata pada dinding	140
6:1: Analisis Data Soalan Pertama 1	143
6:2: Analisis Soalan kedua	144
6:3: Analisis Data Soalan Ketiga	145
6:4: Analisis Data Soalan Keempat	146
6:6: Analisis Data Soalan Keenam	147
6:7: Analisis Data Soalan Ketujuh	148
6:8: Analisis Data Soalan Kesembilan	149
6:9: Analisis Data Soalan Kesepuluh	150

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Pelaksanaan penggunaan amalan penyesuaigunaan semula (*adaptive reuse*) ialah salah satu antara kaedah dalam konservasi. Amalan penyesuaigunaan semula ini biasanya dilakukan ke atas bangunan warisan mahupun rumah-rumah kediaman yang mempunyai nilai sejarah. Selain itu kaedah ini amat berkesan dalam usaha untuk terus memelihara banyak bangunan-bangunan warisan yang hampir musnah supaya bangunan tersebut dapat diaplikasi dan dijadikan fungsi baru dengan semaksimum mungkin mengikut peredaran zaman walaupun fungsi terdahulunya berbeza. Sebagai contoh, Albert Dock dulunya merupakan pelabuhan utama kota Liverpool. Salah satunya fungsinya adalah menghubungkan Liverpool dengan beberapa kota, di antaranya Birmingham dan Leeds. Namun saat ini Albert Dock tidak hanya menjadi pelabuhan, ia telah ditransformasi oleh pemerintah kota menjadi tempat rekreasi. Rumah atau bangunan warisan yang kosong dan juga bangunan yang hampir musnah perlu diberi pemulihan melalui amalan ini untuk memastikan pemeliharaan bangunan-bangunan tersebut dalam arus kemodenan pada masa kini. Penggunaan semula bangunan warisan secara adaptif adalah sebahagian daripada proses pemuliharaan. Langkah ini adalah untuk memastikan bahawa bangunan warisan akan terus dipulihara, diberi nafas baru dan paling sesuai dengan tujuannya. Penggunaan semula harta benda secara adaptif berkaitan dengan menukar bangunan menjadi bangunan lain, lebih berkesan dan lebih efisein (Douglas, 2006).

Malaysia masih lagi menempuh fasa-fasa kebangkitan berbanding pelbagai negara-negara maju dalam melaksanakan amalan penyesuaigunaan semula bangunan di negara ini. Kesedaran positif berkaitan dengan amalan penyesuaigunaan semula bangunan telah mulai dilakukan sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Hal ini kerana, kesedaran itu berlaku disebabkan oleh banyak rumah atau bangunan warisan yang telah terbiar walaupun ianya masih mempunyai nilai dan kepentingan yang penting untuk negara dan masyarakat. Banyak bangunan-bangunan bersejarah di Malaysia telah dijadikan sebagai memorial atau tempat bersejarah untuk tatapan para pelancong. Sebagaimana yang diketahui di antara bangunan atau kediaman warisan yang masih utuh di Malaysia yang dijadikan memorial adalah seperti Rumah P. Ramlee, Bangunan OldCourt dan Rumah tokoh terkenal di Kelantan iaitu Haji Ahmad Maher. Dalam kerancangan untuk memanjangkan jangka hayat bangunan ini melalui kaedah amalan konservasi bangunan. Namun begitu, terdapat juga beberapa masalah dan kecenderungan dari pihak terlibat berkaitan dengan amalan penyesuaigunaan rumah kediaman tokoh ini.

Oleh itu kajian berkaitan dengan penyesuaigunaan semula perlu banyak dikaji agar kajian tentang amalan penyesuaigunaan semula pada rumah atau bangunan yang dibina pada zaman tersebut terutama rumah tokoh-tokoh yang disegani masyarakat di Hulu Terengganu ini lebih diketahui orang ramai. Seterusnya ialah tujuan utama kajian ini ialah mengenai amalan penyesuaigunaan semula bangunan kediaman kepada sektor pelancongan. Kajian ini telah menfokuskan pada sebuah rumah yang telah disuaiguna semula menjadi satu tempat pelancongan iaitu Warisan Pahlawan Resort. Malahan, amalan penyesuaigunaan semula ini ialah satu kaedah yang sangat penting bagi memelihara rumah tinggalan pahlawan ini. Pemeliharaan juga penting agar warisan ini terus dijaga dan menjadi salah satu khazanah warisan yang menjadi kebanggaan dengan kemegahan rumah tersebut yang pernah dimiliki oleh tokoh yang disegani.

1.2 Latar Belakang Kajian

Kajian ini berkaitan dengan satu penyelidikan mengenai sebuah bangunan warisan yang telah disuaiguna semula dari rumah lama kepada sebuah resort atau tempat penginapan kepada pelancong. Oleh itu kajian ini akan membincangkan berkenaan dengan penyesuaigunaan semula bangunan sejarah (Adaptive Reuse of Heritage Buildings). Penggunaan semula bangunan warisan melalui cara adaptif adalah merupakan sebahagian daripada proses pemuliharaan. Ini merupakan satu langkah atau cara yang membolehkan bangunan warisan itu dipulihara serta diberi nafas baru sesuai dengan tujuannya yang sebenar. Penggunaan semula harta secara adaptif adalah berkaitan dengan menukar semula bangunan warisan itu kepada tujuan atau fungsi lain tanpa mengubah warisan keasliannya (*authenticity*). Namun begitu, kebiasaannya ianya memerlukan beberapa pengubahsuaian terhadap bangunan tersebut dengan penggunaan yang baru serta dapat memenuhi syarat yang dikehendaki oleh pemiliknya.

Secara amnya, adaptif juga melibatkan kerja-kerja seperti pemuliharaan, pemeliharaan, pengubahsuaian, pembaikan, penyimpanan. Keseluruhannya, untuk melaksanakan kerja-kerja ini ianya perlu dirancang terlebih dahulu untuk memastikan kaedah penyesuaigunaan semula secara adaptif ini dapat dilakukan dengan optimum. Oleh itu, sebagai alternative, penggunaan semula adaptif menawarkan tapak bangunan yang mapan dan juga menggunakan infrastuktur yang telah sedia ada hanya di lokasi sedia ada sahaja untuk mengelakkan berlakunya sebarang pengubahsuaian yang tidak terjangkau (Cantell, 2005). Dalam melaksanakan kaedah konservasi iaitu penyesuaigunaan semula sesebuah bangunan kepada fungsi baru, adalah yang penting ianya menjadi suatu kemestian bagi memastikan proses tersebut dilakukan mengikut prinsip-prinsip dalam kerja konservasi dan penyesuaigunaan semula bangunan warisan yang telah ditetapkan supaya kepentingan seni bina, sejarah dan sosial yang ada pada bangunan tersebut sentiasa dipelihara dan

dikekalkan keasliannya. Isu-isu seperti sikap ambil mudah dan tidak mengikut etika dalam melaksanakan prose penyesuaigunaan bangunan mengakibatkan kerugian serta kemusnahan yang bakal memberi kesan yang buruk pada masa akan datang. Sama seperti dalam kajian ini dimana, bangunan kediaman hak milik pahlawan atau tokoh terdahulu telah dijadikan sebagai satu tempat atau pusat pelancongan oleh pihak yang telah membeli rumah kediaman tersebut untuk tujuan pemeliharaan.

Kerja penyesuaigunaan semula (*adaptive reuse*) merupakan satu kerja dimana ianya adalah satu cara menggunakan bangunan lama yang tidak dipakai dan terbiar dengan fungsi yang baru. Kerja penyesuaian bangunan warisan adalah karya mengubah fungsi bangunan dari fungsi asalnya. Oleh hal demikian, dalam menjalankan kerja penggunaan semula adatif ini, terdapat beberapa batasan karya yang mesti dipatuhi dengan baik dan berhati-hati kerana ianya sangat penting terutama untuk warisan bangunan yang terletak di kawasan yang telah ditetapkan sebagai Zon Pemuliharaan Tapak Warisan Dunia UNESCO. Walaubagaimanapun, lokasi kajian yang dijalankan ini tidak berada di Zon Pemuliharaan akan tetapi kerja-kerja konservasi juga perlu dlakukan dengan baik dan mengambil kira setiap perkara yang dilakukan adalah bersesuaian dengan prinsip konservasi. Hal ini bagi mengelakkan sebarang ketidakaslian berlaku kepada rumah tersebut sekiranya ianya mengalami pengubahsuaian yang ketara maka ianya tidak lagi merupakan warisan. Penyelidikan ini akan memberi tumpuan kepada bangunan warisan yang telah disesuaikan sebagai Resort.

Menurut pemilik sebenar rumah resort ini iaitu Tun Ahmad Tuan Abdullah, beliau merasa perlu untuk mengekalkan rumah yang berusia 150 tahun ini bagi kepentingannya dapat dirasai oleh semua orang dan untuk generasi zaman berzaman. Selain itu, beliau juga tidak sanggup melihat rumah pahlawan itu dimakan anai-anai. Pada permulaan sejarahnya ialah rumah tersebut diambil dari kawasan pedalaman di Hulu Terengganu iaitu di Pasir Nering, dimana ianya adalah milik pahlawan terkenal zaman dahulu seperti Mat Kilau. Kemudiannya, rumah itu dibawa ke tapak sekarang dengan sedikit perubahan dan diubahsuai. Namun begitu, perubahan itu dilakukan adalah kerana sebilangan kecil bahagian rumah tersebut telah pun hilang disebabkan oleh faktor-faktor yang telah menyebabkan kerosakan kepada rumah tersebut. Kerosakan ini berlaku kerana agen perosak seperti anai-anai yang menjadi punca kayu-kayu rosak dan patah. Sebagaimana sedia maklum, rumah terdahulu dibina dengan menggunakan kayu sahaja tetapi berkualiti. walaubagaimanapun, disebabkan oleh tiada penjagaan, maka ianya mudah rosak.

Dalam satu kajian lepas yang telah dibuat berkaitan dengan bangunan warisan iaitu, Buku bertajuk Dato' Haji Ahmad Maher Bin Haji Ismail, Al-Azhari: Satu Kajian Tentang Pemikirannya menceritakan tentang latar belakang sebenar pemilik rumah yang dikaji tersebut. Nama diberi ialah Dato' Haji Ahmad Maher bin Haji Ismail, merupakan Mufti Kelantan yang ke-5 (dilantik pada Jun 1941). Rumah tinggalan ini pernah ditambah struktur binaannya pada bahagian belakang sebagai Pusat Asuhan Tadika (PASTI) tetapi telah diberhentikan operasi. Penambahan struktur tersebut juga telah menunjukkan bahawa rumah kediaman ini terus dikekalkan dan menjadikannya ia terus berfungsi. Kajian berkaitan dengan penyesuaigunaan semula bangunan ini sangat sesuai dijadikan kajian yang berterusan dengan rumah kediaman tokoh ini.

Oleh hal demikian rumah tokoh Kelantan ini juga sesuai dijadikan produk perlancongan seperti sebuah galeri khas yang memaparkan tokoh-tokoh sejarah Kelantan termasuk Dato' Haji Ahmad Maher yang mungkin menjadi tarikan para pelancong. Oleh hal demikian, kajian lepas ini membuktikan bahawa rumah warisan yang di tinggalkan banyak kepentingan dari segi sejarahnya dan juga struktur bangunan itu sendiri dengan keunikan binaanya membuatkan orang lebih tertarik.

Selain itu, menurut Nor Syahila Ab Rashid dan Nila Inangda Manyam Keumala H. Daud dalam kajian terhadap Kesesuaian Amalan Penyesuaigunaan Bangunan Kediaman Bersejarah kepada Memorial Kebangsaan adalah salah satu diantara kaedah konservasi bangunan yang amat berkesan dalam meningkatkan lagi usaha bagi memelihara bangunan-bangunan warisan yang terpinggir. Hal ini bagi memastikan supaya bangunan tersebut dapat diaplikasi dengan semaksimum mungkin mengikut peredaran zaman walaupun fungsi terdahulunya telah berbeza dari yang asal sebanyak mungkin. Bagi mengenalpasti dan membuat kajian ini, pengkaji telah membuat kajian terhadap 3 sampel bangunan yang ada iaitu rumah kediaman Tun Dr Mahathir, Rumah Merdeka dan Memorial Tun Abdul Ghafar Baba. Pelaksanaan amalan penyesuaigunaan atau (adaptive reuse) ialah satu kaedah konservasi bangunan yang amat berkesan dalam usaha untuk memelihara dan memulihara bangunan-bangunan warisan yang terbiar. Ianya akan diaplikasikan mengikut peredaran masa ke masa, namun begitu pengekalannya identiti, struktur dan ciri-ciri tersebut masih dikekalkan mengikut yang asal. Dalam melaksanakan proses penyesuaigunaan sesebuah bangunan kediaman ini, perkara penting adalah dengan mengikut prinsip-prinsip konservasi dan penyesuaigunaan bangunan yang telah ditapkan supaya kepentingan seni bina tersebut dipelihara. Sekiranya terdapat sebarang kelemahan yang dihadapi oleh bangunan tersebut aspek penilaian semula perlu diadakan dan dinilai semula mengikut senarai semak merujuk kepada Lord dan Lord 2002 dan beberapa aspek lagi.

Oleh yang demikian, pengkaji telah mencuba untuk memartabatkan kembali nilai warisan ketara ini yang dengan menyedari bahawa ia adalah sesuatu yang sudah jarang dijumpai di era modenisasi ini. Rajah menunjukkan rumah tokoh pahlawan yang telah melalui proses penyesuaigunaan semula. "*Adaptive reuse*" merupakan salah satu cara dalam upaya konservasi bangunan. Secara umum "*adaptive re-use*" dilakukan sebagai alternatif untuk melindungi dan menjaga bangunan bersejarah dengan langkah mengalihkan fungsi lama menjadi fungsi baru yang bermanfaat bagi masyarakat sekitar maupun kawasan itu sendiri. Konsep ini umumnya digambarkan sebagai proses yang secara struktural, bangunan dengan fungsi lama dikembangkan menjadi fungsi baru dan meningkatkan nilai ekonomi (Austin, 1988).



Rajah 1.1: Rumah Pahlawan Resort, Kampung Pauh

Sumber: Kajian Lapangan

1.3 Pernyataan Masalah

Pernyataan masalah ialah bahagian yang akan menerangkan mengenai isu dan masalah yang ingin dikaji dalam penyelidikan. Bahagian ini amat penting dalam penyelidikan yang dijalankan. Di dalam bahagian ini menjadi kesediaan penyelidik untuk mempertahankan isu atau masalah yang ingin dikaji. Justeru itu, segala masalah yang telah dianalisis dan diselidiki oleh penyelidik dapat diterangkan secara mendalam mengapa kajian berkenaan perlu dijalankan. Pernyataan masalah ini telah diperolehi melalui pembacaan, pemerhatian dan temu bual yang dijalankan. Selain itu, bahagian ini juga diperolehi melalui penelitian dokumen dan kajian lain berkaitan setiap objektif yang akan dicapai berserta dengan rujukan

Sehubungan dengan itu, banyak usaha telah dilakukan dalam memastikan usaha pemuliharaan bangunan dijalankan. Contohnya, dalam usaha penyesuaigunaan semula resort ini ianya terdapat kekangan dalam mengenalpasti apakah nilai warisan sebenar yang ada pada rumah tokoh-tokoh ini. Berdasarkan kajian ini adalah berkaitan dengan rumah tokoh yang telah disuaiguna semula kepada fungsi lain. Oleh hal demikian, permasalahan dalam kajian ini adalah bagi mengenalpasti apakah kesemua rumah ini mempunyai nilai warisan dan apakah kaitannya dengan tokoh yang disebut itu adalah benar atau tidak.

Seterusnya adalah permasalahan berkaitan pengenalpastian apakah perubahan terhadap rumah di kompleks ini. Berdasarkan pemerhatian kajian lapangan, terdapat banyak perubahan yang berlaku pada rumah tokoh ini. Hal ini menyebabkan beberapa elemen dan bahan yang ditukar daripada yang asal rumah. Namun begitu, pengenalpastian apakah perubahan perlu dilakukan dengan teliti agar ianya tidak tersalah dan perlu dikaji dengan sebaiknya agar memudahkan kajian dilakukan.

Menurut pandangan Asyaari Muhamad (2009) cabaran ini sering dihadapi pihak kerajaan dalam melaksanakan kerja-kerja konservasi kerana ia memerlukan kos yang tinggi. Kos itu bukan

sahaja kerana upah jururunding, tetapi juga kos peralatan dan tenaga pembantu yang diperlukan konservator dan pihak-pihak tertentu di pelbagai peringkat. Oleh itu, bagi membantu kerja-kerja pembaikan dan pemuliharaan, satu tabung dikenali sebagai Tabung Warisan akan diwujudkan (Berita Harian ,02/2004). Dalam usaha untuk menyesuaikan semula bangunan kediaman tokoh ini, pemilik resort ini telah memberitahu bahawa kos untuk membina semula bahagian yang rosak adalah sangat tinggi nilainya kerana mereka perlu mengupah tukang ukir untuk mengukir semula pada bahagian yang rosak di rumah tokoh tersebut dan kesemua rumah ini menggunakan 90% kayu jenis cengal. Manakala untuk mengukir semula ukiran juga sangat sukar dan memerlukan orang yang mahir tapi ianya dapat dibuat 80% seperti sedia asal.

Akhir sekali adalah kesan fenomena penyesuaigunaan semula ke atas perubahan struktur binaan bangunan warisan tersebut. Dalam merealisasikan perubahan fungsi sebenar rumah ini kepada tujuan sekarang adalah sangat besar dan mencabar bagi pemiliknya ini. Hal ini kerana, terdapat beberapa perubahan yang ketara di antara beberapa buah rumah ini dari yang aslinya. Oleh hal demikian ianya memberikan kesan perubahan dan boleh menjejaskan usaha pemuliharaan bangunan warisan ini. Namun begitu bukan semua rumah kediaman telah berubah keasliannya (*authenticity*) tetapi ianya terjadi pada bahagian yang tidak dapat dibuat oleh tukang rumah kerana ianya tidak melibatkan pihak konservator.

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian merupakan satu keperluan dalam penyelidikan untuk memastikan kajian penyelidik mencapai tujuan yang sebenar. Antara objektif yang ingin diraih dalam kajian ini adalah:

- i. Mengkaji nilai kepentingan pada Kompleks Warisan Pahlawan Resort
- ii. Mengenalpasti pengubahsuaian yang dilakukan ke atas rumah-rumah tokoh di Warisan Pahlawan Resort.
- iii. Menilai kesan penyesuaigunaan semula ke atas nilai warisan rumah tokoh-tokoh di kompleks Warisan Pahlawan Resort.

1.5 Persoalan Kajian

Persoalan merujuk kepada objektif yang telah ditetapkan oleh penyelidik.

Antara persoalan kajian ialah:

- i. Apakah nilai kepentingan yang terdapat di Kompleks Warisan Pahlawan Resort.
- ii. Bagaimanakah pengubahsuaian yang dilakukan ke atas rumah-rumah tokoh di Warisan Pahlawan Resort.
- iii. Sejauhmanakah kesan penyesuaigunaan semula rumah tokoh-tokoh di Kompleks Warisan Pahlawan Resort ini terhadap nilai warisannya.

1.6 Kepentingan Kajian

Pengkaji yang membuat kajian mestilah mempunyai kepentingan dan nilainya kepada semua pihak serta dapat memberi manfaat atau faedah kepada pembaca. Hal ini juga menjadi kepentingan dalam menyumbang kepada penyelesaian masalah yang dihadapi dalam kajian. Kajian berkaitan warisan ketara iaitu Rumah Warisan Pahlawan yang dikenali sebagai Pahlawan Resort ini sememangnya dapat memberi manfaat kepada individu sama ada pengkaji atau pemilik, institusi malahan kepada negara. Kajian ini penting dari sudut penyelidikannya yang berbeza dari kajian yang sebelum ini dimana ianya berlainan dari segi kepentingan. Antara kepentingan yang ingin dicapai pengkaji adalah seperti berikut.

i) Individu

Dari segi individu, kajian ini dapat merungkai sejarah dan asal-usul rumah lama pahlawan terdahulu yang berestetika namun jarang diketahui khususnya oleh masyarakat Hulu Terengganu sendiri. Dalam hal ini, maklumat berkaitan rumah tersebut dapat diperolehi melalui orang sumber yang betul dan sah tanpa sebarang dapatan yang ditokok tambah iaitu pemilik Pahlawan Resort sendiri. Dalam pada itu, kajian ini memberi ruang kepada pengkaji masa hadapan untuk menyambung legasi kajian melalui skop kajian yang sama dengan berlandaskan sorotan kajian yang tepat dan sah yang dibuat pada masa kini.

Selain itu, kajian yang dijalankan mampu memberi manfaat kepada pemilik atau pewaris rumah Pahlawan Resort dengan adanya rangka cadangan cara pemeliharaan. Pemilik atau pewaris dapat menaiktaraf atau mengubah rumah tersebut untuk dijadikan tempat tinggal atau apa-apa produk perlancongan yang menjana ekonomi sendiri. Penglibatan bersama di antara pewaris rumah dengan pihak kerajaan negeri, jabatan warisan, agensi perlancongan, dan pihak badan bukan kerajaan adalah perlu dalam membangunkan kembali rumah agar tidak terbiar begitu sahaja.

ii) Pihak Berkuasa Tempatan

Pihak Berkuasa Tempatan juga berkemungkinan mampu dipengaruhi melalui projek penyelidikan ini. Hal ini demikian kerana Rumah Warisan Pahlawan (Resort Warisan Pahlawan) memiliki nilai warisan yang masih tidak terungkai meskipun telah dibina sejak puluhan tahun dahulu. Keunikan seni bina bangunan sudah pastinya terselit sejarah yang mungkin mampu mempengaruhi pembangunan negeri dari segi sektor pelancongan. Tambahan pula, jika rumah tinggalan ini diselenggara berdasarkan piawaian yang telah ditetapkan dibawah Akta Warisan Kebangsaan 2005, sudah pastinya keadaan rumah warisan pahlawan lama ini lebih terjaga dengan sempurna sehingga dapat dijadikan sebagai resort untuk pelancongan. Era pemodenan pada masa kini sedikit sebanyak membantu dalam penjanaan idea idea baru untuk membuat penginovasian pada rumah lama itu. Sebagai contoh, pewartaan boleh dilaksanakan dibawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 meskipun pembinaannya telah melebihi usia 100 tahun. Pewartaan rumah ini sememangnya mampu memelihara nilai warisan seni bina yang sedia ada sekali gus mempengaruhi pembangunan negeri Terengganu

iii) Jabatan Warisan Negara (JWN)

Projek penyelidikan ini membolehkan konservator negara untuk turut mengkaji mengenai kepentingan nilai warisan bagi pemuliharaan dan pemeliharaan seni bina Rumah Warisan Pahlawan (Resort Pahlawan) di Kuala Berang, Hulu Terengganu. Secara umumnya, tiada langkah untuk pemuliharaan rumah ini sepertimana Rumah Wanpo, Rumah Haji Dobi, dan lain-lain lagi rumah Warisan yang disenaraikan didalam perlindungan Akta Warisan Kebangsaan 2005. Bagi membolehkan rumah ini juga termaktub dalam Akta Warisan Kebangsaan 2005, konservator perlu melakukan kaedah pemuliharaan bagi meminimumkan kemerosotan bangunan lama ini. Hal ini kerana, menurut pemilik resort ini, mereka melakukan pemuliharaanya dengan kaedah persendirian sahaja. Selain itu, konservator dan Jabatan Warisan Negara juga boleh mendapat pelbagai manfaat daripada projek penyelidikan yang dilaksanakan ini. Hal ini demikian kerana mereka mampu merungkai sejarah yang berkemungkinan tidak diketahui oleh mana-mana pihak. Hal ini sekali gus mampu meningkatkan koleksi warisan negara.

iv) Nilai Signifikan

Selain itu sebagai satu nilai warisan (significant). Sesuatu bangunan dan tapak tanah warisan itu boleh mempunyai nilai signifikasi berdasarkan dari signifikasi sejarah, sosial, seni bina, teknologi dan bahan dan juga dari segi "*setting*". Hal ini kerana nilai yang ada pada rumah tersebut memberikan persepsi kepada masyarakat bahawasanya ianya merupakan rumah yang bersejarah dan mempunyau banyak nilai warisannya. Masyarakat dapat mengetahui tentang sejarah rumah tersebut sejak dari awal penubuhannya dan milik siapakah rumah tersebut. Oleh itu, ianya memberikan

banyak kepentingan kepada masyarakat sekiranya rumah ini disuaikan semula menjadi sebuah resort daripada ianya terbiar dan musnah.

v) Pelancongan

Bangunan bersejarah mempunyai potensi dijadikan sebagai produk pelancongan sekiranya dipulihara dan diubahsuai fungsi asalnya. Keunikan nilai yang ada pada enam buah rumah pahlawan ini berupaya menarik pelancong asing untuk datang berkunjung ke Hulu Terengganu bagi melihat sendiri nilai warisan yang terdapat pada gabungan pengaruh seni bina lama ini dan juga kepentingannya. Dalam hal ini, sememangnya sukar untuk kita menjumpai rumah yang dibina pada zaman silam yang mempunyai nilai yang sangat bermakna dengan beberapa ukiran yang menarik dan juga senibinanya. Diharapkan dengan projek penyelidikan ini, rumah tokoh atau pahlawan ini mampu menjadi salah satu destinasi yang ingin dikunjungi oleh pelancong. Bahkan bukan sahaja sektor pelancongan akan ditingkatkan malahan pendapatan negara juga mampu dilipat gandakan.

1.7 Skop Kajian

Penyelidik telah menjalankan kajian di Kampung Pauh, Kuala Berang Hulu Terengganu yang berkaitan dengan rumah warisan daripada pahlawan yang tinggal di Hulu Terengganu iaitu Warisan Pahlawan Resort. Oleh hal demikian, penyelidik telah memilih beberapa lokasi atau skop sebagai kawasan kajian untuk mendapatkan maklumat dan menjalankan tugas ini, iaitu penduduk di sekitar kampung Kuala Pueh, Kampung Gaung dan juga kampung yang ada di sekitarnya. Dalam bab ini, akan diterangkan dengan terperinci sejarah rumah secara terperinci.

Dalam pada itu, dalam bab ini juga, pengkaji akan menerangkan tentang mengkaji nilai kepentingan budaya pada Kompleks Warisan Pahlawan Resort. Mengenalpasti pengubahsuaian yang dilakukan ke atas rumah-rumah tokoh di Warisan Pahlawan Resort dan Menilai kesan penyesuaigunaan semula ke atas nilai warisan rumah tokoh-tokoh di kompleks Warisan Pahlawan Resort. Pengkaji melihat rumah rumah tinggalan dari tokoh terkenal ini membawa kepada banyak perubahan dan juga telah dijadikan pusat pelancongan dan tertarik untuk mengkajinya dengan lebih lanjut.

Kesimpulannya, disebabkan rumah ini mempunyai nilai bersejarah dan keisitimewaannya yang tersendiri, kajian ini mempunyai matlamat dalam menumpukan setiap objektif yang telah dibuat bagi mencapainya dengan jaya. Hal ini disebabkan ia mampu menarik orang ramai untuk melihat sendiri rumah tokoh tersebut yang ada nilai dan juga keunikannya tersendiri. Hal ini sekaligus mengelakkan kerugian kepada masyarakat di Terengganu kerana sememangnya amat jarang sekali untuk menemui rumah tinggalan warisan atau tradisional yang mempunyai nilai estetika kekal utuh pada masa kini.

1.8 Batasan Kajian

Dalam penyelidikan, penyelidik harus mengakui bahawa bukan semua masalah boleh dikaji dan diselesaikan dalam satu kajian sahaja, Oleh itu pengkaji perlu menyatakan had atau batasan kajian untuk pembaca. Dalam hal ini, kajian yang dilakukan berkenaan Keberkesanan Penyesuaigunaan Semula Di Dalam Pemuliharaan Rumah Tokoh: Kajian Kes Warisan Pahlawan Resort sememangnya mempunyai batasan dalam mendapatkan maklumat dalam menyempurnakan objektif kajian yang dibuat.

Dalam batasan kajian pengkaji lebih tertumpu kepada rumah kediaman tokoh di Warisan Pahlawan Resort. Rumah tinggalan ini mempunyai beberapa buah rumah yang dimiliki oleh tokoh ternama pada zaman dahulu yang menetap di Hulu Terengganu lalu membuat tempat kediaman sehinggalah mereka meninggal. Di resort ini, terdapat beberapa buah rumah yang setiapnya diletakkan di resort tersebut untuk tujuan perlancongan dan tempat untuk istirehat para pengunjung. Kajian ini akan menerangkan secara terperinci terhadap nilai kepentingan budaya di kompleks rumah tokoh ini. Misalnya, pengkaji ingin mendapatkan kesahihan memandangkan rumah tersebut telah mengalami proses penyesuaigunaan semula dari fungsi lain ke fungsi yang lain. Lokasi kompleks warisan ini daripada bandar Kuala Berang kira-kira 3 Kilometer dari pusat tumpuan penduduk.

Selain itu, batasan kajian ini juga menumpukan kepada pengenalpastian terhadap pengubahsuaian yang dilakukan ke atas rumah-rumah tokoh di Warisan Pahlawan Resort ini. Dalam bab ini, kajian akan menfokuskan pada tujuan utama kajian bagi mengikut objektif asal. Kajian ini telah menfokuskan kepada satu rumah tokoh sahaja daripada 7 buah rumah yang terdapat di kompleks warisan tersebut iaitu Rumah Mat Kilau. Rumah tokoh ini dipilih adalah kerana ianya merupakan rumah yang pertama diangkat ke kompleks ini. Dalam batasan kajian ini juga pengkaji akan mengenalpasti apakah perubahan yang telah dilakukan terhadap rumah tersebut yang telah dibawa dari tempat asalnya di Kampung Pasir Nering ke Kampung Pauh. Batasan terhadap pengenalpastian pengubahsuaian ini membantu dalam mendapatkan maklumat berkaitan dengan apakah yang telah diubah dan bagaimana ianya berubah dari asalnya kepada keadaan sekarang.

Batasan kajian ini juga akan mengkaji sejauhmanakah kesan penyesuaigunaan semula ke atas nilai warisan rumah tokoh-tokoh di Warisan Pahlawan Resort ini. Oleh kerana ketujuh-tujuh buah rumah ini mengalami proses konservasi dalam penyesuaigunaan semula bangunan sudah semestinya ia memberi beberapa kesan terhadap rumah-rumah tersebut. Kesan penyesuaigunaan semula ini juga memberikan satu impak positif dan negative kepada rumah warisan ini. Namun begitu, penyesuaigunaan semula bangunan ini tidak banyak memberi kesan atau menjejaskan keaslian rumah.

1.9 Definisi Terminologi

Terminologi secara asasnya berhubung dengan nama dengan proses penamaan. Menurut Puteri Roslina (2005), terminologi ialah pengajian dan bidang aktiviti yang memberikan tumpuan kepada pengumpulan, penghuraian, pemprosesan, dan penyampaian istilah. Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat pula mentafsirkan terminologi sebagai kajian yang dilakukan tentang istilah atau kumpulan kata khusus yang berkaitan dengan sesuatu bidang atau ilmu. Pengkaji telah mengfokuskan kajian penyelidikan terhadap Kesesuaian Penyesuaigunaan Rumah Kediaman Warisan Pahlawan Resort Sebagai Tempat Pelancongan yang perlu dipulihara dan dipelihara daripada rosak dan terbiar.

1.9.1) Kesesuaian

Menurut Kamus Bahasa Melayu, Kamus Dewan Bahasa Dan Pustaka Edisi Keempat menyatakan maksud kesesuaian ialah bermaksud sesuai, keselarasan dan kesamaan. Dimana maksud ini boleh dikaitkan dengan amalan penyesuaigunaan rumah warisan itu kepada sebuah resort atau pusat pelancongan. Adakah amalan tersebut sesuai untuk dijadikan sebagai tempat pelancongan kerana ianya merupakan peninggalan sejarah dari tokoh yang terkenal.

1.9.2) Konservasi Bangunan

Konservasi (*Conservation*) bangunan warisan ialah satu istilah umum yang merujuk kepada satu aktiviti atau kaedah pemuliharaan ke atas bangunan, monument dan tapak yang merangkumi beberapa aktiviti lain seperti proses pemeliharaan (*Preservation*), pemugaran (*Restoration*), pembaikpulihan (*Repair and Rehabilitation*), pembinaan semula (*Recontruction*) dan Penyesuaigunaan (*Adaptive Reuse*) atau mana-mana gabungan antaranya. Dalam kajian ini, kaedah yang konservasi yang digunakan terhadap rumah tersebut ialah penyesuaigunaan.

1.9.3) Penyesuaigunaan Semula (*Adaptive Reuse*)

Pelaksanaan kaedah konservasi iaitu amalan penyesuaigunaan (*adaptive reuse*) ialah merupakan antara kaedah konservasi bangunan yang amat sesuai bagi usaha untuk memelihara bangunan-bangunan dan rumah warisan yang rosak dan terpinggir, supaya bangunan tersebut dapat diperlihatkan dengan semaksimum mungkin mengikut peredaran zaman walaupun fungsi terdahulunya berbeza. Premis-premis, bangunan dan kediaman yang mempunyai nilai warisan yang kosong, terbiar dan guna bangunan sedia ada yang kurang sesuai diberi pemuliharaan melalui amalan ini untuk memastikan pemeliharaan bangunan-bangunan tersebut dalam arus kemodenan pada masa kini (Kincaid, 2002). Hal ini sama dengan kajian ini, dimana rumah tokoh yang terdahulunya terbiar dan rosak diambil dari tempatnya yang asal dan diletakkan di tempat yang berada sekarang dengan teknik angkat pindah.

1.9.4) Khazanah Warisan

Definisi khazanah atau treasure di dalam Kamus Pelajar Edisi Kedua menyatakannya sebagai tempat menyimpan harta benda atau perbendaharaan. Selain harta benda, khazanah juga sebagai benda kepunyaan hak kumpulan atau himpunan yang bernilai. Warisan menurut Jabatan Warisan Negara adalah sesuatu yang diterima secara turun termurun daripada satu generasi ke satu generasi. Kamus Dewan pula mendefinisikan warisan sebagai harta peninggalan, harta pusaka, sesuatu yang diwarisi, sesuatu yang turun-temurun atau peninggalan. Khazanah warisan adalah merangkumi landskap, tempat bersejarah, tapak atau persekitaran yang dibina, koleksi, amalan budaya, pengetahuan dan pengalaman hidup. Menurut Wahab Lilawati (2013), bangunan bersejarah adalah antara sebahagian daripada khazanah warisan negara yang wajar dipulihara dari masa ke semasa untuk tatapan generasi akan datang. Dari segi khazanah warisan ini, Malaysia kaya dengan bangunan sebelum dan 20 selepas perang yang masih wujud dan kukuh sehingga kini. Misalnya, Taiping telah diwartakan sebagai bandar warisan yang pertama di Perak yang kaya dengan warisan khazanah sejarahnya. Dalam kajian ini, pengkaji juga menumpukan kepada pemeliharaan khazanah warisan yang terdapat di negeri Terengganu iaitu Kesesuaian Penyesuaigunaan Rumah Kediaman Warisan Pahlawan Resort Sebagai Tempat Pelancongan.

1.9.5) Pemeliharaan dan Pemuliharaan

Pemeliharaan (Preservation) adalah termasuk daripada proses konservasi bagi bertujuan untuk mengekalkan signifikan warisan sesuatu tapak atau objek bagi memastikan integriti dan kelestarian tidak terganggu. Manakala pemuliharaan termasuklah pemeliharaan, pembaikpulihan, pembinaan semula dan penyesuaian atau mana-mana gabungannya. Pemuliharaan didefinisikan sebagai proses pengendalian tapak atau objek pada keadaan asal supaya tidak mengalami kerosakan dari masa ke semasa. Dalam pemuliharaan, ia bertumpu kepada teknik memperlakukan proses kemerosotan, pereputan atau keadaan usang sesuatu butiran atau struktur. Selain itu, prosesnya juga merupakan satu cara pembaikan keadaan struktur untuk menjadikannya selamat dan boleh didiami atau berguna. Dari segi penyelenggaraan, hanya pada kadar yang biasa atau pembaikan kecil yang tidak mengubah rupa atau sejarah. Tumpuan kerja pemuliharaan ditumpukan dalam kajian ini melibatkan rumah tinggalan lama yang pernah didiami oleh tokoh Melayu yang dikatakan menetap di Terengganu dan membina rumah kediaman di sekitar Kuala Berang dan Kuala Terengganu.

2.0 Rumusan Bab

Secara keseluruhan dapat disimpulkan bahawa kajian atau penyelidikan ini adalah bertujuan untuk memartabatkan serta menjaga nilai warisan yang sedia ada bagi tontonan generasi pada masa depan tentang sejarah yang telah terjadi masa lampau dengan adanya warisan seperti ini. Bagi mencapai objektif kajian ini, semua perkara dalam bab ini akan digunapakai dan dilakukan dengan secara tertatur.

Bagi memastikan kajian ini sesuai mengikut kehendak tajuk kajian, perkara yang penting adalah dengan membuat persoalan kajian dengan sesuai berdasarkan tajuk dan keadaan lokasi kajian. Objektif kajian pula sangat penting untuk menjawab semula dengan persoalann kajian yang telah dibuat. Oleh itu kedua-dua ini sangat penting dalam hubungkait sesuatu kajian itu berjaya. selain itu, dalam bab ini juga memberitahu tentang latar belakang kajian yang akan dilaksanakan selepas objektif telah mula dibuat.

Seterusnya, untuk melakukan kajian, pernyataan masalah juga diambil kira dan sangat penting kepada pengkaji dalam penyelidikan untuk memastikan penyelidik mempertahankan isu atau masalah yang ingin dikaji. Oleh itu dengan pernyataan masalah ini semua masalah akan dianalisis dan diselidiki secara mandalam. Selain itu, kepentingan kajian juga menerangkan tentang apakah kepentingan kajian ini, kepada siapakah kajian ini dibuat dan mengapa ianya penting kepada individu tersebut. Walaubagaimanpu, dalam bab ini juga merumuskan tentang skop kajian. Dimana skop ini adalah bertujuan untuk memberitahu sejauhmanakah kajian ini akan dijalankan dan ianya juga mempunyai batasan kajian dalam menjalankan kajian ini.

Kerajaan perlu memberikan inisiatif dan juga perhatian kepada penyesuaigunaan semula bangunan warisan seperti ini supaya nilai warisanya tidak hilang begitu sahaja. Hal ini dapat dilihat apabila dengan menjadikan rumah-rumah lama ini sebagai sebuah tempat yang boleh dijadikan sebagai tempat warisan ianya sekaligus membolehkan menarik minat pelancong untuk menyemarakkan lagi untuk mereka mengetahui tentang sejarah silam dan juga sejarah bangunan-bangunan tersebut. Walaubagaimanapun, untuk membuat kaedah “*adaptive reuse*” ini haruslah mengikut prosedur dan juga langkah yang bersesuaian agar ianya tidak merosakkan nilai yang sedia ada, dalam kajian ini, pengkaji menjalankan dan melaksanakan kajian tentang sejarah bangunan, keistimewaan bangunan ini dan juga cadangan untuk memulihara bangunan warisan ini dari rosak disebabkan oleh faktor yang membuatnya boleh rosak sepenuhnya.

Kaedah bagi proses pemuliharaan bangunan warisan untuk tujuan disuaiguna semula sebagai satu tarikan pelancongan adalah proses serta satu keadaan yang masih baharu lagi di Malaysia. Walaubagaimanapun, hari demi hari makin banyak pihak yang mengambil berat dan cuba untuk mengaplikasi serta menyelidiki tentang bangunan bersejarah dan seterusnya mengambil langkah dan inisiatif untuk memuliharanya. Pemuliharaan bangunan bersejarah tidak boleh diabaikan walaupun negara sedang mengejar kemajuan. Sekiranya tiada perhatian yang khusus maka ianya akan musnah dan kita akan kehilangan warisan yang telah diturunkan oleh generasi terdahulu. Apa yang dirisaukan adalah apabila kita akan lupa asal rumpun bangsa kita sendiri. Kita perlulah menyedari bahawa salah satu daripada kepentingan pemuliharaan bangunan bersejarah adalah untuk menggalakkan kedatangan pelancong ke dalam negara melalui aktiviti industri pelancongan warisan yang perlu diketengahkan sekarang. Seperti di negara Barat yang mana kebanyakan bangunan bersejarah dipulihara dan disuaigunasemula, begitu jugalah yang perlu dilakukan di negara kita.

Di Malaysia, terdapat pelbagai jenis bangunan warisan yang mempunyai nilai bersejarah yang disuaiguna semula, namun jumlahnya tidak banyak dan kejayaannya. Namun begitu, ada juga bangunan yang telah melalui proses suaiguna semula tetapi gagal dalam sasarannya sebagai tarikan pelancong atas pelbagai faktor seperti lokasi, promosi dan sebagainya. Oleh masalah ini, Ia telah menyebabkan satu kerugian besar yang boleh dielakkan sekiranya penyesuaigunaan semula bangunan bersejarah dirancang dan dianalisa dengan baik mengikut kesesuaian dalam prosedur kaedah penyesuaigunaan semula bangunan warisan.

BAB 2

SOROTAN KAJIAN

2.0 Pengenalan

Sorotan Kajian atau Kajian Literatur merupakan pernyataan fakta yang menyokong sesuatu objektif. Ia membuktikan bahawa teori yang digunakan bukanlah hanya rekaan. Dalam erti kata lain adalah hasil kajian yang pernah dilaksanakan individu lain pada sebelumnya berkaitan kajian yang dibuat pada masa kini. Menurut Bryman & Bell (2003), sorotan kajian ialah rujukan secara kritikal dan sistematik mengenai maklumat terpilih yang terdapat dalam perpustakaan atau literature berkenaan topik atau fokus kajian penyelidik. Sorotan itu perlu menghurai, meringkas, menganalisis, mensistesis, menilai dan menjelaskan kepustakaan yang dipilih (Creswell, 2005). Di dalam sorotan kajian ini juga terkandung pernyataan, kaedah, teori, pendapat, penilaian dan laporan kajian berkenaan tajuk yang dipilih pengkaji. Tujuan sorotan kajian ini dibuat adalah memberikan asas teori untuk penyelidikan seterusnya memberi idea yang relevan mengenai makna dan hubungan antara pemboleh ubah (Kamarul, 2015).

Sorotan kajian ini mampu merungkai tentang status kajian di luar sama ada telah banyak diterokai atau sebaliknya. Biasanya sorotan kajian dilaksanakan berdasarkan bahan rujukan bercetak seperti artikel, buku, jurnal, makalah, tesis, surat khabar atau kenyataan daripada seseorang pakar. Di samping daripada bahan bercetak, sorotan kajian juga boleh dilakukan melalui media elektronik di laman sesawang atau web dalam rangkaian internet. Selain itu juga, dalam bab ini juga menerangkan tentang semua yang berkait dengan tajuk kajian. Beberapa kajian literatur telah digariskan berkaitan tajuk kajian iaitu Kesesuaian Penyesuaigunaan Rumah Warisan Pahlawan Resort sebagai tempat pelancongan.

2.1) BANGUNAN WARISAN

Akta Warisan Kebangsaan 2005 memberikan definisi bangunan sebagai sesuatu atau kumpulan bangunan yang berasingan atau bersambung, yang disebabkan oleh senibinanya, kehomogenannya atau tempatnya dalam lanskap, mempunyai nilai sejagat yang menonjol dari pandangan sejarah, seni atau sains.

Penilaian keadaan bangunan warisan adalah penting kerana kebanyakan bangunan ini telah wujud selama beratus-ratus tahun dan telah mengalami banyak kerosakan (Paik, 2014). Bagi memastikan bangunan warisan tersebut selamat untuk diduduki dan senantiasanya berada dalam keadaan yang baik, pemeriksaan secara berkala perlu dilaksanakan bagi mengenalpasti keadaan semasa dan untuk menyediakan plan tindakan pemulihan (Mohamad et. Al., 2015). Jadi, kegagalan dalam pemeriksaan ini boleh mnyumbang kepada kegagalan masa depan aset yang sedia ada (Che Ani et. AL, 2010).

2.1.1 Definisi Bangunan Warisan

Dalam bidang konservasi ianya merangkumi banyak aspek sama ada dari segi pemuliharaan, pemeliharaan, penambahbaikan mahupun penyesuaigunaan dari segi pelbagai bentuk sama ada warisan budaya ketara atau tidak ketara. Sebagai contoh, pemuliharaan bangunan merupakan satu langkah yang melibatkan pengekalan dan penjagaan ke atas bangunan warisan daripada musnah. Kaedah ini juga diambil kira kepentingannya terhadap negara dan juga masyarakat iaitu dari segi faktor sejarah dan nilai estetikanya.

Walaupun bagaimanapun, selain faktor sejarah, usia bangunan itu juga sangat penting dalam menentukan ianya perlu diwartakan atau disebut sebagai bangunan warisan agar diberikan perhatian yang khusus (Harun, 2005).

Menurut Siti NorFatimah Binti Zuraidi dalam kajiannya berkaitan dengan Model Rangka Kerja Pemuliharaan Struktur Fabrik Bagi Bangunan Bersejarah ada menyebut tentang definisi bangunan warisan. Dalam kajian itu, pengkaji mengambil pernyataan Fielden (2000) yang berpendapat bahawa sesebuah bangunan warisan itu yang telah mencapai usia 100 tahun penggunaannya, ia wajar digelar sebagai bangunan bersejarah. Kebanyakan bangunan bersejarah yang diisytiharkan sebagai warisan sejarah adalah bangunan yang telah dibina pada tahun 1800 sehingga 1900. Menurut kajian inventori bangunan warisan di Malaysia sebagaimana yang telah dilakukan oleh pihak Muzium Negara pada tahun 1992, mereka menganggarkan terdapat lebih daripada 35,000 buah bangunan bersejarah sebelum perang pada 265 buah Bandar yang telah dikaji (Idid,1995). Selain itu, bangunan-bangunan ini juga telah dipulihara dengan baik dan dianggarkan berusia lebih 100 tahun sehinggalah 200 tahun lebih dimana bangunan-bangunan ini terdiri daripada pejabat, stesen keretapi, sekolah, kubu, rumah ibadat, rumah kediaman dan lain-lain lagi (Ahmad, 1997).

2.1.2 Jenis-jenis Bangunan Warisan

Negeri Terengganu terkenal dengan pantai dan pulau yang indah, berjaya menarik ramai pelancong sama ada dari dalam dan luar negara. Contoh pulau yang terkenal di negeri Terengganu ialah seperti Pulau Redang, Pulau Perhentian dan Pulau Kapas. Pulau-pulau ini menjadi tumpuan pelancong sebagai destinasi wajib ketika berkunjung di negeri Terengganu. Selain itu, negeri Terengganu juga kaya dengan bangunan dan masjid yang bersejarah yang sudah semestinya menyimpan pelbagai peristiwa dan nilai warisannya yang tersendiri. Ia menonjolkan ciri-ciri warisan Terengganu yang sudah semestinya mempunyai sedikit kelainan daripada negeri-negeri lain di Malaysia. Terdapat beberapa bangunan atau masjid yang terkenal yang menjadi tarikan pelancong ketika melawat negeri Terengganu Darul Iman. Antara jenis bangunan warisan yang dapat dilihat di Terengganu ialah rumah kediaman tokoh atau ulama seperti Rumah Haji Su, Losong dan masjid seperti Masjid Engku Mahmud.

i) **Rumah Kediaman**

Rumah kediaman merupakan rumah yang diduki oleh orang secara persendirian atau berkumpulan. Kebelakangan ini negara Malaysia semakin rancak dalam melaksanakan konservasi terhadap bangunan kediaman sama ada ianya milik tokoh terdahulu, menteri, bangunan, rumah kedai dan sebagainya yang membawa kepada nilai warisan. Menurut kajian lepas yang mengkaji tentang rumah kediaman yang mempunyai nilai warisan dan penting kepada negara telah pun membuktikan bahawa ianya adalah satu kepentingan dan juga mempunyai banyak manfaat daripadanya.

Pembinaan tempat kediaman atau rumah masyarakat Melayu tradisional adalah sememangnya dipengaruhi oleh alam sekitar dan cara hidup masyarakat Melayu sejak dahulu lagi. Tempat atau kawasan untuk pembinaan rumah kediaman memerlukan satu kawasan atau lebih tepat ialah tanah samada hak sendiri atau pemilikan. Corak perkampungan Melayu tradisional terhasil melalui jalinan antara budaya dan alam semula jadi. Budaya mempunyai tafsiran yang luas dan bukan hanya dilihat pada perspektif adat dan tradisi masyarakat tetapi budaya yang nyata yang dizahirkan oleh masyarakat Melayu itu sendiri. Sebagai contoh, seperti kepakaran dan kesenian dalam membina rumah, Siti Norlizaiha Harun & Azira Ibrahim Jurnal Perspektif Jil. 3 Bil. 2 (12-26).

Selain rumah, masyarakat Melayu dapat mencipta unsur atau elemen yang boleh melengkapkan aturan kehidupan berumah seperti rumah bukan hanya perlu ada kelengkapan perabut dan perkakasan memasak sahaja tetapi rumah juga perlu adakawasan luarannya. Maksud di luar ialah kawasan persekitaran rumah. Apa yang dapat dilihat, rumah tradisional yang dicipta pada zaman dahulu mempunyai maksud dan kawan yang tersirat. Ruang dan elemennya bagaikan diatur dan ada sebab tertentu penghuni menstrukturkannya. Oleh hal demikian, dengan adanya pembinaan rumah yang berstruktur pada zaman dahulu, jelas membuktikan bahawa, rumah kediaman tokoh yang tinggal di Hulu Terengganu ini seperti Mat Kilau ini ada menunjukkan ciri rumah tradisional yang berkonseokan seni bina yang menarik. Selain itu, ianya juga merupakan rumah warisan yang ditinggalkan kepada masyarakat Kuala Berang, Hulu Terengganu.

Hasil kajian Ahmad Sanusi dan Ku Azhar (2001), berpendapat tentang corak penempatan kampung tradisi di Malaysia dibahagikan kepada tiga corak penempatan. Tiga corak penempatan yang disebut iaitu kampung darat, kampung air dan kampung gabungan. Corak penempatan kampung darat dan kampung air terbentuk daripada ciri topografi muara dan tebing-tebing sungai. Namun begitu, dengan mengalami perubahan waktu, mereka ini membina rumah mengikut tempat yang mereka tinggal.

Warisan Pahlawan Resort ini menempatkan rumah kediaman para tokoh sejarah terdahulu. Salah sebuah rumah tokoh ini juga dibina di kawasan berhampiran dengan sungai iaitu di Pasir Nering, Kuala Berang. Namun begitu, rumah warisan ini kian musnah dan menyebabkan berlakunya kemusnahan dan akhirnya dilakukan proses konservasi terhadap rumah tradisional tersebut.

ii) **Rumah Bersejarah**

Rumah bersejarah secara amnya ialah memenuhi beberapa kriteria yang boleh menyatakan bahawa ianya ialah sebuah rumah bersejarah. Selain itu, kriteria itu sangat penting untuk didaftarkan dan disenarai rasmi oleh Jabatan Warisan Negara sebagai “Bersejarah”. Secara amnya, apa yang dapat dinyatakan ialah, sekurang-kurangnya usia bangunan tersebut adalah seperti yang telah ditetapkan di dalam Akta Warisan Kebangsaan 2005 dan juga bergantung kepada peraturan untuk senarai individu. Seterusnya, faktor kedua ialah, bangunan tersebut dapat dikenali dengan bentuk yang sama seperti ketika ia menjadi sejarah. Ketiga adalah dengan syarat, bahawa berlakunya atau ianya menjadi satu peristiwa penting dan bersejarah yang boleh dikaitkan dan juga mempunyai kepentingan. Namun begitu, sekiranya rumah atau bangunan tersebut ialah merupakan bangunan bersejarah dan menjadi sejarah dan telah mencukupi kriteria dalam Akta ianya boleh dibuat dan boleh mendapatkan pewartaan bangunan bersejarah dengan melakukan prosedur yang betul.

MALAYSIA
KELANTAN

iii) Rumah Haji Su

Rumah Haji Su merupakan manifestasi kekayaan usahawan Melayu lama dan mempunyai cita rasa yang tinggi. En Mohd Yusof berkata, rumah Haji Su ini bercirikan keunikan senibina dan pertukangan masyarakat Melayu Tradisional Terengganu dibeli bagi tujuan pulihara dalam mengekalkan martabat kesenian Melayu.

Haji Su merupakan seorang ahli perniagaan. Beliau merupakan antara yang ternama di negeri Terengganu pada zamannya. Allahyarham memiliki banyak kapal bagi tujuan perdagangan di rantau ini. Selain itu, beliau juga memiliki kapal bagi mengangkut penumpang yang menghubungkan Kuala Terengganu dengan Singapura. Nama beliau juga turut diabadikan pada sebuah petempatan iaitu Losong Haji Su.

Keunikan dan keindahan senibina rumah ini didirikan secara pasak tanpa menggunakan sebarang paku. Rumah Melayu Terengganu ini dibina sambil menerapkan nilai islamiah dan Melayu dalam senibinanya. Verandah, pemisahan bilik ibu bapa dan anak-anak, ruang meraikan tetamu dan ruang keluarga yang terpisah, dapur, dan bilik air terletak di luar.



Rajah 1.2: Rumah Warisan Haji Su

Sumber: Malaysian-nomad.asia

iv) Masjid Engku Haji Mahmud

Masjid ini dibina tidak lama selepas kampung ini dibuka. Pembinaannya dilaksanakan secara gotong-royong oleh Engku Haji Mahmud dan para pengikutnya. Ruang solat masjid ini mampu menampung kira-kira 500 jemaah pada satu-satu masa.

Masjid ini terletak di pinggir sungai. Sungai pada ketika itu merupakan laluan utama penduduk dan dianggap sebagai masjid yang terunik di negeri Terengganu kerana dihiasi dengan pelbagai ukiran yang berunsurkan motif Jambi. Bahan-bahan asal sebahagiannya masih lagi dibekalkan tanpa mengubah strukturnya seperti ukiran-ukiran yang terdapat pada tiang-tiang, dinding dan bumbung masjid. Sepasang tanduk kerbau yang asli dan menjadi lambang warisan turun-temurun masyarakat Jambi masih teguh terpelihara di mercu menara dan kubah masjid ini.

2.2 NILAI KEPENTINGAN WARISAN

Dalam satu artikel yang bertajuk Mendepani Seni Warisan dan Kreatif dalam Mencapai Satu Gagasan Melayu di Nusantara yang ditulis oleh Dr. Sabzali Musa Kahn En. Effendi Shamsuddin Dr. Nik Nairan Abdullah ada satu subtopik yang berkaitan dengan maksud kepentingan warisan. Menurut beliau, warisan adalah berkaitan dengan sesuatu yang diwarisi secara temurun temurun oleh seseorang atau sesuatu kelompok masyarakat daripada generasi yang terdahulu. Selain itu ianya juga menggambarkan keseluruhan sebuah kehidupan sesuatu bangsa dan melambangkan sesebuah ketamamdunan masyarakat sebelumnya. Warisan secara umumnya terbahagi kepada dua kategori iaitu warisan ketara (*tangible heritage*) dan warisan tak ketara (*intangible heritage*). Warisan ketara adalah sesuatu yang kekal dilihat dan boleh dipegang sama ada statik atau mudah alih. Selain daripada itu, terdapat satu lagi kategori warisan yang dikenali sebagai warisan budaya (*culture*

heritage) dan ia juga bolehlah dibahagikan kepada dua kategori utama iaitu warisan budaya ketara (*tangible culture heritage*) dan warisan budaya tak ketara (*intangible culture heritage*).

Antara kategori kepentingan warisan ialah, nilai sesuatu warisan tersebut. Antara kepentingannya ialah dapat dilihat melalui i budaya, nilai nostalgia, senibina, estetik, simbolik dan juga arekologi sesuatu warisan tersebut untuk dijadikan sebagai satu warisan negara. Nilai kepentingan warisan ini berupaya memberi imej dan nafas baru kepada lokasi, bentuk bandar dan budaya setempat. Dengan adanya warisa-warisan bernilai ini lokasi dan kawasan persekitaran akan lebih dikenali dan akan dijadikan sebagai tumpuan pelancongan dan sebagainya. Justeru itu, dengan warisan yang ditinggalkan ini akan mengingatkan kepada negara, masyarakat terutama generasi muda sekarang dalam memupuk nilai patriotism tentang sejarah penjajahan masa lampau lalu dapat menyemarakkan lagi semangat cinta akan negara.

2.2.1 Konsep Nilai Kepentingan Warisan

Menurut oleh Dr. Sabzali Musa Kahn En. Effendi Shamsuddin Dr. Nik Nairan Abdullah dalam artikel yang ditulis Mendepani Seni Warisan dan Kreatif dalam Mencapai Satu Gagasan Melayu di Nusantara ada menejelaskan tentang beberapa konsep untuk meningkatkan lagi kepentingan warisan negara. Pertama adalah dengan menghubungkan komuniti seni warisan dengan pendidikan. Dalam usaha ini, beberapa inisiatif perlu diambil kira seperti mengadakan proram untuk mendidik dan menghebahkan kepentingan dan penghayatan nilai budaya dan juga warisan dalam kalangan belia. Langkah yang gigih harus diambil oleh agensi berkaitan untuk menambah pelbagai cara untuk meningkatkan lagi minat orang muda dalam menjaga kepentingan warisan negara. Antaranya adalah dengan menceburi beberapa institusi yang menawarkan pengajian berakitan dengan warisan.

2.2.2 Nilai Kepentingan Warisan dalam Konteks Antarabangsa

Menurut keratan akhbar yang dimuat naik di laman web Univerisiti Putra Malaysia (UPM) yang bertajuk Memartabatkan Warisan Unik Negara di Persada Antarabangsa ada menyentuh berkaitan dengan usaha yang dilakukan oleh Malaysia untuk memperkenalkan warisan Malaysia ke persada dunia. Dalam keratan akhbar tersebut ada menyatakan tentang usaha Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) menerusi Jabatan Warisan Negara (JWN) dalam mempertanggungjawab untuk memulihara, memelihara serta mengekalkan warisan yang terdapat di Malaysia.

Usaha terbaru KPKK adalah dengan mendapatkan tempat buat Malaysia dalam Konvensyen Melindungi Warisan Budaya Tidak Ketara 2003 Pertubuhan Pendidikan Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO). Dengan matlamat tersebut JWN telah menganjurkan satu Pameran Warisan yang khusus untuk memperkenalkan warisan Malaysia kepada UNESCO. Dalam pada itu KPKK juga telah mengishtiharkan 154 butiran daripada 24 tapak warisan, 10 objek ketara, dan 111 objek tidak ketara dan 9 tokoh orang hidup. Oleh hal demikian, UNESCO telah bekerjasama dengan Sarawak dalam memelihara bahasa terancam dalam Program “Bahasa-Bahasa Terancam” iaitu bahasa Kelabit dan Budayuh.

Selain itu, kesungguhan Malaysia dalam usaha untuk memelihara dan memulihara warisan negara telah mendapat perhatian dan pengiktirafan apabila negara Malaysia telah diiktiraf diterima untuk menganggotai Konevensyen 1972 iaitu Konevensyen berhubung Perlindungan Budaya Dunia dan Warisan Alam 1972 serta Jawatankuasa Warisan Dunia. Menurut Dr Rais Yatim iaitu Menteri Penerangan Komunikasi pada masa itu berkata selepas dipilih untuk menganggotai WHC, Malaysia kini perlu memainkan peranan penting dalam menempatkan pelbagai warisan negara Malaysia agar lebih produktif dan dikenali di persada dunia. Hal ini juga perlu selaras dengan Akta Warisan

Kebangsaan 2005 agar sesuatu warisan atau segala jenis warisan yang baru untuk diwartakan perlu mengikut apa yang terkandung dalam akta. Sebagai contoh, berkaitan kajian yang dilakukan oleh Fatimah et al. (2013), mencadangkan Lembah Lenggong dijadikan sebagai tapak arkeologi dan arkeogeologi sehingga telah mendapat status tapak warisan arekologi dunia. Dengan adanya tempat yang telah diikitraf dunia ini menjadikan Malaysia sebagai tempat pelancongan yang dikenali dunia dan berupaya menarik minat pelancong luar negara untuk berkunjung di tapak warisan tersebut.

2.2.3 Nilai Kepentingan Warisan dalam Konteks Malaysia

Warisan merujuk kepada World Herritage Committee (1966) (WHC), dan menyatakan bahawa warisan ialah merupakan peninggalan oleh nenek moyang terdahulu dan diamalkan pada masa kini dengan diperturunkan melalui generasi ke generasi seterusnya. Selain itu, Jabatan Warisan Negara (2009) mendefinisikan warisan itu adalah khazanah negara yang diwarisi oleh itu semua masyarakat dan perlu bersama-sama bertanggungjawab memelihara dan memulihara peninggalan berharga tersebut.

Oleh hal demikian bagi mengelakkan warisan ini terbiar dan dicuri oleh pihak yang tidak bertanggungjawab, Akta Warisan Kebangsaan 2005 diperkenalkan. Sebelum Akta 2005 diperkenalkan terdapat dua akta iaitu Akta Harta Karun 1957 (Akta 542) dan Akta Benda Purba 1976 (Akta 168). Kedua-dua akta ini pada masa tersebut masih belum kukuh dan tidak lengkap kerana mempunyai banyak kelemahan dan akta tersebut tidak merangkumi kesemua seksyen dan peraturan yang dapat melindungi, memulihara, memelihara dan juga mengekalkan warisan dan warisan budaaya (Yuszaidy et al. 2011). Dengan berlakunya masalah dan terdapatnya kelemahan yang sangat kuat dalam kedua-dua akta ini yang menyebabkan berlakunya kerugian kepada negara dan dalam pada itu Akta Warisan Kebangsaan 2005 diperkenalkan dan diberikan nafas baru untuk terus

memartabatkan warisan di Malaysia dengan lebih baik dan mendalam (Mohd Khairuddin Moh Yusof 2006)

a) Penguatkuasaan Penggunaan Akta Warisan Kebangsaan 2005 (AKTA 645)

Sebelum adanya Akta Warisan Kebangsaan 2005, Malaysia hanya menggunakan satu akta yang dijadikan sebagai undang-undang dalam warisan. Akta yang digunapakai tersebut ialah Akta Benda Purba 1976 (Akta 168). Akta Benda Purba digunapakai bagi perlindungan dan pemeliharaan warisan negara berkaitan dengan warisan benda purba, monument dan tinggalan kebudayaan. Selepas itu, Akta Warisan Kebangsaan (Akta 645) diwartakan pada 31 Disember 2005 dan berkuatkuasa pada 1 Mac 2006.

Akta Warisan Kebangsaan (Akta 645) berkerjasama dengan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan dalam tujuan membolehkan warisan-warisan berada di bawah bidang kuasa dan perundangan antara dua badan ini. Selain itu, tujuannya juga adalah untuk memberi obligasi kepada dua-dua kerajaan ini serta rakyat untuk sama-sama membantu dalam memelihara, melindungi, memperkembangkan dan juga menjaga warisan kebangsaan yang masih kekal di Malaysia. Penubuhan dan pelaksanaan ini juga adalah sejajar dengan penubuhan Kementerian Kebudayaan, Keseniaan dan Warisan Malaysia (KeKKWa) pada 27 Mac 2004. Akta ini juga memberikan satu kemudahan dan mekanisme baru terutama yang berkaitan dengan penglibatan dalam usaha pemuliharaan, khususnya mengikut piawaian yang digunapakai di seluruh dunia. Dalam akta ini juga ada menyenaraikan semua jenis arahan, undang-undang dan juga kesalahan-kesalahan dalam melaksanakan kerja konservasi serta tatacara kesesuaian dalam menjaga benda warisan. Selain itu, ianya juga merupakan satu aras yang diwujudkan dan digunapakai dalam mengemaskini prosedur-prosedur berkaitan dengan penjagaan Warisan Negara.

Akta Warisan Kebangsaan juga menyebut tentang pewartaan barang warisan. Merujuk akta berkenaan, kesemua memorial kebangsaan boleh dicadangkan untuk diwartakan sebagai Warisan Kebangsaan supaya ianya dapat dikuatkuasakan sepenuhnya. Namun begitu, bagi kajian ini, rumah-rumah kediaman (kompleks) ini tidak diwartakan oleh pemilik sekarang kerana terdapat beberapa masalah. Oleh hal demikian, tujuan penyelidikan ini dilakukan adalah untuk membantu pemilik rumah kediaman tokoh Warisan Pahlawan Resort ini untuk mewartakan rumah kediaman yang kini menjadi memorial sebagai resort berada dalam senarai warisan negara. Hal ini kerana dengan adanya pewartaan ini makin ramai penyelidik akan mengkaji serta ianya juga akan berkembang menjadi satu pusat pelancongan yang sangat disegani dan dikenali orang ramai sama.

b) Bangunan Warisan sebagai sektor Pelancongan

Menurut laman web Designing Buildings (2020), bangunan bersejarah atau bangunan yang dipanggil warisan kebiasaanya dianggap sebagai sebuah bangunan atau struktur yang mempunyai beberapa jenis 'nilai bersejarah', iaitu orang-orang di masa kini disambungkan kepadanya melalui peristiwa masa lalu dalam beberapa cara. Sebuah bangunan mungkin mempunyai kepentingan bersejarah yang istimewa kerana kepentingannya berkenaan dengan peristiwa atau tempoh sejarah tertentu, atau dikaitkan dengan orang-orang penting yang pernah menjadi pejuang mahupun memberi sumbangan kepada negara.

Selain itu, Kakibuatblog (2016) telah mendefinisikan bangunan sebagai satu bangunan atau bangunan yang terletak berasingan serta jenis seni bina bangunan tersebut adalah bersambung, tempat terletaknya bangunan itu mempunyai nilai sejagat yang menampakkan pandangan dari aspek

sejarah, sains serta seni. Bangunan yang mempunyai nilai struktur seni bina yang estetik, simbolik, sosial, politik serta arkeologi menunjukkan bangunan tersebut adalah bangunan bersejarah.

Artikel yang berkaitan dengan Kajian Mengenai Bangunan Warisan Bersejarah OldcourtHouse Di Kuching, Sarawak, oleh Sa'adahtul Quratul Ain binti Sahiran Badrul Hisham bin Alam dan Prof. Dr. Noria Anak Tugang Pengurusan SeniFakulti Seni Gunaan Dan KreatifUniversiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) menyatakan tentang kegunaan bangunan bersejarah itu kepada sebuah bistrri iaitu dalam sektor pelancongan. Menurut artikel ini bangunan mahkamah lama Kuching ini atau lebih dikenali sebagai *Old Court House* merupakan salah satu bangunan kolonial bersejarah yang telah dibina semasa White (keluarga Brooke). Namun mahkamah ini menjadi muzium, restoran dan bistro. Pengunjung dibenarkan untuk melawat kerana sebatian dibuka untuk umum dan mereka mempunyai papan maklumat mengenai setiap sejarah blok individu.

Menurut sejarah, bangunan mahkamah lama ini dapat dikesan sejak tahun 1847. Bangunan ini pada asalnya dibina dengan bangunan kayu dua tingkat oleh Rupe iatu seorang Mubaligh Kristian Lutheran. Bangunan ini dibina atas tujuan untuk menampung sekolah supaya menjadi sekolah harian biasa. Ianya terletak di tapak Rumah Mahkamah, Jalan Utama Bazaar, Kuching. Namun begitu, sekolah itu tidak dapat dijalankan mengikut rancangan kerana beliau harus pulang ke Jerman. Ia kemudian diambil alih oleh Rajah James Brooke, yang memeluk bilik darjah sedia ada ke mahkamah untuk pentadbiran keadilan. Dalam tempoh enam tahun pertama pemerintahan Brooke, prosiding mahkamah telah dijalankan di kediaman yang merupakan Astana Negeri sekarang.

Seterusnya tiada lagi rekod sejarah lain di bangunan mahkamah asal ini sehingga *Insurrection of the Bau Gold Mine* Cina Kongsi pada bulan Februari 1857. Seterusnya Liu Shanbang, pemimpin iaitu *Chinese Share* berjaya menawan Bandaraya Kuching semasa pemberontakan yang bermula dari 18 hingga 21 Februari 1857. Bangunan tersebut telah dirobuhkan pada tahun 1858 atas arahan Tuan Muda Charles Brooke. Tidak lama selepas dia diisytiharkan sebagai Rajah Kedua pada tahun 1968,

beliau mengarahkan sebuah bangunan baru dibina untuk menempatkan pejabat kerajaan lain di bawah bumbung yang sama dengan mahkamah. Ia mengambil masa tujuh tahun untuk menyelesaikan kerana kekurangan bahan binaan. The Court House telah menyaksikan banyak peristiwa sejarah termasuklah semasa bangunan pertama hampir dibakar oleh api semasa kebakaran besar di bandar Kuching pada 20 Januari 1844. Ia kemudiannya digunakan sebagai Pusat Pentadbiran Mahkamah Tinggi Borneo iaitu kini adalah Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak.

Oleh hal demekian, kerana terlalu banyak peristiwa yang terjadi di Bangunan OldCourt House ini memberikan ianya satu peringatan dimana ianya perlu dipulihara supaya ianya terus kekal dengan warisan tersebut walaupun ianya dibina oleh pihak British namun ianya memberikan impak yang besar kepada masyarakat di Malaysia. Bangunan OldCourt ini sekarang menjadi pusat tumpuan pelancong untuk datang ke sini tujuan berehat dan melancong sambil melihat struktur senibina yang telah dibina. Hal ini dapat dikatakan kerana keindahan seni bina yang dibina pada zaman dahulu itu berkonsepkan Barat dan sekan-akan menunjukkan ciri binaan seperti gereja. Namun, setelah ianya dirobohkan dulu, kini bangunan ini telah pun disuaigunakan sebagai salah sebuah pusat pelancongan untuk pelancong dalam dan luar negara. Sesungguhnya banyak bangunan dan rumah kediaman yang menajdi sejarah di tanah air ini boleh dijadikan sebagai pusat pelancongan.



Rajah 1.3 Old Court House Kuching City". eTawau.

Sumber: Internet 2 April 2014. Retrieved 21 December 2016

c) Struktur Bangunan Warisan atau Seni bina

Pengertian seni bina memberi kefahaman dan pentafsiran yang berbeza dikalangan arkitek dan juga ahli akademik. Menurut Vitruvius dalam karyanya *De Architectural* (sumber bertulis perihal Seni Bina tertua di dunia), bangunan yang baik haruslah memiliki keindahan atau estetika, kekuatan dan kegunaan atau fungsi. Oleh itu, seni bina dapat dikatakan sebagai keseimbangan dan koordinasi antara ketiga unsur tersebut, dan tidak ada satu unsur yang melebihi unsur lainnya. Manakala menurut Ibnu Khaldun pula seni bina merupakan satu daripada asas tamadun yang paling utama yang merupakan lambang atau menifestasi daripada sesuatu tamadun. Oleh itu, berdasarkan pencapaian ini maka keagungan dan ketinggian sesuatu tamadun itu dapat diukur seperti tamadun purba yang agung. Pada zaman tersebut, senibina yang bermutu dihasilkan dan sehingga kini masih lagi wujud walaupun dalam bentuk usang dan hampir runtuh.

Negeri Terengganu terkenal sebagai sebuah negeri yang mempunyai kekayaan seni bina binaan baik bangunan-bangunan kerajaan, rumah-rumah ibadat mahupun kediaman. Ia banyak dipengaruhi hasil percampuran dengan pengaruh Islam, Cina, Nusantara serta Inggeris yang datang berhijrah, berniaga dan mentadbir di Terengganu.

Berdasarkan jurnal pelancongan yang bertajuk “Penggunaan semula bangunan bersejarah adaptif dan lawatan sebenar penduduk tempatan” oleh Ariffin, Zahari dan Radzi (2017), setiap bangunan mempunyai fungsi yang berbeza bergantung kepada tujuan utama kewujudannya di tempat pertama. Penggunaan bangunan mungkin berubah dari semasa ke semasa walaupun, apabila tujuan utama beralih ke tujuan baru untuk memenuhi keperluan semasa dan pada masa yang sama mengekalkan keasliannya.

Pada masa itu, sesetengah bangunan bersejarah telah digunakan semula sebagai sebuah dewan atau dewan konsert, perpustakaan, rumah, pejabat, restoran dan juga sebuah outlet kilang. Menurut Spigliantini, Fabi, Schweiker dan Corgnati (2019), kajian metodologi mempunyai aspek sosial yang kuat dengan potensi untuk mengubah sikap orang terhadap penggunaan tenaga dan tingkah laku. Oleh itu, fungsi baru bangunan bersejarah itu mesti mengikut bentuk asal bangunan dan bukannya mengikut fungsi baru untuk mengekalkan sifat asal bangunan bersejarah itu.

Sebelum terbinanya rumah-rumah batu ini, rumah kediaman masyarakat tempatan diperbuat daripada kayu serta tumbuhan, dan lebih dikenali sebagai rumah Melayu. Hakikatnya, pembinaan rumah Melayu terawal dipengaruhi oleh faktor iklim, agama, sosial, dan persekitaran. Kawasan hutan tanah Melayu pada waktu itu yang subur dan sesuai untuk pertanian telah merencanakan penempatan dan pembinaan rumah Melayu di kawasan tersebut. Di dalam kajian *Kepelbagaian Seni Bina dan Struktur Bangunan Bersejarah di Melaka* hasil penulisan Zahir Zainudin, Rozilah Azizan, Lim Lih Jian, Anis Mastura Mohd Rodzi, Hafiza Abd. Razzak, Rashidah Dawood dan Nur Fakhira Ismail (2014), menyatakan perkembangan seni bina di Tanah Melayu sejak berkurun-kurun lamanya kaya dengan warisan unsur-unsur ketimuran dan kebaratan.

Selepas seni bina vernakular berlalu, lahir pula seni bina yang mempunyai ciri-ciri kebaratan melalui zaman penjajah kuasa-kuasa barat seperti Portugis, Belanda dan Inggeris. Bentuk binaan yang telah melalui evolusi lalu menjadi satu bentuk identiti seni bina yang dikenali sebagai 'Straits Electic Style'. Negeri-negeri yang dikenali dengan nama negeri selat seperti Melaka, Pulau Pinang dan Perak mewarisi bangunan-bangunan yang bercirikan seni bina 24 kolonial. Misalnya negeri Melaka mengadunkan pengaruh Portugis, Belanda dan Inggeris. Menurut Hussin Jalid (1985), bangunan yang dibina di Malaysia kebanyakannya merangkumi lambang senibina Nusantara yang biasanya mempunyai perbezaan dari segi bumbung curam, bumbung bertingkat tirus dan juga menaranya.

Bangunan yang terdapat di Kelantan dan Terengganu amat terkenal dengan kepelbagaian motif ukiran yang mengikut kreatif sendiri. Lazimnya motif flora, geometri serta kaligrafi yang diterapkan pada bangunan selalu digunakan dalam senibina bangunan kerana menggambarkan identiti Melayu Nusantara. Namun, pelbagai teori diketengahkan dalam proses mengkaji asal usul motif ukiran ini. Menurut Farish dan Eddin (2003), motif yang lazim digunakan seperti flora menyumbang kepada identiti rantau timur yang berasal dari Empayar Langkasuka. Motif-motif seperti flora, geometri, dan kosmik yang terdapat pada panel daun pintu, dinding-dinding, susur tangan dan komponen pengudaraan mempunyai bentuk dan saiz yang berbeza (Ismail, 2001).



Rajah 1.4: Ukiran Motif Flora Rumah Melayu Tradisional Terengganu.

(Sumber: <https://jejakmihrabmimbar.wordpress.com/identiti-senibina-terengganu>)

2.3 RUMAH TOKOH SEBAGAI BANGUNAN WARISAN

Pelaksanaan kaedah yang sesuai harus dijalankan ke atas rumah-rumah kediaman tokoh yang telah lama meninggal. Hal ini kerana rumah tersebut merupakan warisan ketara yang telah menjadi sebahagian daripada harta negara. Oleh itu, kaedah yang paling sesuai digunakan dalam menjaga rumah ini adalah melalui kaedah penyesuaigunaan semula bangunan kediaman tersebut. Penyelesaian ini menyelamatkan rumah tersebut daripada terbiar dan musnah akibat tidak dijaga dengan baik dan tiada pengkonservasian yang sesuai. Pelaksanaan kaedah ini juga telah dugunapakai oleh negara-negara luar yang menjaga bangunan warisan mereka daripada pupus. Berbanding dengan negara luar, Malaysia masih lagi dalam keadaan menempuh fasa-fasa kebangkitan dalam proses penyesuaigunaan semula bangunan warisan. Menerusi usaha ini telah dibuktikan dalam mesyuarat Jemaah Menteri yang telah dianjurkan oleh Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan Malaysia (1989), Jemaah Menteri antara lainnya telah pun memutuskan agar kementerian yang berkenaan untuk mengenalpasti beberapa bangunan kerajaan dan juga bangunan kediaman yang dimiliki oleh tokoh terdahulu yang sesuai untuk dijadikan sebagai muzium, memorial dan galeri seni lukis.

2.3.1 Definisi Tokoh

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat maksud tokoh ialah, orang kenamaan, orang yang terkenal dan merupakan orang yang banyak memeberikan sumbangan kepada negara dan masyarakat. Mereka ini layak diberikan anugerah dan gelaran kerana banyak menyumbang sama ada tenaga atau pemikiran.

Tokoh yang terkenal dan ternama sudah semestinya banyak membrikan sumbangan, oleh hal demikian mereka akan meninggalkan kesan sejarah yang mendalam kepada negara. Sebagai contoh, mereka akan meninggalkan rumah kediaman, barangan dan pelbagai lagi yang boleh menjadikan ianya sebagai warisan negara. Peninggalan ini seharusnya tidak dibiarkan pupus begitu sahaja bahkan perlu dipelihara dan dipulihara sebaik mungkin agar ianya tidak ditelan zaman agar generasi akan datang kenal dan mengetahui sejarahnya.

2.3.2 Perkaitan Tokoh dengan Kepentingan Warisan

Seorang yang banyak memberikan sumbangan kepada negara layak digelar tokoh. Oleh itu mereka ini adalah orang yang membuat negara ini memiliki warisan sama ada warisan ketara atau tidak ketara. Mereka membawa banyak kepentingan dan sumbangan. Oleh itu, selepas mereka meninggal, mereka turut meninggalkan sejarah supaya masyarakat boleh ingat akan sumbangan mereka. Oleh itu, kerajaan membuat pelbagai usaha dalam memulihara dan memelihara warisan yang ditingalkan oleh mereka seperti rumah kediaman. Rumah yang dibiarkan ini akan diguna semula sebagai fungsi lain seperti galeri dan muzium.

Sebagai contoh, seniman P. Ramlee atau nama sebenarnya Teuku Zakaria Teuku Nyak Puteh dilahirkan pada 22 Mac 1929, beliau merupakan seorang pelakon legenda yang dikenali ramai orang dan juga dikenali negara jiran seperti Indonesia, Singapura dan Brunei. Selepas beliau meninggal, nama beliau masih terpahat sehingga ke hari ini dengan lakonan dan filem beliau. Selain itu, untuk mengingati beliau kerajaan telah menjadikan rumah beliau sebagai memorial kebangsaan. Dalam satu penulisan blog yang ditulis oleh Harith Faruqi Sidek pada Isnin, November 2012 dalam penulisan yang bertajuk Rumah Kelahiran P. Ramlee menceritakan bagaimana sejarah rumah tersebut sehinggalah rumah tersebut diambil alih oleh Arkib Negara pada 3 Mac 1981.



Rajah 1.5: Rumah kelahiran P. Ramlee sebelum diambil alih oleh Arkib Negara Malaysia

Sumber: TST, 3 Mac 1981: 13



Rajah 1.6: Penanda Rumah P. Ramlee

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

2.4 PEMULIHARAAN

Berdasarkan pemahaman, bangunan bermaksud tindakan pemulihan terhadap bahagian struktur serta fungsi pada sesebuah bangunan tanpa mengubah keadaan asal bangunan tersebut. Menurut Dr. A. Ghafar Ahmad, 19 hingga 22 Disember 1994 dalam program iiatu, Bengkel Menangani Masalah Pemuliharaan Bangunan Lama Di Malaysia, pemuliharaan bangunan ialah bermaksud satu proses dalam memelihara dan membaiki semula harta dan warisan lama yang mempunyai nilai-nilai seni bina serta sejarah penubuhan bangunan bersejarah melalui kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaharuan oleh pihak yang betul

2.4.1 Definisi Pemuliharaan dan Pemeliharaan

Menurut Fileden (200), antara kepentingan pemuliharaan bangunan bersejarah ialah, bangunan yang mempunyai nilai nostalgia, seni bina, estetik, simbolik, dokumentari, arkeologi serta politik. Menurut beliau, bangunan bersejarah berupaya memberi imej dan identiti pada rupa bentuk Bandar dan budaya setempat.

Pemeliharaan (*Preservation*) adalah termasuk daripada proses konservasi bagi bertujuan untuk mengekalkan signifikan warisan sesuatu tapak atau objek bagi memastikan integriti dan kelestarian tidak terganggu. Pemeliharaan didefinisikan sebagai proses pengendalian tapak atau objek pada keadaan asal supaya tidak mengalami kerosakan dari masa ke semasa. Pemeliharaan dan pemuliharaan merupakan satu cabang dalam konservasi yang sangat penting bagi menjaga keaslian (*Authenticity*) sesuatu warisan itu. Hal ini bagi mengelakkan ianya berubah dari asal.

Selain itu, bangunan bersejarah juga sedikit sebanyak akan mengingatkan kepada sejarah penjajahan masa lampau dan seterusnya memberi kesedaran masyarakat tentang pentingnya patriotisme. Pemuliharaan bangunan bersejarah ini dilakukan adalah kerana ianya dirobohkan untuk tujuan pembangunan, tidak diselenggara dengan baik dan dipulihara dengan kerja pemuliharaan yang salah. Banyak kajian literatur yang telah dilaksanakan bagi memulihara semula bangunan. Rumah kedai dan rumah kediaman yang menjadi sejarah serta membawa kepada banyak kepentingan.

Berdasarkan artikel yang bertajuk Kesesuaian Amalan Penyesuaigunaan Bangunan Kediaman Bersejarah kepada Memorial Kebangsaan oleh NorSyahila Ab Rashid dan Nila Inangda Manyam Keumala H. Daud ada menyatakan tentang masalah dalam kaedah pemuliharaan dan pemuliharaan bangunan warisan. Dalam Jurnal tersebut, berdasarkan Kajian Kes 2 dan Kajian Kes 3 adalah disebabkan oleh kegagalan penyenggaraan yang efisien yang boleh mengundang kesan negatif kepada bangunan serta bahan pameran.

Dalam penulisan jurnal tersebut, ada menyatakan bahawa lebih separuh bahagian daripada setiap bangunan warisan ialah menggunakan bahan binaan kayu. Maka terdapat kelemahan dan kekurangan penggunaan material berkenaan dalam bangunan yang lebih banyak dikaitkan dengan kerosakan dan kecacatan yang disebabkan oleh kelembapan, cuaca, serangga serta usia. Terdapat beberapa bahagian pada kajian kes yang diperbuat daripada kayu mengalami masalah pereputan yang serius yang boleh mendatangkan ancaman kepada pengguna dan orang awam. Oleh itu, dalam kaedah konservasi terdapat undang-undang. Undang undang Kecil Bangunan Seragam 1984 (UBBL) menentukan beban kependudukan bagi setiap kegunaan, untuk menentukan bilangan dan kelebaran jalan keluar yang diperlukan.

Untuk kajian yang dilakukan ke atas Kesesuaian Penyesuaian Rumah Warisan Resort Pahlawan sebagai Tempat Pelancongan ini jelas menunjukkan bahawa rumah ini dibina dengan menggunakan bahan kayu 100%. Dalam kajian ini juga mendapati bahawa, sebelum berlakunya penyelenggaraan, rumah ini rosak teruk dan memerlukan banyak kerja konservasi. Sebagai contoh, papan dan lantai rumah yang rosak teruk perlu diganti dengan yang baru agar rumah ianya selamat kepada pengunjung. Oleh hal demikian, terdapat banyak kerja pemuliharaan terhadap rumah-rumah yang diambil. Selain itu, terdapat beberapa faktor lain yang menyebabkan ianya rosak. Sebagai contoh, semasa rumah tersebut diambil dan diangkat dari tempat asalnya perletakkanya (*setting*), berlaku kerosakan yang disebabkan oleh manusia dan juga faktor semulajadi iaitu kulapuk dan sebagainya. Hal ini menyebabkan rumah tersebut mengalami kerosakan dan Pemilik sekarang perlu melakukan penambahbaikan semula. Namun begitu, kajian ini adalah berkaitan dengan penyesuaigunaan rumah warisan kepada resort terhadap sektor pelancongan di Kuala Berang, Hulu Terengganu.

2.4.2 Pemuliharaan Bangunan Warisan dan Kepentingan

Terdapat banyak bangunan bersejarah yang mempunyai sejarahnya tersendiri di Malaysia. Bangunan ini adalah warisan yang mempunyai nilai estetika dan nilai kepentingannya yang tersendiri. Walaubagaimanapun, terdapat juga bangunan warisan yang telah rosak dan dimusnahkan akibat daripada ketidaksedaran nilai patriotism dan juga disebabkan oleh pembangunan sejagat. Malaysia perlu menitikberatkan dalam pemuliharaan bangunan warisan agar ianya dikekalkan agar berdiri teguh di bumi Malaysia. Rancangan pemuliharaan bangunan bersejarah haruslah diambil cakra walaupun tindakan pemuliharaan bangunan bersejarah di Malaysia masih baru. Namun dengan

adanya kajian dan juga usaha dalam mengekalkan warisan ini negara Malaysia mampu menjadi standing negara Eropah seperti Britain.

Menurut kenyataan dalam Piagam Burra Charter 1981, mendefinisikan pemuliharaan adalah usaha dalam proses bagi mengawasi sesuatu tempat atau kawasan supaya dapat dikekalkan kepentingan kebudayaan seperti keadaan sedia ada tanpa mengubah keasliannya. Ini termasuklah dalam usaha konservasi iaitu pemuliharaan, pembaikan, dan pembinaan semula. Dengan menggunakan kaedah konservasi, kerja-kerja pemuliharaan haruslah dilakukan dengan kaedah yang berseuaian mengikut langkah-langkah dalam kerja konservasi.

Antara kepentingan dalam mengekalkan bangunan warisan di Malaysia adalah untuk menajadi satu lambang kepada negara. Kebanyakan bangunan di Malaysia mempunyai nostalgia yang tersirat dan tersurat yang mendorong para pengkaji masa kini untuk merungkai sejarah bangunan itu dengan lebih terperinci di sebalik seni bina sesebuah bangunan itu yang tersergam indah dan estetik. Dengan adanya kajian, ianya menjurus kepada menjadi satu lambang di lokasi tersebut dan juga membantu orang yang mengkaji dapat membuat penyelidikan dan membahagikan kajian tersebut kepada masyarakat.

2.4.3 Pemuliharaan Berasaskan Nilai (*Valued Based Conservation*)


A Ghafar Ahmad di dalam satu artikel yang bertajuk Rangka Kerja Pemuliharaan Bangunan Bersejarah (2006;50), telah membahaskan tentang pendekatan pemuliharaan atau konservasi terhadap bangunan bersejarah. Hal ini meliputi seni bina, fungsi, struktur bangunan dan ketidaksempurnaan bangunan di mana memerlukan pendekatan pemuliharaan yang menyeluruh dan sistematik.

Pendekatan ini penting untuk memastikan keaslian dan kepentingan sesebuah bangunan bersejarah itu terpelihara dan tidak terjejas. Pemuliharaan bangunan mempunyai prinsip yang telah digariskan seperti meminimakan gangguan, menjalankan kajian saintik, pengdokumentasian kerja pemuliharaan, dan mengaplikasi teknik yang betul.

Menurut Burra Charter (1977), konservasi merupakan satu istilah yang bermaksud, segala proses yang terlibat untuk menjaga sesuatu tempat bagi tujuan memelihara kepentingan budaya. Tindakan ini termasuk perawatan dan mengikut keadaan tertentu termasuk pengekalan, pemulihan, pembangunan semula dan penyesuaiguna. Presiden Badan Warisan Malaysia iaitu Ahmad Sarji, seorang aktivis konservasi, dalam ucapannya pada Seminar “Taiping Bandar Warisan” (2001), antara lain menekankan agar usaha konservasi bangunan bersejarah dijalankan secara serius dan zon penampakan yang bersesuaian perlu diwujudkan supaya ia mampu memberikan perlindungan yang sewajarnya. Melalui usaha konservasi, ia mampu membantu golongan profesional untuk mempelbagaikan peranan mereka dalam usaha menyelesaikan masalah dalam bidang berkaitan.

Antara badan perundangan negara Malaysia yang bertanggungjawab dan menyokong usaha konservasi ialah seperti Akta Benda Purba 1976 (Akta 168), Akta Perancang Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Selain itu, terdapat beberapa enakmen telah digubal oleh Penguasa Tempatan seperti, Enakmen Kerajaan Tempatan dan Enakmen lain seperti Kanun Tanah Negara, Undang-undang Laut, Perundangan Antarabangsa, dan yang terbaru, Enakmen Melaka 1988. Konservasi bandar warisan seharusnya dijadikan sebahagian daripada agenda perancangan dan pembangunan negara dengan mengambil kira faktor persekitaran alam bina dan sosial kawasan terbabit

Hal ini turut ditekankan dalam Deklarasi Amsterdam semasa Kongres Seni Bina Warisan Eropah 1975, yang menyatakan bahawa, konservasi seni bina harus dianggap sebagai isu dan objektif utama di dalam perancangan bandar dan wilayah. Konservasi terhadap seni bina ini harus menjadi sebahagian daripada perancangan bandar di mana wujudnya intergrasi konservasi seni bina warisan ke dalam kehidupan sosial. Menurut Ahmad Sarji (2003) dalam kertas kerja bertajuk “*Urban Regeneration through Conservation Initiatives*”, pendekatan di dalam pengurusan konservasi warisan telah berubah di mana kini ia melibatkan cara hidup sosial di bandar, kawasan sejarah serta landskap budaya. Ini bermaksud faktor sosial, elemen seni bina dan sejarah adalah sama penting dan harus dikekalkan kerana peranannya di dalam pembangunan mampan.



Gambar 1.7: Masjid Ihsaniah Iskandariah Sebelum dan Selepas Proses Konservasi.

(Sumber: <https://www.orangperak.com/seni-unik-masjid-ihsaniah-iskandariah.html>)

2.4.4 Pendekatan di dalam Pemuliharaan Bangunan Warisan

Terdapat beberapa usaha untuk memulihara dan memelihara bangunan warisan yang melibatkan beberapa pendekatan. Maksud pendekatan adalah melalui beberapa proses tindakan-tindakan yang berbentuk proses kerja bagi memulihara bangunan warisan. Pendekatan pemuliharaan di terangkan ini merupakan tafsiran yang dirujuk di dalam Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) Bahagian 1 Seksyen 2 dan suntingan daripada Garis Panduan Pemuliharaan Bangunan Warisan.

a) Pengekalan atau pemeliharaan

Pemeliharaan (*Preservation*) atau di dalam Garis Panduan Pemuliharaan Bangunan Warisan JWN adalah disebut sebagai "Pengekalan". Ianya didefinisikan sebagai satu kerja konservasi dalam pembaikan untuk mengekalkan sesuatu bangunan warisan dalam keadaan asal dan ianya hendaklah dijalankan jika perlu dalam usaha untuk mencegah faktor intrusif seperti pereputan yang berlaku pada masa akan datang. Pemeliharaan merupakan usaha bagi memastikan struktur sesuatu tempat itu berada dalam keadaan asalnya dan mencegah dari berlakunya kerosakan. Seterusnya, Pemeliharaan secara lazim atau mengikut kaedah yang melibatkan kerja-kerja pengawasan dan penjagaan sesebuah monumen dan tapak tanah bersejarah agar tidak mengalami kerosakan dengan menggunakan kaedah saintifik dan sistematik. Hal ini bagi memastikan ianya kekal dengan keaslian pada bangunan warisan tersebut dan ianya dilakukan dengan sempurna mengikut kerja konservasi yang sesuai.

b) Pembaikpulihan

Pembaikpulihan (*Restoration*) atau di dalam Garis Panduan Pemuliharaan Bangunan Warisan (JWN) disebut sebagai "Pengembalian Semula". Selain itu ianya juga didefinisikan sebagai satu usaha bagi mengembalikan atau menghidupkan semula konsep keaslian yang terdapat pada sesebuah bangunan warisan. Pendekatan ini melibatkan bbeberapa perincian dan rupa bentuk bahan itu dilakukan dengan mengambil kira keaslian bahan, bukti arkeologi, rekabentuk asli dan dokumentasi rujukan dari sumber tulen. Pembaikpulihan ini lazimnya melibatkan usaha untuk mendapatkan bentuk dan butiran secara tepat sesuatu benda sewaktu ia wujud dalam satu tempoh masa yang tertentu melalui penanggalan atau pengantian bahan yang telah hilang dengan yang baharu. Pembaikpulihan juga turut melibatkan pelbagai kerja-kerja baikpulih dengan mengekalkan keaslian senibina dan bahan binaannya kepada suatu masa atau dalam era tertentu yang dkira sesuai atau perlu ke tahap mula didirikan dan hinggalah kegunaannya yang asal.

d) Penyesuaigunaan

Penyesuaian (*Adaptive*) atau di dalam Garis Panduan Pemuliharaan Bangunan Warisan JWN disebut sebagai "Penyesuaian Semula" (*Adaptive-reuse*). Kaedah pendekatan ini adalah satu proses kerja yang mengubah suai semula fungsi sebenar bangunan tersebut dan kegunaan bangunan lama itu kepada yang baharu. Namun begitu, ianya masih mengekalkan bentuk dan ciri-ciri bangunan yang asal tanpa mengubah keasliannya (*authencity*). Sebelum kerja-kerja ubahsuai fungsi ini dilakukan, pertama sekali maklumat seperti butiran bangunan dan juga penggunaan ruang asal dan ciri-ciri elemen mestilah direkodkan terlebih dahulu. Lukisan

terukur "*measured drawing*" dan lukisan binaan baharu mestilah disediakan bagi tujuan rekod perubahan pada bangunan.

2.5 PENYESUAIGUNAAN SEMULA (*ADAPTIVE REUSE*)

Konservasi ialah satu kaedah melindungi dan menyelamatkan objek warisan daripada pupus dan merupakan satu proses memanjangkan hayat sesuatu nilai dan fungsi yang ada pada objek warisan tersebut (Mansfield, 2008 dan Foster, 2009). Kerangka teori yang dipilih oleh pengkaji untuk digunakan dalam kajian ini adalah teori konservasi yang terdiri daripada pelbagai teori di dalamnya seperti teori preservasi, restorasi, rekonstruksi, adaptasi dan penyesuaigunaan. Selain itu, teori yang berkaitan dengan kajian ini adalah teori penyesuaigunaan.

Amalan penyesuaigunaan (*adaptive reuse*) merupakan kaedah konservasi bangunan yang sangat berkesan dalam usaha untuk memelihara bangunan warisan yang kian musnah akibat beberapa faktor. Selain itu, bangunan yang telah disuaiguna ini dapat diaplikasi dengan semaksimum mungkin mengikut perubahan dan mengikut peredaran zaman. Namun begitu, pengkalan terhadap keasliannya (*authenticity*) perlu dikekalkan agar tiada nilai warisan yang akan pudar ditelan zaman akibat daripada peredaran zaman. Namun begitu, dalam amalan penyesuaigunaan ini memerlukan proses yang betul mengikut prosedur yang telah ditetapkan kerana ianya telah digazetkan supaya kepentingan seni bina, sejarah yang terdapat pada bangunan tersebut sentiasa terpelihara.

Menurut artikel yang ditulis oleh NorSyahila Ab Rashid dan Nila Inangda Manyam Keumala H. Daud Fakulti Sains dan Teknologi, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), 71800 Negeri Sembilan, Malaysia ²Fakulti Alam Bina, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysi mengenai kajiannya iaitu, Kesesuaian Amalan Penyesuaigunaan Bangunan Kediaman Bersejarah kepada Memorial Kebangsaan. Pengkaji telah mengkaji bangunan atau rumah kediaman pemilik tokoh terkenal di Malaysia yang sekarang menjadi memorial kebangsaan. Objektif kajian tersebut adalah untuk menilai semula amalan penyesuaigunaan bangunan kediaman bersejarah kepada memorial kebangsaan yang telah dilaksanakan dan untuk mengenalpasti prinsip-prinsip amalan penyesuaigunaan bangunan kediaman kepada memorial kebangsaan. Menurut kajiannya, beliau menyatakan bahawa sehingga kini masih tiada sebarang garis panduan yang khusus dalam amalan penyesuaigunaan bangunan kediaman bersejarah kepada memorial kebangsaan di Malaysia.

Antara rumah kediaman yang dikaji ialah menggunakan 3 sampel kediaman iaitu Memorial Tun Abdul Ghafar Baba, Rumah Kelahiran Tun Dr. Mahathir dan Rumah Merdeka. Rumah-rumah kediaman ini merupakan rumah bersejarah untuk negara. Hal ini dikatakan kerana, rumah ini memerlukan pengadaptasian dan juga penambahan yang lebih baik kerana ianya telah rosak disebabkan beberapa faktor. Selain itu, kajian ini juga bagi bertujuan untuk melihat kelemahan dan juga kebaikan dalam amalan penyesuaigunaan. Namun begitu sepanjang penyeldiikan ini berlangsung terdapat kebaikan dan juga kelemahan yang terdapat pada 3 sampel ini. Aspek-aspek berkenaan dinilai semula dengan menggunakan rujukan utama iaitu senarai semak yang direkabentuk merujuk kepada Lord dan Lord (2002), Neufert (1980), Kincaid (2002). Penyelidikan yang dilakukan juga menggunakan kaedah pemerhatian, temu bual, pengambilan gambar dan juga informasi bertulis.

Apa yang disimpulkan setelah kajian oleh, oleh NorSyahila Ab Rashid¹ dan Nila Inangda Manyam Keumala H. Daud ialah antara kelemahan yang dapat dikaji ialah, dilaksanakan berkaitan dengan pengukuhan lokasi, ketepatan susun atur ruang, ketepatan binaan dan juga kemudahan bangunan. Selain itu, penyelenggaraan yang tidak efisien yang boleh membawa kepada kemalangan terhadap pelancong. Memandangkan lebih separuh bahan binaan rumah kediaman diperbuat daripada kayu, maka terdapatlah kelemahan dan bahaya. Menurut kajian, bahagian atau elemen yang diperbuat daripada kayu rosak disebabkan oleh faktor serangga dan cuaca. Seterusnya ialah kebaikan atau kelebihan dari segi aksesibiliti iaitu akses mudah alih kereta dan bas untuk kakitangan dan pelawat dengan menyediakan parkir yang mudah dan cepat.

i) Teori ‘Adaptive Reuse’

Menurut artikel yang ditulis oleh Retdia Sofiana, Ari Widyati Purwantiasning dan Anisa dalam penulisannya yang bertajuk Strategi Penerapan Konsep Adaptive Re-Use Pada Bangunan Tua Studi Kasus: Gedung Pt P.P.I (Ex. Kantor Pt Tjipta Niaga) Di Kawasan Kota Tua Jakarta menjelaskan teori yang berkaitan dengan penyesuaigunaan semula bangunan warisan.

Mengikut subtopik dalam kajian tersebut menyatakan berkaitan dengan teori *Adaptive reuse*. Ianya merupakan salah satu cara dalam konservasi bangunan untuk teruskan pengekaln bangunan warisan itu tetapi mengubah fungsinya. Secara umumnya, kaedah penyesuaigunaan semula ini adalah satu alternative yang sesuai untuk terus melindungi dan menjaga bangunan sejarah dengan menggunakan langkah dan kaedah yang sesuai untuk terus memanfaatkan bangunan itu kepada masyarakat dan negara. Justeru itu, konsep ini umumnya dilihat sebagai satu proses structural dengan menjadikan fungsi bangunan lama itu kepada yang baru supaya warisannya itu dapat dirasai oleh

masyarakat dan seterusnya meningkatkan ekonomi negara dengan aktiviti pelancongan (Austin 1988).

Walaupun bagaimanapun, konsep ini bukan sahaja untuk mengembalikan penampilan struktur luaran bangunan sahaja malahan berusaha untuk menghormati dan menghargai nilai-nilai sejarah yang ada pada bangunan ini sama ada tersirat mahupun tersurat. Oleh demikian, konsep ini telah pun memberikan satu impak yang positif kepada sesebuah negara dan kawasan setempat itu.

Namun, ada sesetengah orang yang berpendapat bahawa, kaedah ini tidak perlu dilakukan sama sekali kerana ianya tidak mendatangkan apa manfaat kerana bangunan tersebut adalah bangunan yang sudah tua dan tidak memberikan sebarang manfaat dan dianggap ketinggalan zaman serta ianya juga tidak mampu untuk mewujudkan tuntutan fungsi pada masa kini kerana ianya sudah lapuk. Dalam kajian pengkaji menyatakan bahawa ada beberapa buah kota telah pun menghancurkan kawasan dan bangunan sejarah yang bernilai ini demi pembangunan negara dan untuk meningkatkan ekonomi dan pendapatan masyarakat.

ii) Manfaat Penyesuaigunaan semula (*Adaptive Reuse*)

Menurut Henehan dan Woodson, mereka menyatakan bahawa kaedah penyesuaigunaan semula bangunan warisan ini mendatangkan banyak manfaat. Antara manfaat yang diperoleh adalah dapat menjadikan kawasan dan bangunan itu sebagai satu sumber sejarah budaya dengan terus menerus berusaha untuk mempertahankan nilai sejarah yang ada pada bangunan tersebut. Selain itu, dengan adanya pengekalan bangunan warisan ini juga akan meningkatkan ekonomi negara dan juga masyarakat setempat. Hal ini kerana dengan adanya fungsi baru pada warisan tersebut akan menarik minat orang untuk tahu apakah fungsi baru tersebut.

Ini akan meningkatkan lagi aktiviti pelancongan dalam negara dan meningkatkan lagi pendapatan masyarakat setempat itu. Antara manfaat lain pula, dapat mendukung strategikonservasi dan penghematan sumber daya. Dengan adanya kaedah penyesuaigunaan semula ini mampu memberikan pelbagai manfaat kepada banyak pihak bagi mengelakkan warisan ini dimusnahkan.

iii) **'Adaptive Reuse' di Asia**

Kaedah '*adaptive re-use*' di pelbagai wilayah di dunia dikenali dengan istilah "building conversion". Di negara-negara wilayah Asia terutama di Singapura, kaedah ini sudah pun lama dikembangkan pada bangunan-bangunan bersejarah mereka. Di Singapura terdapat pelbagai macam bangunan warisan yang telah mengalami fasa peralihan fungsi baru dari fungsi lamanya.

Sebagai contoh, Ministry of Information, Communication and Arts (MICA), Singapura. Ianya merupakan salah satu bangunan warisan di Singapura. Pada mulanya bangunan ini didirikan pada tahun 1934 sebagai Old Hill Street Police Station (OSHPS) dan juga berfungsi sebagai bangunan pemerintahan terbesar dan telahpun dianggap bangunan pencakar langit pada masa itu. Ianya telah ditetapkan sebagai sebuah monumen nasional dan juga telah diberikan nafas baru pada tahun 1988 yang dikenali sebagai MICA Building.

iv) **Kajian Dilapidasi**

Menurut Anthony Tee Mooi Kwong (2017) di dalam artikel bertajuk *Critical Element in Refurbishment of Dilapidated Heritage Building at Georgetown World Heritage Site in Sustaining Tourism Development*, dilapidasi adalah istilah yang digunakan dalam merujuk kerosakan atau kemusnahan, pembaziran, keadaan premis atau bangunan. Ini bermakna, kerosakan atau pembaziran keadaan bangunan yang rosak disebabkan oleh pengabaian yang berterusan dalam penyelenggaraan dan pembaikan dengan sengaja atau sebaliknya. Struktur yang tidak selamat ini mengancam keselamatan orang awam, mengurangkan nilai harta benda di sekelilingnya serta nilai estetika bangunan itu.

Menurut A. Ghafar Ahmad (2004), kajian dilapidasi bangunan merupakan satu kerja pemeriksaan kerosakan dan kecacatan sesebuah bangunan sebelum sesuatu kerja pemuliharaan atau penyelenggaraan bangunan dibuat. Kajian dilapidasi ini boleh dilakukan berpandukan kaedah-kaedah dan panduan yang telah ditetapkan supaya kualiti pemeriksaan yang dijalankan terjamin.

Dalam pada itu, penyiasat perlulah memahami jenis-jenis dan penyebab sesuatu kerosakan atau kecacatan bangunan. Fakta dan maklumat pemeriksaan mestilah lengkap dan yang paling utama ialah ia mestilah mudah difahami untuk memudahkan semua pihak yang terlibat dalam kerja pemuliharaan nanti. Laporan yang dihasilkan perlulah merangkumi prestasi semasa dan juga perkembangan kerosakan yang berlaku. Ini bertujuan bagi mendapatkan cara pembaikan bangunan yang betul dan ekonomi. Ahmad Ramly (2004) berpendapat bahawa antara tujuan utama sesuatu pemeriksaan dijalankan adalah untuk mengenalpasti keadaan fizikal, fabrik atau kerangka tertentu bangunan yang tersembunyi.

Menentukan luas kawasan fizikal yang rosak atau yang cacat, meramalkan baki kekuatan sesuatu elemen atau struktur yang telah lama, menyediakan asas bagi kerja-kerja pembaikan yang betul atau kerja-kerja penyambungan kepada bangunan lama atau sedia ada, menetapkan nilai sebenar sesuatu bangunan setelah diambil kira kecacatan yang ada, menyediakan asas dan maklumat rekabentuk masa hadapan, dan mengetahui jika bangunan telah melalui kerja-kerja rombakan, penyambungan atau perobohan di masa lalu. Hasil kajian dilapisi ini juga dapat memberi gambaran yang lebih jelas bagaimana spesifikasi kerja pemuliharaan dan pembaikan dapat dijalankan (Yahaya Ahmad & Zuraini Md Ali, 2000).

2.7 Rumusan Bab

Kesimpulannya, sorotan kajian adalah dokumentasi yang diperlukan dalam melangkaui bab kajian yang seterusnya. Kajian sorotan kajian yang dibuat diharap mampu menjadi penanda aras terhadap menghadkan permasalahan kajian serta menjadi rangka kepada prosedur-prosedur metodologikal yang boleh digunakan untuk pengumpulan maklumat. Hal ini seterusnya, menjadi asas penyelidik untuk menganalisis dan mempelajari berkaitan tajuk kajian yang ingin dirungkai pada masa kini dengan melihat kajian literatur penyelidik lain pada masa sebelum ini.

Dengan membuat sorotan kajian ini, pengkaji dapat melihat skop kajian, metodologi kajian yang digunakan serta dapatan kajian lepas dengan lebih jelas. Dari segi permasalahan kajian yang dihadapi, sorotan kajian ini mampu menjadi pengumpul maklumat yang pelbagai berkenaan permasalahan yang ingin dikaji. Hal ini kerana melalui sorotan kajian ini pengkaji dapat mengenalpasti sama ada permasalahan yang ingin dikaji telah dijalankan oleh penyelidik lain atau mengembangkan idea pengkaji berkaitan resolusi permasalahan yang berlaku.

Dalam bab ini, banyak kajian lepas telah dijadikan sebagai sumber rujukan yang sesuai mengikut topik dan beberapa subtopik dalam tajuk tersebut. Dengan menggunakan sorotan kajian ini pengkaji dapat menambahkan lagi pengetahuan dalam mencapai objektif kajian. Artikel yang digunakan ini ialah berkaitan dengan skop kajian mengenai warisan. Dalam warisan pula akan dipecahkan kepada kajian yang berkaitan dengan bangunan warisan dan seterusnya adalah berkaitan dengan kaedah konservasi iaitu penyesuaigunaan semula bangunan warisan kepada fungsi lain. Kesemua sorotan kajian tersebut dicari melalui kajian lepas yang sesuai dan berkaitan dengan tajuk kajian yang dilakukan ini iaitu Keberkesanan Penyesuaigunaan Semula di Dalam Pemuliharaan Rumah Tokoh: Kajian Kes Pahlawan Resort di Kuala Berang, Hulu Terengganu.

BAB 3

METODOLOGI

3.0 Pengenalan

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat metodologi bermaksud sistem yang merangkumi kaedah dan juga prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan, disiplin dan sebagainya. Metodologi juga bermaksud ilmu tentang metod atau disiplin yang digunakan sewaktu melakukan sesuatu kajian dan juga untuk mencapai tujuan tersebut. Metodologi kajian juga merujuk kepada satu kaedah yang paling sesuai dimana ianya adalah untuk menjalankan penyelidikan dan menentukan tatacara yang efektif bagi menjawab permasalahan sesuatu kajian. Metodologi kajian merupakan kaedah dan teknik mereka-bentuk, mengumpul dan menganalisis data supaya dapat menghasilkan bukti yang boleh menyokong sesuatu kajian. Metodologi menerangkan cara sesuatu masalah yang dikaji dan sebab sesuatu kaedah dan teknik tertentu digunakan. Tujuan metodologi ialah untuk membantu memahami dengan lebih luas atau lebih terperinci lagi tentang pengaplikasian kaedah dengan membuat huraian tentang proses kajian.

Dalam kajian yang berkaitan dengan rumah warisan pahlawan ini, pengkaji menggunakan kaedah yang berbentuk kualitatif. Kaedah ini digunakan adalah untuk mendapatkan maklumat dengan lebih tepat dan padat. Kaedah penggunaan pendekatan kualitatif dalam penyelidikan ini adalah seperti kajian kes. Ianya adalah satu kaedah penyelidikan yang dilakukan untuk suatu sistem, sama ada berbentuk program atau keadaan yang terikat dengan tempat atau waktu.

Seterusnya, kaedah kualitatif tersebut menyokong lagi dapatan kajian melalui pengagihan borang soal selidik (*questionnaire designing*) ianya merupakan kaedah kuantitatif. Pendekatan kuantitatif merupakan kajian yang dapat menghasilkan dapatan kajian yang 'valid' dan 'reliable'. Hal ini kerana, dengan kaedah kuantitatif ini membuktikan kesahihan yang kukuh dengan menggunakan angka iaitu hasil daripada analisis data yang diperoleh tersebut.


Isi yang terkandung dalam borang soal selidik adalah teknik 'open ended', 'close-ended' dan 'cotigency question' akan digunakan. Kajian ini menggunakan kaedah borang soal selidik yang berkaitan dengan soalan yang tertentu mengenai sejarah dan juga pengetahuan penduduk atau pelancong yang berkunjung ke kompleks ini berkaitan tentang rumah warisan pahlawan ini. Kaedah ini menunjukkan sejauhmanakah pengetahuan mereka terhadap bangunan warisan ini.

Bagi kajian kes pula, menurut Merriam (2009) kajian kes adalah merupakan sesuatu yang akan dilakukan oleh pengkaji untuk melihat kajian kes sebagai penerangan yang mendalam dan juga merupakan analisis sistem yang dibatasi. Sebahagian daripada kebingungan di sekitar kajian kes dan produk jenis penyelidikan ini. Selain itu, menurut Bodgan dan Biklen (2007) kajian kes juga merupakan sesuatu yang digunakan untuk membezakan antara kajian kes sejarah organisasi, kajian kes pemerhatian dan juga sejarah kehidupan. Bagi kajian kes pemerhatian, Meriam (2009) menjelaskan bahawa pemerhatian adalah cara utama yang telah digunakan oleh setiap penyelidik bagi mendapatkan maklumat berkenaan dengan tajuk kajian kualitatif. Dengan ini, pengkaji juga telah menggunakan kaedah pemerhatian bagi mengetahui perubahan ke atas Kompleks Rumah Pahlawan Resort sebagai lokasi pelancongan warisan yang sesuai selepas di adaptif. Di samping itu, pengkaji juga telah menggunakan kaedah temu bual dan soal selidik dalam membuat kajian bagi objektif ketiga.

3.1 Rekabentuk Kajian


Kaedah reka bentuk kajian yang dijalankan oleh penyelidik ini adalah lebih menjurus kepada cara bagaimana untuk menjawab persoalan-persoalan kajian yang telah timbul. Kaedah ini juga merupakan satu metod untuk menjawab objektif-objektif kajian yang cuba dicapai oleh penyelidik. Oleh itu, untuk mencapai objektif, penyelidik sedaya upaya cuba untuk membuat kaedah serta cara bagi merealisasikan objektif tersebut untuk menjawab kajian ini.

Kaedah pengumpulan data yang digunakan pengkaji adalah dengan melibatkan dua sumber utama iaitu sumber primer dan sumber sekunder. Sumber primer adalah maklumat yang didapatkan dari sumber yang sah dan tiada tokok tambah. Menurut Syed Ismail (2010), sumber primer ialah penemuan baru penyelidikan asli, boleh diterbitkan atau tidak boleh diterbitkan dan merupakan maklumat asal. Manakala data sekunder pula merupakan sumber kedua terdiri daripada bahan yang dikaji melalui pembacaan bahan yang bertulis yang ditulis dan ditafsir oleh sejarawan (Zahari Rusdi, 2009). Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan beberapa kaedah kajian bagi memenuhi objektif seperti yang telah dinyatakan pada Rajah 3.1 di halaman seterusnya



Rajah 3.1: Carta Alir Metodologi Kajian.

Carta aliran kaedah kajian (Rajah 3.2) adalah yang terpenting dalam melancarkan kerja pengkaji. Cerita ini berfungsi sebagai sumber panduan dan rujukan keseluruhan kerja kepada pengkaji. Melalui carta ini juga, pengkaji dapat gambaran awal kajian sebelum memulakan kerja mengikut susun atur carta tersebut. Dalam kajian ini, pengkaji digalakkan menggunakan keseluruhan kaedah yang disenaraikan supaya sumber maklumat yang diperolehi mencukupi dan tepat. Dalam carta metodologi ini, terdapat tiga perkara yang harus diikuti sebelum memulakan sesuatu kajian iaitu pertama adalah sebelum kajian dilaksanakan, semasa kajian dijalankan dan selepas kajian dijalankan.



Rajah 3.2: Carta Aliran Bagi Kaedah Penyelidikan.

3.2.1 Kajian Terdahulu

Pengkaji telah melakukan kunjungan ke Perpustakaan Awam Hulu Terengganu yang bertempat di Kuala Berang untuk mendapatkan beberapa maklumat yang berkaitan. Tujuan utama kunjungan adalah bagi mendapatkan pengenalan awal tentang kajian yang akan dilakukan dan mengumpul serta memperoleh sebanyak mungkin dapatan maklumat relevan berkaitan dengan kajian. Bahan rujukan adalah terdiri daripada buku rujukan, jurnal dan artikal, tesis, teks kajian lepas serta bahan penulisan yang berkaitan. Selain itu, data jenis sekunder ini juga digunakan bagi memperoleh maklumat tambahan berkenaan dengan jenis bangunan ataupun rumah kediaman yang dijadikan sebagai satu kaedah konservasi iaitu penyesuaigunaan (*adaptive reuse*). Ia juga penting untuk menambah maklumat sebelum kaedah pemerhatian dilaksanakan. Seterusnya maklumat yang diperolehi ini akan digunakan dalam penulisan kajian.

3.2.2 Kajian Lapangan

Lawatan secara langsung atau dikenali sebagai pemerhatian ikut serta ke tapak lapangan adalah kaedah yang amat penting. Pemerhatian adalah salah satu proses kegiatan pemetaan yang berperanan dalam memahami ilmu sains kebumihan ataupun lingkungan (Cottingham, 2002). Pengkaji akan menumpukan kepada huraian terperinci tentang situasi, interaksi dan kerja lapangan yang dijalankan. Pengkaji akan memilih jenis pemerhatian berstruktur di mana ia lebih sistematik dan berfokuskan kepada objektif dalam kajian. jenis pemerhatian berstruktur di mana ia lebih sistematik dan berfokuskan kepada objektif dalam kajian.

Pertama sekali pengkaji akan ke tempat kajian iaitu Rumah Kediaman Warisan Pahlawan Resort bagi menganalisis Kesesuaian Penyesuaigunaan Rumah Kediaman Warisan Pahlawan Resort Sebagai Tempat Pelancongan. Melalui kaedah sedemikian, pengkaji seterusnya akan merekodkan data- data melalui gambar, rakaman dan catatan untuk dimasukkan ke dalam laporan projek penyelidikan. Hasil kajian yang dijalankan, analisis data yang diguna dalam kajian adalah analisis *thematic*.

3.2.2 Temu Bual

Melalui kaedah temu bual, ianya adalah merupakan satu kaedah lisan dimana ianya paling utama yang dilakukan oleh penyelidik untuk mendapatkan sesuatu maklumat berkaitan dengan objektif daripada responden. Antara jenis temubual yang dilakukan adalah temubual stimulasi dan semi-struktur terhadap sekurang-kurangnya lima orang responden iaitu pemilik, pewaris rumah, menantu, dan 3 orang pekerja. Kaedah temu bual secara simulasi adalah pertanyaan secara spontan, tidak terlalu serius dan bersifat terbuka berkaitan kajian yang ingin dilaksanakan. Manakala temubual secara semi-struktur pula merupakan soalan yang selaras dengan objektif kajian, secara rawak malah tidak terlalu formal. Kaedah temubual ini bagi mendapatkan maklumat tentang sejarah rumah tersebut oleh responden.

Dalam kaedah temubual juga, pengkaji akan meminta keizinan daripada pewaris rumah sebelum melakukan tinjauan atau pemerhatian. Seterusnya, temubual juga dijalankan terhadap orang-orang sekeliling yang berdekatan di tempat kajian melalui aspek pengalaman, pengetahuan dan persepsi mereka terhadap rumah tinggalan tersebut. Temu bual jenis ini juga dijalankan terhadap individu yang pertama sekali mencadangkan untuk suaigunakan rumah tokoh ini kepada sebuah tempat pelancongan.

3.2.4 Catatan

Setiap maklumat yang diperolehi secara lisan dan langsung hasil daripada temu bual dan pemerhatian yang dilakukan oleh pengkaji akan dicatatkan keseluruhannya di dalam buku nota. Melalui kaedah ini, pengkaji dapat melakukan pendokumentasian dan menganalisis data dengan mudah dan tersusun tanpa perlu mencari maklumat di berlainan tempat.

Kaedah ini juga membantu pengkaji untuk menyimpan maklumat yang diperolehi secara langsung. Catatan penulisan pengkaji juga dibantu dengan sedikit lukisan rajah supaya pengkaji dapat menggambarkan dengan tepat dimana tempat peletakan rumah (*setting*) dan bahagian yang mana diubahsuai dengan kaedah konservasi. Hal ini bagi membantu pengkaji mendapat maklumat yang betul dan boleh mengfokuskannya dengan betul.

3.2.5 Rakaman Foto dan Video

Pengkaji telah mengambil foto-foto yang berkaitan semasa kajian dijalankan di kajian lapangan. Dengan adanya foto ini, ia dapat menguatkan lagi bukti kajian untuk diletakkan di dalam laporan agar ia menjadi gambar yang bermaklumat untuk mendapat penjelasan lebih terperinci kepada pembaca. Kaedah ini juga bertujuan untuk merekodkan kesemua data-data sebagai langkah berjaga-jaga sekiranya terdapat masalah seperti kehilangan maklumat yang bertulis. Dalam melakukan rakaman foto ini, pengkaji telah menggunakan dua peranti iaitu kamera dan telefon pintar milik pengkaji sendiri.

3.2 Instrumen Kajian

Instrumen kajian adalah merupakan satu kaedah yang akan digunakan oleh penyelidik semasa menjalankan sesuatu kajian. Instrumen kajian digunakan sebagai asas dalam memperoleh maklumat seperti yang dikehendaki oleh pengkaji dalam mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan dalam kajian. Terdapat beberapa kaedah yang akan digunakan oleh pengkaji dalam mendapatkan maklumat berkaitan dengan kajian yang dijalankan seperti kaedah soal selidik, pemerhatian dan temu bual. Seramai 20 orang responden yang akan dipilih secara rawak akan membantu menjawab pertanyaan kajian ini dan responden yang dipilih adalah pengunjung yang datang berkunjung ke Kompleks ini. Kaedah ini digunakan dalam memperoleh maklumat terbahagi kepada dua iaitu kaedah kualitatif dan kaedah kuantitatif. Kuantitatif dilakukan dengan menggunakan borang soal selidik dan kualitatif dilakukan melalui kaedah temu bual dan pemerhatian dalam memperoleh maklumat.

Kaedah utama yang digunakan dalam menjalankan kajian ini adalah menggunakan kaedah kualitatif melalui temubual dan juga kaedah pemerhatian. Melalui kaedah temubual, beberapa pihak atau masyarakat yang mahir dalam kajian yang dijalankan adalah penting dalam agar maklumat tidak disalah tafsir dan disalah anggap. Instrumen yang akan digunakan semasa kajian ini dijalankan adalah seperti senarai soalan yang ingin diajukan (secara terbuka), buku catatan dan telefon pintar untuk merakam video dan suara untuk mendapatkan maklumat yang diberitahu secara lengkap.

3.3 Prosedur Pungutan Data

Sebelum kajian lapangan mula dilakukan untuk mengumpul data, pengkaji telah mendapat surat kebenaran daripada fakulti untuk menjalankan kajian. Seterusnya, pengkaji mendapat rujukan buku dan kajian lepas daripada perpustakaan dan pensyarah daripada Elektif Konservasi Warisan. Responden yang terlibat terlebih dahulu akan diberitahu secara lisan untuk mendapat persetujuan atau keizinan mereka sebelum apa-apa temubual dan rakaman foto dijalankan. Responden juga diberi kebebasan untuk memilih tarikh atau tempat untuk ditemubual dengan syarat tidak ada sebarang gangguan semasa ditemubual atau pertindihan masa dengan aktiviti responden yang lain.

Pengkaji perlu menjelaskan kepada responden bahawa kajian ini bukan hanya meneliti tentang Keberkesanan Penyesuaigunaan Semula di Dalam Pemuliharaan Rumah Kediaman Warisan Pahlawan Resort, bahkan dapat memartabatkan serta menyedarkan masyarakat tempatan secara amnya tentang pentingnya pemeliharaan rumah yang mempunyai nilai warisan yang begitu berharga ini seterusnya menanam rasa cinta dalam menghargai sesuatu warisan demi untuk memperlihatkannya kepada generasi akan datang.

3.3 Unit Analisis

Unit analisis merupakan penelitian yang akan dilakukan oleh pengkaji untuk menjalankan projek penyelidikan ini. Selain itu, unit analisis ini akan memfokuskan kompenan yang berkaitan dengan tajuk dalam kajian ini. Hal ini kerana unit analisis ini dapat menganalisis data dan sumber yang berkaitan dalam kajian ini. Oleh itu, pengkaji menggunakan unit analisis untuk mengetahui, mengenalpasti dan menganalisis data yang diperolehi untuk digunakan dalam kajian ini. Selain daripada itu, pengkaji menggunakan lokasi yang telah ditetapkan untuk kajian ini sebagai tempat untuk memperoleh data dan membuat kajian lapangan.

Merriam (1998) menyatakan berkaitan dengan pengumpulan data dan penganalisan adalah satu aktiviti yang dijalankan serentak dalam kajian kualitatif. Analisis bermula pada temu bual pertama, pemerhatian pertama dan pembacaan dokumen pertama. Analisis data dijalankan semasa data pertama diperolehi. Proses analisis data dijalankan berterusan sepanjang masa kajian ini dilaksanakan. Seterusnya mengurus dan menapis data sebaik sahaja selepas pengkaji dapat pengumpulan data. Ini akan membantu pengkaji dalam menyediakan soalan untuk ditanya atau pemerhatian seterusnya. Kaedah analisis data dalam bagi penyelidikan pengkaji adalah sepertimana di dalam Jadual 3.1.

Jadual 3.1: Kaedah Analisis Data

Objektif Kajian	Kaedah Analisis Data
1. Mengkaji nilai kepentingan warisan Kompleks Rumah Pahlawan Resort di Kampung Pauh, Kuala Berang.	Temubual dan pemerhatian
2. Mengenalpasti perubahan ke atas Kompleks Rumah Pahlawan Resort di Kampung Pauh, Kuala Berang, Hulu Terengganu.	Pemerhatian dan Temubual.
3. Mengukur kesan penyesuaigunaan ke atas nilai warisan yang terdapat di Kompleks Pahlawan Resort.	Temubual dan Penelitian Dokumen.

3.5 Jangkaan Dapatan Kajian

Hasil kajian dijangkakan akan dapat membantu dalam mengenalpasti sejarah rumah Kediaman Warisan Pahlawan Resort secara menyeluruh melalui kesahihan maklumat pewaris. Hal ini dapat menangkis persepsi masyarakat setempat yang tidak mengetahui bahawa rumah tersebut mempunyai penjaga di mana rumah itu dijadikan dan dikumpulkan setempat untuk pelancongan. Namun begitu tiada orang yang tahu terhadap pemuliharaanya dan kajian belum dibuat secara mendalam.

Jangkaan hasil daripada kajian ini juga dapat memberi gambaran yang lebih jelas bagaimana spesifikasi penyesuaigunaan semula dalam pemuliharaan rumah tersebut dapat dijalankan oleh pihak-pihak tertentu. Pemuliharaan dilakukan agar rumah ini dapat ditransformasi ke fungsi yang lebih baik seperti adanya kerja konservasi. Kejayaan dalam mencadangkan kaedah pemuliharaan yang relevan dilihat telah berjaya mengubah secara fizikal bangunan-bangunan lama. Walaupun kompleks ini masih belum diangkat sebagai warisan oleh Jabatan Warisan Negara (JWN) namun sekiranya dengan adanya kajian yang banyak mengenai rumah kediaman tokoh ini mampu menjadikan rumah ini setaraf dengan rumah warisan lain contohnya Rumah Kediaman Seniman P. Ramlee.

3.6 Rumusan Bab

Kaedah-kaedah metodologi yang digunakan oleh pengkaji telah membantu pengkaji dalam melengkapkan kajian ini. Oleh sebab itu, pengkaji telah mampu mendapatkan pelbagai sumber maklumat yang berilmiah dan berguna untuk menyelesaikan kajian yang dijalankan. Tanpa adanya sumber maklumat hasil daripada metodologi yang dijalankan, sememangnya laporan yang dijalankan tidak akan sempurna, malah ia menjadi sesuatu yang tiada kesahihan dan boleh mengagalkan kajian yang dilakukan. Dalam pada itu peralatan yang digunakan semasa kajian ini telah disediakan dengan lengkap supaya ia tidak mengganggu perjalanan kajian ini sehingga proses pendokumentasian yang terakhir dilakukan

Dalam metodologi kajian ini juga kaedah yang digunakan adalah pertama sekali adalah melalui rekabentuk kajian. Dengan kaedah ini cara yang digunakan adalah dengan membuat carta bagi menjawab persoalan dalam kajian ini. Rekabentuk kajian juga merupakan metod penting untuk menjawab objektif-objektif kajian yang cuba dicapai oleh penyelidik. Justeru, bagi mencapai objektif ini, penyelidik sedaya upaya untuk membuat dan mengadakan kaedah serta cara untuk merealisasikan tujuan tersebut. Kaedah pengumpulan data yang digunakan pengkaji melibatkan dua sumber utama iaitu sumber primer dan sumber sekunder. Sumber primer adalah maklumat yang didapatkan dari sumber yang sahih dan tiada tokok tambah. Manakala data sekunder pula merupakan sumber kedua terdiri daripada bahan yang dikaji melalui pembacaan bahan yang bertulis yang ditulis dan ditafsir oleh sejarawan

Selain itu, kaedah lain yang digunakan adalah dengan meneliti kajian tersebut dengan melihat kajian lepas sebelum kajian dijalankan, kajian dokumentari, semasa kajian dijalankan, kajian lapangan, temubual, catatan. Rakaman foto dan video. Manakala bagi selepas kajian dijalankan pula adalah dengan cara penelitian dokumen dan laporan penulisan. Semua kaedah tersebut digunakan dalam kajian ini bagi memastikan kajian ini berjalan dengan sempurna dan menjawab semua objektif dan persoalan kajian.

Metodologi kajian yang diguna pakai seharusnya memiliki teknik yang sesuai bagi mendapat hasil kajian yang mempunyai kesahihan serta bermakna kepada projek penyelidikan yang dilaksanakan. Maka kerana itu dapat disimpulkan bahawa penggunaan metodologi kajian yang bersesuaian amat penting dalam pelaksanaan sesebuah kajian. Hal ini sekaligus membolehkan pengkaji membuat rumusan serta perbincangan yang akan diperjelaskan dengan lebih mendalam dalam bab berikutnya. Diharapkan maklumat yang diperolehi melalui kaedah metodologi yang dipilih ini mampu dijadikan rujukan tambahan para pengkaji lain.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.0 Pengenalan

Bab 4 ini merupakan bahagian yang merungkai dan menyatakan segala maklumat yang telah diperolehi dan dianalisis oleh pengkaji berdasarkan objektif kajian serta tajuk yang dipilih. Bab dapatan kajian ini penting dalam setiap projek penyelidikan kerana akan menjawab setiap permasalahan kajian dan objektif kajian yang telah dinyatakan sebelum ini. Dapatan kajian ini merangkumi tiga objektif utama yang dinyatakan pengkaji iaitu pertama mengkaji nilai kepentingan pada Kompleks Warisan Pahlawan Resort. Dalam hal ini, temubual telah dijalankan melalui anak pemilik Kompleks Pahlawan Resort iaitu Tun Anwar.

Melalui temubual yang telah dilakukan tersebut, sedikit sebanyak maklumat berkaitan keberadaan dan status rumah yang dikaji dapat diketahui secara lebih terperinci. Selain itu, melalui temubual ini pengkaji mendapatkan maklumat tentang apakah nilai kepentingan terhadap setiap rumah warisan ini sehingga disuaiguna semula menjadi satu kompleks pelancongan. Kedua ialah mengenalpasti perubahan ke atas Kompleks Rumah Pahlawan Resort. Pengkaji telah menggunakan kaedah pemerhatian dan temubual untuk mendapatkan maklumat yang terperinci bagi objektif yang kedua ini. Pengkaji turun ke lapangan untuk mendapatkan maklumat yang lebih tepat dan juga melihat sendiri bagaimanakah keadaan serta perubahan yang dilakukan ke atas rumah-rumah warisan yang telah disuaiguna semula tersebut.

Selain itu, pengkaji juga menggunakan kaedah temubual dalam objektif ini supaya ianya selari dengan kajian yang dijalankan. Pengkaji telah menemubual tukang kayu dan pemilik resort untuk mengetahui maklumat tentang apakah perubahan yang dilakukan ke atas rumah pahlawan ini.

Akhir sekali, objektif ketiga ialah mengukur kesan penyesuaigunaan ke atas nilai warisan yang terdapat di kompleks Pahlawan Resort. Melalui objektif ini pengkaji mengenalpasti apakah kesan yang ada setelah kaedah penyesuaigunaan semula terhadap rumah warisan ini dijalankan. Kesan ini adalah melibatkan sama ada dari segi penduduk kampung setempat, sekitar kawasan Kuala Berang.

Pengkaji telah melakukan kajian di Kampung Pauh yang berada di Kuala Berang, Hulu Terengganu iaitu dengan menemubual beberapa responden di sekitar lokasi kampung berkenaan dan juga individu yang mempunyai pakar dalam pertukangan rumah warisan ini dan pemeliharaan serta pihak yang penting dalam menjelaskan latar belakang rumah Pahlawan Resort iaitu pemilik kompleks ini. Temubual ini sememangnya sangat membantu pengkaji dalam mendapatkan maklumat yang diinginkan secara lancar dan efisien.

Hasil daripada tembual dan perbincangan dengan beberapa pihak yang terlibat dalam projek penyelidikan ini, jelas didapati bahawa rumah Warisan Pahlawan Resort yang memiliki 7 buah rumah ini mempunyai sejarah kewujudan yang unik dan khazanah warisan senibinanya yang masih terlihat pada beberapa bahagian strukturnya yang masih utuh dapat menjadikannya sebagai aset warisan yang layak untuk dimartabat di mana membolehkannya menjadi produk perlancongan yang ada di Terengganu umumnya dan di Malaysia khususnya.

4.1 Analisis Demografi Responden

Responden merupakan pihak-pihak yang dianggap dan dijadikan sebagai sampel dalam sesuatu penelitian kajian. Mereka berperanan dalam memberikan maklumat atau menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh pengkaji. Jadual 4.1 pada halaman seterusnya akan menunjukkan pecahan nama, umur, tempat dan tarikh temubual di antara pengkaji dengan responden.

Jadual4.1: Senarai Nama Responden Yang Ditemubual oleh Pengkaji

Bil.	Nama Responden	Umur	Tarikh Temubual	Kod Responden
1.	Tun Anwar Bin Tun Abdullah (Anak Pemilik Kompleks Warisan Pahlawan Resort, Kampung Pauh)	39	21 November 2021	A
2.	Puan Nurulizah binti Mad Nor (Menantu Kompleks Warisan Pahlawan Resort)	35	21 November 2021	B
3.	Nor Aqilah (Ketua Pengurus Kompleks Warisan Pahlawan Resort)	27	18 November 2021	C
4.	Encik Badzlan (Pekerja Bahagian Senibina di Kompleks Warisan Pahlawan Resort)	38	21 November 2021	D
5.	Siti Syazwani Bt A. Rahman (Pekerja Warisan Pahlawan Resort)	23	21 November 2021	E

4.2 MENGENAL NILAI KEPENTINGAN WARISAN KOMPLEKS RUMAH PAHLAWAN RESORT DI KAMPUNG PAUH, KUALA BERANG

Kisah awal penubuhan Kompleks Warisan Pahlawan Resort ialah bermula apabila pemilik kompleks ini iaitu Tun Ahmad minat dengan sejarah dan tahu banyak tentang jenis kayu. Tun Ahmad ialah merupakan seorang chef di sebuah restoran dan memiliki hobi serta minat dalam mengumpul serta banyak pengetahuan dalam sejarah lama dan berminat tentang warisan seperti rumah-rumah kayu. Beliau sangat suka tentang gaya senibina rumah lama dan berkemahiran dalam penukangan kayu. Dari situlah beliau mula dengan mencari rumah-rumah lama dan menjadikannya sebagai satu fungsi baru.

Oleh itu, tercetuslah minatnya untuk mengumpul rumah lama yang terdiri dengan nilai warisan untuk dijadikan sebagai satu hobi pada mulanya. Idea beliau disokong keluarga dan pertama sekali beliau mengumpul maklumat tentang rumah lama, dan akhirnya beliau dapat tahu bahawa rumah warisan yang didiami oleh pahlawan Pahang iaitu Mat Kilau yang terletak di Pasir Nering telah pun usang dan strukturnya pula masih elok dan boleh dibaiki.

Di Kompleks ini terdapat 7 buah rumah yang menjadi warisan dengan memiliki nilai kepentingan warisan tersendiri. Antaranya kepentingan tersebut ialah senibina, sejarah, dan budaya. Namun apa yang dapat dilihat adalah yang paling menonjol dan masih mengekalkan fungsi asalnya yang memenuhi ciri-ciri warisan ialah dimana rumah ini memang asalnya dibina sebelum merdeka. Antara rumah yang masih mengekalkan ciri tersebut adalah 3 buah rumah iaitu Rumah Mat Kilau, Rumah Tok Ku Pauh dan Tok Gajah.



Rajah 1.8: Pandangan Hadapan Pintu Masuk Warisan Pahlawan Resort

(Sumber: Foto daripada Kajian Lapangan)

4.2.1 Sejarah 7 Buah Rumah di Kompleks Pahlawan Resort



Rajah 1:9 Rumah Mat Kilau

(Sumber: Foto Kajian Lapangan)

Rumah peninggalan Mat Kilau ini merupakan satu aset penting yang ditinggalkan bagi warga kampung di Pasir Nering, Kuala Berang Terengganu. Menurut apa yang diberitahu oleh pemilik *resort* Tun Anwar Abdullah pada, sesi temubual 21 November lalu, beliau berkata ayahnya Tun Abdullah yang dahulu nya membeli rumah warisan ini daripada saudara dan juga orang kampung di Pasir Nering. Menurut beliau, pada awalnya ayahnya membeli rumah ini adalah untuk hobinya sahaja kerana beliau suka mengumpul barang lama berkaitan warisan dan minat tentang rumah lama dan juga bangunan. Oleh itu dari minatnya ini membawa kepada pengubahsuaian rumah warisan kepada satu pendapatan mengkomersialkan rumah warisan pahlawan ini kepada rumah penginapan pada tahun 2010.

Menurut beliau lagi, rumah Mat Kilau ini merupakan rumah persinggahan yang dibina oleh beliau dan orang-orangnya. Ini kerana, beliau banyak menghabiskan masa dengan kerja-kerja kerajaan di Hulu Terengganu. Proses untuk mengangkat rumah ini mengambil masa selama 14 hari dari tempat asalnya, dan prosesnya adalah dengan mecabut semua perkakasan rumah ini. Hal ini kerana rumah dahulu tidak menggunakan paku. Ini memudahkan kerja untuk pasang cabut. Namun begitu, hasil daripada peralihan tempat asal (*setting*) ini rumah Mat Kilau banyak mengalami perubahan akibat faktor kerosakan. Setibanya di Kompleks ini, banyak perubahan telah dilakukan dari asalnya oleh pemilik baru.



Rajah 2:0: Rumah Tok Kenali

(Sumber: Foto daripada kajian lapangan)

Berdasarkan maklumat daripada temubual yang dilakukan bersama dengan Tun Anwar, beliau tidaklah tahu sepenuhnya tentang rumah Tok Kenali ini, namun begitu, menurut apa yang diketahui adalah rumah ini sama seperti Rumah Mat Kilau dimana rumah ini adalah rumah persinggahan Tok Kenali yang datang bersama dengan Mat Kilau atas urusan kerja. Rumah ini dibina sebelum merdeka dan merupakan warisan buat masyarakat Hulu Terengganu yang perlu dipelihara.

Rumah Tok Kenali ini juga merupakan rumah Bujang Terengganu dan sekarang telah diubahsuai pada beberapa ruang bagi tujuan pelancongan ini. Rumah ini juga menggunakan kaedah yang sama dengan rumah Mat Kilau iaitu dengan menggunakan proses mencabut yang asal dan dipindahkan ke tempat baru iaitu di Kompleks Warisan Pahlawan Resort.



Rajah 2:1: Rumah Haji Abdul Rahman Limbong
(Sumber: Foto daripada kajian lapangan)

Salah seorang tokoh ilmuan dan ulama' yang banyak berjasa terutamanya di Terengganu adalah Haji Abdul Rahman Limbong yang banyak memimpin masyarakat. Untuk samasama bangkit menentang penjajah yang menguasai dan menindas masyarakat yang kebanyakannya adalah golongan petani. Haji Abdul Rahman Bin Abd Hamid merupakan anak murid kepada Tok Ku Pauh. Beliau dilahirkan Kampung Jongok Tong, Beladau Kolan, Terengganu.

Beliau merupakan anak murid di Pondok Tokku Paloh dan beliau merupakan seorang anak murid yang menurut perintah dan mempunyai semangat yang luar biasa dalam menuntut ilmu agama. Menurut apa yang diberitahu oleh pemilik kompleks ini, rumah ini merupakan kerangka yang digunakan oleh Hj Abd Rahaman Limbong semasa mengajar anak muridnya semasa belajar agama. Namun ianya hanyalah satu tempat persinggahan semasa mengadakan majlis dan ilmu agama.

Rumah ini dibeli daripada ahli keluarga yang masih tinggal dan asal rumah ini adalah di Kemaman. Tun Abdullah berminat untuk membaiki rumah ini dan menjadikannya sebagai rumah warisan yang kekal sehingga harini. Namun begitu, banyak perubahan yang telah dilakukan terhadap rumah ini dengan menambah banyak bahagian dan strukturnya ditambah.



Rajah 2:2: Rumah Tok Pauh

(Sumber: Foto daripada Kajian Lapangan)

Tok Pauh atau nama sebenarnya Sheikh Abdullah Bin Abdul Kahar atau (Syarif Abdullah Bin Syarif Qahar) dikatakan bapa kepada Tokku Pulau Manis yang terkenal dengan syarahan kitab Hikam itu. Makam Tokku Pulau Manis (Sheikh Abdul Malek Bin Abdullah). Menurut apa yang dikaji, Tok Pauh hidup dalam abad ke-17 Masihi.

Berdasarkan temubual bersama pemilik, menurut cerita lama dan orang kampung, Tok Pauh ialah merupakan cucu atau waris bersalur galur keturunannya dengan Syarif Muhammad al-Baghdadi yang menulis Batu Bersurat di Kuala Berang, Terengganu. Makam Tok Pauh sekarang berada di Kampung Pauh tapi dimakamkan di Kampung Temir, Kuala Berang. Beliau merupakan seorang ulama terkenal di Hulu Terengganu suatu ketika dahulu.

Rumah ini dahulunya bukanlah seperti sekarang kerana sudah banyak diubahsuai dan ditambah banyak strukturnya dari yang asal atas faktor kerosakan melampau. Rumah ini menggunakan kaedah yang sama dengan Mat Kilau dimana ianya diangkat dari tapak asalnya iaitu di Kampung Temir bersebelahan Kampung Pauh, dan menggunakan teknik sama iaitu pasang siap. Namun disebabkan keadaan pondok Tok Pauh ini sudah usang, banyak kerosakan, maka bertambahlah kerosakan semasa aktiviti memasangnya.



Rajah 2:3: Rumah Tok Gajah
(Sumber: Foto Kajian Lapangan)

Berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada orang kampung yang ditemubual, mereka mengatakan bahawa Tok Gajah merupakan ayahanda kepada tokoh Mat Kilau. Mereka datang ke Hulu Terengganu selepas dibuang daerah selepas pentadbiran oleh negara Barat pada masa dahulu. Mereka menetap disini dan membina rumah disini sebagai rumah persinggahan. Namun begitu, ayahandanya Tok Gajah telah wafat dan beliau dimakamkan di Kampung Pasir Nering, Kuala Berang. Sememangnya rumah persinggahan beliau ini berada di Pasir Nering dan ianya juga merupakan rumah Bujang Terengganu. Banyak senibina dan rekabentuknya merupakan ciri rumah Terengganu dan ada campuran Nusantara.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN



Rajah 2:4: Rumah Tok Ku Paloh
(Sumber: Foto Kajian Lapangan)

Ulama Besar Terengganu pada abad ke-19, Sayyid Abdul Rahman Al-Idrus atau Tokku Paloh Idrus, turut dikenali sebagai wali Allah yang penuh keramat serta sangat ditakuti penjajah. Diceritakan pada suatu ketika, British cuba berunding dengan Sultan Terengganu iaitu Sultan Zainal Abidin III supaya membenarkan mereka menduduki kawasan Bukit Besar tetapi baginda menyuruh penjajah itu menemui Tokku Paloh. Baginda menyebut, "Terengganu ini ada tuannya, hendaklah berunding dengan tuannya terlebih dulu," yang mungkin bermaksud bahawa Tokku Paloh adalah orang yang lebih berhak memutuskan permintaan berkenaan. Nama penuh beliau ialah Saiyid Abdur Rahman bin Saiyid Muhammad bin Saiyid Zainal Abidin Al-Aidrus. Saiyid Abdur Rahman al-Aidrus mempunyai beberapa nama gelaran, yang paling popular ialah Tok Ku Paloh

Menurut pemilik Pahlawan Resort ini, Tuan Ahmad, beliau berkata bahawa rumah ini bukanlah milik kepada Tok Ku Paloh, namun ianya adalah merupakan sebuah rumah dimana beliau sentiasa datang untuk memberi ceramah dan bertemu dengan rakyat semasa ada majlis dan berbincang. Oleh itu, Tuan Ahmad berpendapat ianya adalah sesuatu yang bernilai dan juga rumah tersebut mempunyai nilai warisan, jadi beliau membeli rumah ini dari Kampung Tok Ku, Cabang Tiga di Kuala Terengganu.



Rajah 2:5: Rumah Tun Abdullah
(Sumber: Foto daripada kajian lapangan)

Menurut Tun Anwar, semasa temubual 21 November lalu, beliau berkata bahawa rumah ini merupakan rumah yang dibeli daripada Kuala Terengganu yang berhampiran dengan Pura Tanjung Sabtu dan merupakan rumah tradisional melayu lama dahulu. Rumah ini adalah sejenis rumah Melayu Tele iaitu rumah berkembar. Namun begitu, rumah ini tidak dapat dikenalpasti siapakah pemilik asalnya yang sebenar, akan tetapi ianya merupakan rumah orang terdahulu dan khabarnya rumah ini didiami oleh masyarakat Melayu yang tinggal di Istana Pura Tanjung Sabtu. Bagi nama rumah ini, pemilik menggantikannya dengan nama arwah ayah beliau, Tun Abdullah.

4.2.2 Jenis Senibina Rumah di Kompleks Pahlawan Resort

Menurut apa yang dikaji oleh pengkaji, rumah warisan yang ada di Kompleks Pahlawan Resort ini mempunyai nilai dan juga senibina yang tersendiri. Ketujuh-tujuh buah rumah ini mempunyai nilai senibina Melayu yang masih unggul dan menjadikannya nampak lebih terjaga mengenai warisannya. Antara senibina yang terdapat di resort ini adalah seperti bumbung, ukiran, dinding dan juga tangga. Kesemua rumah ini mempunyai senibina yang berbeza-beza dan menampakkan lagi warisan ketara itu masih dikekalkan lagi sehingga ke hari ini dengan gaya yang tersendiri.

Menurut pemilik kompleks ini beliau mengatakan bahawa pengunjung yang datang kesini pandangan pertama mereka adalah dimana mereka ini tertarik dengan gaya senibina rumah dan tidak tahu bahawa ianya merupakan sebuah “resort” dan menyangka ianya adalah sebuah muzium. Jelas menunjukkan bahawa masyarakat sekarang masih mengetahui tentang nilai senibina Melayu dahulu.

4.2.3 Pengaruh Seni Bina Melayu

Senibina Melayu dapat dilihat dengan teknologi pembinaan yang ringkas dan mudah menggunakan bahan-bahan dari alam semulajadi. Pengaruh Melayu boleh dilihat dengan ciri binaan atap atau bumbung, tiang, alang, rasuk, lantai, dinding dan lain-lain lagi. Dalam pengaruh Melayu ini, ianya mencerminkan budaya, falsafah hidup dan tamadun sesuatu masyarakat setempat yang dizahirkan ke atas seni bina kebanyakan rumah lama termasuk masjid, istana raja-raja, wakaf dan pusara atau makam. Justeru, terdapat juga pengaruh Melayu pada rumah di Kompleks Pahlawan Resort ini dan telah dikenalpasti walaupun secara mata kasar binaan terlihat sememangnya ciri-ciri Melayu dan Nusantara.

i) Bumbung

Bentuk seni bina tradisional, seperti bumbung sangat bersesuaian di iklim tropika dan terdapat unsur harmoni dengan unsur-unsur hiasan dianggap oleh tradisionalis masih mempunyai kaitan. Walau bagaimanapun bangunan tradisional memerlukan penyelenggaraan yang ketara berbanding dengan pembinaan moden.



Rajah 2:6: Bumbung Rumah Tok Kenali

(Sumber: Foto Kajian Lapangan)



Rajah 2:7: Bumbung Rumah Haji Abd Rahman Limbong

(Sumber: Foto Kajian Lapangan)



Rajah 2:8: Bumbung Rumah Mat Kilau

(Sumber: Foto Kajian Lapangan)

Di atas merupakan jenis bumbung bagi rumah di kompleks pahlawan resort. Berdasarkan pemerhatian semasa menjalankan kajian, pengkaji mendapati bahawa kesemua jenis rumah yang ada di kompleks ini menggunakan jenis atap yang sama iaitu jenis atap singgora. Berdasarkan temubual yang dibuat bersama dengan pemilik *resort*, Tuan Ahmad, beliau mengatakan bahawa apa yang perlu dikekalkan harus dikekalkan bagi mengelakkan berlakunya ketidaksamaan nilai pada sesebuah warisan itu. Ini kerana pada mula rumah pertama iaitu Rumah Mat Kilau menggunakan atap jenis singgora. Atap jenis singgora ini digunakan pada rumah warisan terdahulu jadi ianya wajar dikekalkan bagi meneruskan nilai warisan pada atap singgora ini.

MALAYSIA

KELANTAN

Kesemua bumbung rumah bercirikan kemasam yang digunakan adalah bercirikan Melayu iaitu atap genting singgora dan genting bentuk U atau V (dijadikan penutup perabung). Genting singgora atau lebih dikenali sebagai atap bata tradisional dalam masyarakat Pantai Timur merupakan jenis kemasam yang diperbuat daripada tanah liat dan sangat meluas digunakan hampir kebanyakan rumah-rumah tradisional di Malaysia. Ia mempunyai kelebihan yang dapat menanggung beban, bersifat estetik, tahan lasak dan lebih tahan lama.

Penggunaan genting singgora adalah sepenuhnya dipasang pada awal pembinaan sebelum kerja pembaikan dilakukan ke atas genting yang rosak. Malangnya kerja pembaikan ini tidak menunjukkan ciri penyenggaraan yang tidak betul apabila ia ditukarkan kepada atap moden yang dipasang pada bahagian bumbung sebelah kiri dan bumbung di ruangan belakang rumah.

Menurut apa yang didapati daripada pemerhatian, jenis bumbung yang digunakan ialah jenis bumbung Pisang Sesikat dan juga Kiasan Matahari. Rajah 2.8 ialah jenis pisang sesikat dan digunakan pada rumah Matk Kilau dan Tok Gajah. Bagi bumbung jenis kiasan matahari pula digunakan pada rumah Tok Kenali, Tok Pauh, Tokku Pauh dan juga Tun Abdullah. Rekabentuk pemelah kelewang juga mengalami perubahan mengikut perubahan zaman bergantung kepada fungsi dan permintaan masyarakat.



Rajah 2:9: Jenis Bumbung Pisang Sesikat
(Sumber: Foto Kajian Lapangan)



Rajah 3:0: Jenis Bumbung Kiasan Matahari
(Sumber: Foto daripada kajian lapangan)

ii) Dinding

Jenis dinding yang digunakan di Resort ini adalah kebanyakannya jenis panel Janda Berhias. Namun begitu, ada juga beberapa jenis rumah yang menggunakan panel Janda Ria. Beza kedua-dua ini adalah penggunaan jumlah corak ukiran pada petak panel dinding panel Janda Ria lebih banyak dari Panel Hias. Susunan panel ini dipercayai awalnya mendapat inspirasi dari susunan atau anyaman buluh. Namun begitu, selain daripada dinding Janda Hias dan Janda Ria, terdapat juga penggunaan panel lain seperti ukiran tebuk.

Selain itu, Menurut Encik Najhan atau dikenali Lan berkata ada juga rumah yang dibina pada peringkat awalnya dengan menggunakan daun-daun pokok dan juga buluh. Sebagai contoh rumah Mat Kilau. Penggunaan dinding buluh ini masih dikekalkan di bahagian dinding rumah Mat Kilau. Menurut beliau ianya masih dikekalkan kerana ingin mengekalkan keasliannya dengan menggunakan anyaman buluh pada dinding.

Berdasarkan pemerhatian di kajian lapangan, kesemua rumah yang berada di Kompleks ini menggunakan dinding jenis panel Janda Ria. Menurut apa yang diberitahu oleh Encik Lan iaitu *supervisor* kayu dan pekerja bahagian senibina di kompleks Warisan Pahlawan ini berkata kesemua dinding di sini menggunakan panel Janda Ria kerana banyak rumah warisan di Terengganu masih mengekalkan dinding panel Janda Ria.



Rajah 3:1: Panel Janda Ria Rumah Mat Kilau

(Sumber: Foto Kajian Lapangan)

MALAYSIA

KELANTAN



Rajah 3:2: Dinding Jalinan Buluh

(Sumber: Foto daripada kajian lapangan)

iii) Ukiran

Seni ukiran kayu Melayu adalah satu daripada seni kraftangan yang telah lama wujud di dalam sejarah bangsa Melayu. Ianya dapat dilihat pada ragam rias seperti senjata, alat pertukangan dan elemen pada perkakasan rumah. Di Kompleks ini, terdapat banyak ukiran yang sangat unik dan berunsurkan motif flora dan juga motif kaligrafi dan juga kebanyakan ukirannya pula adalah jenis awan larat dan tebuk timbul.




Rajah 3:3: Ukiran Kaligraf pada Rumah Tok Pauh

(Sumber: Foto daripada Kajian Lapangan)

Ukiran ini didapati ada pada rumah Tok Pauh, Tok Ku Paloh, Hj Abd Rahman Limbong dan juga Rumah Tok Gajah. Hal ini kerana keempat-empat tokoh ini merupakan seorang pejuang agama di Terengganu dan orang besar yang mempunyai banyak pengetahuan dalam ilmu agama. Mereka ini memberi sumbangan besar dalam perkembangan islam, oleh itu, di rumah tokoh ini banyak meninggalkan kesan seperti ukiran kaligrafi jawi antara tulisan yang ditulis adalah " السلام عليكم "

Selain ukiran kaligrafi terdapat juga ukiran jenis tebuk timbul serta tebuk timbus. Biasanya ukiran jenis ini dibuat pada tangga dan juga pemeleh atap. Berdasarkan pemerhatian, banyak motif seperti awan larat seperti yang digunakan pada Rumah Mat Kilau dan juga rumah Hj Abdul Rahman Limbong. Ukiran tembuk timbus juga banyak digunakan pada rumah Mat Kilau dan Tok Gajah.

Seni ukiran ini digunakan pada tangga dan juga pada kerrawang. Kesemua jenis motif ini sememangnya terdapat pada kesemua rumah Warisan ini. Rajah 3.1 ada menunjukkan jenis ukiran yang digunakan pada Rumah Tok Gajah. Kebanyakan jenis ukiran pada rumah warisan ini ialah berunsurkan flora dan tidak menggunakan motif fauna kerana Islam melarang untuk membuat ukiran berunsurkan haiwan pada jenis kediaman.



Rajah 3:4: Ukiran Motif Bunga
(Sumber: Foto kajian lapangan)



Rajah 3.5: Ukiran Tebuk Timbul Motif Flora
(Sumber: Foto kajian lapangan)

Menurut Encik Lan, seni ukiran ini adalah daripada seni ukiran Indonesia dan Terengganu. Pekerja bahagian ukiran adalah menggunakan khidmat daripada tenaga kerja buruh Indonesia iaitu dikenali sebagai Merol,⁴⁸. Merol ialah merupakan orang lama yang bekerja di Warisan Pahlawan ini di bahagian ukiran. Selain itu, Merol juga arif dalam pembuatan seni ukiran sehinggakan dia boleh mengajar orang tempatan dalam pembuatan pelbagai jenis ukiran sama ada dari Indonesia dan Malaysia. Dalam mengendalikan seni ukiran, beliaulah yang bertanggungjawab untuk menjalankan pekerjaan ini.

4.2.4 Kepentingan Nilai Sejarah Warisan


Bagi kajian ini, kepentingan nilai warisan sejarah adalah berdasarkan seorang tokoh. Tokoh yang memainkan penting dalam kajian ini. Hal ini kerana kediaman para tokoh inilah yang membawa kepada sesuatu nilai warisan dan warisan inilah yang harus dikekalkan sehingga ke generasi akan datang. Menurut pemilik Warisan Pahlawan ini, beliau berasa tersinspirasi dalam menjadikan rumah tokoh ini sebagai kediaman kerana mereka ini banyak sejarahnya yang tersendiri untuk masyarakat Hulu Terengganu. Antara tokoh yang paling terkait dan penting dalam penubuhan Warisan Pahlawan Resort ialah, Mat Kilau, Tok Ku Paloh dan Tok Gajah.



Rajah 3:6: Mat Kilau
(Sumber: Rujukan Internet)

Tokoh pertama adalah Mat Kilau. Menurut sejarah, Mat Kilau melarikan diri ke Hulu Terengganu kerana diusir pihak British. Daripada ramai pahlawan Melayu Pahang yang bangkit menentang penjajahan Inggeris pada 1880-an, hanya seorang daripada mereka yang sempat menyaksikan sendiri detik kemerdekaan negara, dia ialah Mat Kilau, anak kepada pembesar Imam Perang Rasu (Tok Gajah) yang bangkit menentang kedatangan Inggeris ke Pahang pada sekitar 1880-an dan 1890-an. Nama Mat Kilau dan Datuk Bahaman terukir dalam sejarah negara kerana mereka mengetuai Perang Lubuk Terua di mana mereka menyerang sebuah pos polis menyebabkan dua anggota polis British terbunuh. Seterusnya mereka lari ke Terengganu dan Kelantan untuk meneruskan penentangan.

Beliau bersama dengan ayahnya lari ke Hulu Terengganu dan membina rumah ini serta menetap disini buat sementara waktu. Namun begitu, ayahnya Tok Gajah telah meninggal di Hulu Terengganu dan diamakamkan di Kampung Pasir Nering. Mat kilau terus pulang ke kampung halaman nya semula dan identitinya juga bertukar-tukar dan kehidupannya seperti pelarian dengan menggunakan pelbagai nama samaran seperti Mat Daham dan Mat Siam. Akhirnya beliau meninggal di kampung halamannya di Jerantut, Pahang.



Rajah 3:7: Tok Gajah

(Sumber: Rujukan daripada Internet)

Rasul Abdul Salam bin Shahrom atau juga dikenali sebagai Tok Gajah, Khatib Rasu dan Imam Perang Rasu ialah Orang Besar Raja Pahang dengan gelarannya ialah Imam Perang Indera Gajah Pahang (setara dengan Orang Besar Berempat dan Orang Besar Berlapan - bergajah tunggal). Bersama-sama dengan Datuk Bahaman, Datuk Lela dan Mat Kilau, Tok Gajah merupakan salah seorang pahlawan yang terlibat bagi mematahkan pemberontakan Pahang antara tahun 1891 hingga 1895.

Menurut hasil daripada temubual orang kampung mereka mengatakan bahawa Tok Gajah ini adalah orang yang paling disegani di Hulu Terengganu sewaktu masa dahulu. Jasa beliau sangat banyak sehinggakan orang-orang hormat akan beliau. Pada tahun 1892, pihak British mengeluarkan perintah tangkap ke atas Tok Gajah lalu memaksa beliau menyelamatkan diri ke Ulu Kelantan dan kemudian ke Hulu Terengganu sebelum meninggal dunia pada tahun 1901. Kubur Tok Gajah terletak di Kampung Pasir Nering, Kuala Berang, Hulu Terengganu, Terengganu Darul Iman. Makamnya sehingga sekarang masih dijaga dengan rapi dan sentiasa dibersihkan oleh orang kampung. Nama beliau

masih terpahat sehingga sekarang oleh warga Hulu Terengganu sehingga nama beliau digunakan untuk sekolah menengah di Hulu Terengganu iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Indera.



Rajah 3:8: Tok Ku Paloh

(Sumber: Gambar rujukan internet)

Nama penuh Tok Ku Paloh ialah Saiyid Abdur Rahman bin Saiyid Muhammad bin Saiyid Zainal Abidin al-Aidrus. Saiyid Abdur Rahman al-Aidrus mempunyai beberapa nama gelaran, yang paling popular ialah Tok Ku Paloh. Gelaran lain ialah Engku Saiyid Paloh, Engku Cik, Tuan Cik dan Syaikh al-Islam Terengganu. Menurut penduduk kampung, mereka berkata bahawa Tok Ku Paloh pernah singgah ke Hulu Terengganu untuk berjumpa dengan Tok Gajah kerana mereka ialah orang yang bersama-sama dalam memperjuangkan hak orang Melayu daripada jatuh ke tangan penjajah.

Menurut temubual bersama dengan salah seorang penduduk Kampung Pauh, Encik Zul beliau berkata Tok Ku Paloh merupakan seorang ilmuan agama yang bersama berganding bahu dalam menjaga kedaulatan Islam pada satu masa dahulu bersama-sama dengan pejuang lain seperti Hj Abd Rahman Limbong, Tok Ku Pauh dan Tok Ku Pulau Manis. Mereka orang kuat yang selalu singgah ke rumah Tok Gajah di Pasir Nering atas urusan kerja. Beliau meninggal di kampung halamannya di Kampung Paloh, Losong, Kuala Terengganu.



Rajah 3:9: Hj Abdul Rahman Limbong
(Sumber: Rujukan Internet)

Nama sebenar Haji Abdul rahman Limbong bin Haji Abdl Hamid atau lebih dikenali sebagai Haji Abdul Rahman Limbong kerana beliau sering ke Limbong, kemaman untuk mengajar agama beliau berjuang untuk membela nasib petani yang ditindas -pejuangnya dikenali sebagai “kebangkitan Tani” di Terengganu. Haji Abdul Rahman Limbong juga dikatakan sebagai seorang tuan guru yang sama masyhurnya dengan Tokku Paloh di masa itu. Dalam tahun 1920-an, Inggeris campur tangan untuk mentadbir tanah di lokasi Kuala Telemong hingga ke Ulu Telemong. Setiap ekar tanah yang dibuka oleh rakyat dikenakan cukai oleh penjajah Inggeris. Dalam tahun 1920-an, Inggeris campur tangan untuk mentadbir tanah di lokasi Kuala Telemong hingga ke Ulu Telemong di Hulu Terengganu. Setiap ekar tanah yang dibuka oleh rakyat dikenakan cukai oleh penjajah Inggeris. Akibat daripada penentangan beliau, pihak British memrintahkan orangnya untuk membuang Hj Abdul Rahman ke Makkah dan beliau wafat pada 14 Jamadilakhir 1929 di Makkah akibat sakit.



Rajah 4:0: Tok Kenali

(Sumber: Rujukan Internet)

Muhammad Yusuf bin Ahmad atau lebih dikenali sebagai Tok Kenali (1868 – 1933) ialah seorang tokoh ‘Ulama’ Ulung, guru agama Islam yang agung, tokoh pembangun pemikiran umat Islam di dunia dan pencetus ilmu pengajian Islam di Malaysia dan Asia Tenggara khususnya, di awal abad ke-20.

Tok Kenali berasal dari Kelantan. Beliau banyak berjasa dan memberikan pelbagai sumbangan dalam banyak jenis penglibatan. Antaranya ialah beliau seorang tenaga pengajar dalam bidang ilmunan. Antara bidang ilmu yang dinaikkan oleh beliau adalah institusi Sekolah Pondok. Beliau telah banyak melahirkan ilmunan yang berjaya dalam agama dan sebagainya. Selain itu, beliau juga melahirkan ramai anggota pengarang, Saahib Al-Fadhilah Datuk Hj. Ahmad mahir, Mufti Kerajaan Kelantan yang juga seorang pengarang.

Kehebatan beliau ini disegani oleh semua masyarakat bukan sahaja di Negeri Kelantan malahan ramai yang menjemput beliau untuk tujuan pengajaran antaranya ialah Negeri Terengganu. Beliau selalu datang ke Hulu Terengganu pada masa dahulu untuk memberikan ilmu dan perjumpaan bersama dengan Hj Abd Rahman Limbong, Tok Ku Paloh dan beberapa orang lagi.



Rajah 4:1: Tok Pauh

(Sumber: Rujukan gambar dari Internet)

Tok Pauh atau nama sebenarnya Sheikh Abdullah Bin Abdul Kahar (atau Syarif Abdullah Bin Syarif Qahar) dikatakan bapa kepada Tokku Pulau Manis yang terkenal dengan syarahan kitab Hikam. Kisah Tok Pauh sangat diketahui oleh orang-orang sekitar Kampung Pauh ini kerana beliau adalah orang lama yang tinggal di kampung ini dan seterusnya kampung ini diberi nama sebagai “Kampung Pauh”. Kampung Pauh adalah sebuah kampung yang berada lebih kurang lima kilometer daripada pekan Kuala Berang. Mengikut sejarah daripada orang-orang dahulu, Kampung Pauh ialah sebuah kampung yang menjadi tempat persinggahan seorang ulama yang terkenal mengajar ilmu agama kepada penduduk sekitar iaitu Tok Pauh. Di samping itu, beliau juga ada membawa barang-barang jualan seperti garam, ikan, budu dan ikan kering.

Setelah berasa selesa berada di kawasan itu, beliau mula tinggal secara tetap dan menjadikan perniagaan menjual barang yang dibawa seperti garam, ikan dan lain-lain sebagai bahan jualan. Memandangkan pokok Pauh di tebing sungai menjadi panduan lalu, maka kampung persinggahan beliau ini dinamakan sebagai Kampung Pauh dan nama itu terus kekal sehingga sekarang. Ulama itu juga telah meninggal dunia di kampung ini dan dikebumikan di tanah perkuburan berhampiran dengan surau tempat beliau memberi pengajaran ilmu agama. Makam

tersebut terletak di antara Kampung Pauh dan Kampung Temir. Orang-orang kampung yang menerima ilmu daripada beliau telah memberi gelaran kepadanya “Tok Pauh”.



Rajah 4:2: Makam Tok Pauh di Kampung Temir

(Sumber: Foto daripada Kajian Lapangan)

4.2.5 Kepentingan Budaya Dalam Nilai Sejarah Warisan

Persekitaran rumah Melayu tradisi mempunyai ruang-ruang tertentu di dalam mahupun di kawasan persekitaran rumah itu. Selain itu, corak dan ciri susun atur ruang persekitaran rumah melayu juga terbahagi kepada beberapa ruang iaitu ruang hadapan dan ruang belakang. Selain itu, ruang halaman rumah pula adalah seperti aktiviti sosial iaitu perjumpaan ahli keluarga dan ruang seperti dapur, bilik dan sebagainya. Terdapat elemen dan juga struktur di setiap rumah warisan di Kompleks Pahlawan Resort ini yang membuatkan ianya seperti rumah melayu tradisional.

Ruang Halaman

i) Pohon ditanam di halaman rumah

Berdasarkan pemerhatian, kesemua rumah ini mempunyai pohon tanaman yang ditanam di bahagian kawasan rumah. Ciri-ciri pokok tersebut adalah terdapat pada rumah Tok Gajah sahaja iaitu pokoknya jenis merimbun dan renek. Pokok ini berfungsi untuk menjadikan teduhan dan ianya bagi mengelakkan pancaran matahari secara terus pada bahagian serambi. Ianya juga berfungsi sebagai penyaman kawasan apabila adanya pokok yang rening ini menjadikan kawasan tersebut redup dan ianya juga sesuai untuk tempat berlindung. Pada zaman dahulu pokok rening dan renek akan ditanam di kawasan rumah dan akan dibuat tempat isterihat.



Rajah 4:3: Kawasan Halaman Rumah Tok Gajah
(Sumber: Foto kajian lapangan)

ii) Tempayan di halaman rumah

Perigi atau telaga merupakan elemen yang dianggap paling unik dan sangat menarik yang terdapat pada halaman-halaman rumah masyarakat kampung di rumah-rumah Melayu Tradisional. Walaupun tempayan ini tidak digunakan untuk mandi, namun ianya digunakan untuk tujuan membasuh kaki sebelum naik ke rumah. Ini adalah satu budaya dan juga adat yang diamalkan sejak dari dahulu lagi dan masih dikekalkan oleh Tun Abdullah pada rumah-rumah tertentu seperti Rumah Tok Gajah dan juga Rumah Hj Abdul Rahman Limbong.



Rajah 4:4: Tempayan Di Rumah Hj Abd Rahman Limbong

(Sumber: Foto Kajian Lapangan)

iii) Ruang Tamu / Serambi

Ruang tamu berfungsi sebagai tempat duduk untuk melayan tetamu yang datang. Ianya juga untuk perjumpaan keluarga dan untuk meluangkan masa bersama. Pertama sekali ruang serambi ini memberi satu ruang kepada tuan rumah mahupun orang yang datang untuk berkunjung sama ada untuk berbual. Selain itu, fungsinya adalah untuk ibu bapa melihat anak-anak mereka bermain. Serambi juga berfungsi untuk beristirahat selepas pulang dari bekerja. Di kompleks ini ketujuh-tujuh buah rumah mempunyai ruang tamu/serambi.



Rajah 4:1: Serambi Rumah Tok Ku Paloh

(Sumber: Foto Kajian Lapangan)

iv) Ruang Bilik

Bilik merupakan ruang yang sangat penting di setiap rumah. Ini memang dari dahulu lagi betapa pentingnya ruang bilik untuk tidur. Dahulunya fungsi bilik hanya khusus untuk para perempuan, namun kini ianya tidak lagi dikhususkan. Menurut Encik Lan melalui temubual, beliau berkata banyak ruang tambahan yang telah ditambah di setiap rumah ini untuk dijadikan sebuah *resort* ini. Boleh dikatakan ketujuh-tujuh buah rumah ini mempunyai penambahan dari segi ruang terutama ruang bilik. Jadi sudah jelaslah menunjukkan kesemua rumah ini sudah diubahsuai untuk tujuan tertentu.



Rajah 4:5: Ruang Bilik Rumah Tok Gajah
(Sumber: Foto Kajian Lapangan)

4.2.6 Analisis Kajian bagi Mengkaji Nilai Kepentingan Warisan

Analisis ini adalah untuk menunjukkan sejauhmanakah nilai kepentingan rumah-rumah warisan ini ada dan bagaimanakah ianya terjadi. Selain itu, jadual dibawah juga akan menunjukkan sejauhmanakah nilai kepentingan itu memainkan peranan dalam warisan. Dengan menggunakan skala likert pada tahap Tinggi, Sederhana dan Lemah pada kenyataan yang berkait dengan objektif.

Dalam dapatan kajian ini kaedah instrument yang digunakan adalah temubual dan juga pemerhatian di kajian lapangan.

Tujuan kaedah instrument ini dilakukan adalah untuk mendapatkan maklumat dengan lebih lanjut dan pengkaji dapat melihat apakah kepentingan yang ada pada rumah warisan di kompleks ini. Berdasarkan dapatan ini juga seramai 6 orang responden telah terlibat dalam pengumpulan data dimana ianya terdiri daripada pemilik kompleks iaitu Tun Ahmad, Tun Anwar dan juga 4 orang pekerja Warisan Pahlawan Resort.

Jadual 4:2: Skala Mengkaji Nilai Kepentingan Warisan di Kompleks Pahlawan Resort

MENGGAJI NILAI KEPENTINGAN WARISAN DI KOMPLEKS WARISAN			
RESORT			
RUMAH TOKOH	SEJARAH	SENIBINA	BUDAYA
Rumah Mat Kilau	Tinggi	Tinggi	Tinggi
Rumah Tok Gajah	Tinggi	Tinggi	Tinggi
Rumah Tok Ku Paloh	Tinggi	Tinggi	Sederhana
Rumah Hj Abdul Rahman Limbong	Sederhana	Lemah	Lemah
Rumah Tok Kenali	Tinggi	Sederhana	Sederhana
Rumah Tok Pauh	Tinggi	Tinggi	Tinggi
Rumah Tun Abdullah	Lemah	Sederhana	Sederhana

Skala di atas menunjukkan keputusan bagi sejarah paling “Tinggi” ialah Rumah Mat Kilau, Tok Gajah, Rumah Tok Ku Paloh, Rumah Tok Kenali dan Rumah Tok Pauh. Untuk “sederhana” ialah Rumah Hj Abd Rahman Limbong dan untuk “Lemah” ialah Rumah Tun Abdullah. Jelas menunjukkan bahawa sejarah rumah ini lebih tertumpu kepada 4 orang tokoh tersebut. Selain itu, kesahihannya juga jelas terbukti dengan adanya temubual bersama dengan orang kampung dan pemilik Warisan Pahlawan resort sendiri tentang asal usul rumah tersebut dan apa kaitannya dengan tokoh-tokoh ini dan bagaimana ianya boleh menjadi resort.

Jelaslah bahawa berdasarkan kajian ini dapat dilihat dari sudut sejarah lebih berpihak kepada Rumah Mat Kilau, Tok Gajah, Rumah Tok Ku Paloh, Rumah Tok Kenali dan juga Rumah Tok Pauh. Kaitan rumah ini adalah bersangkutan paut dengan sejarah dimana tokoh ini adalah pemilik kepada rumah-rumah warisan ini. Menurut responden juga, Tun Ahmad berkata bahawa rumah ini sememangnya mempunyai nilai sejarah tinggi dan meninggalkan banyak kenangan yang boleh dilihat dan dikaji sehingga ke anak cucu. Selain itu, berdasarkan maklumat daripada responden juga berkata bahawa sememangnya status lima buah rumah ini adalah benar tentang hak milik tokoh ini sendiri dimana mereka sendiri yang memiliki rumah-rumah ini. Untuk mendapatkan maklumat yang lebih lanjut lagi, pengkaji juga sempat menemubual seorang responden lain iaitu orang kampung iaitu dikenali sebagai Cik Mah, 61 berkata bahawa sememangnya rumah ini banyak sejarah dan memang hak milik tokoh ini sewaktu masa dahulu dan keempat-empat tokoh ini mempunyai kaitan. Bagi rumah-rumah selebihnya nilai sejarahnya adalah pasti tetapi tidak ramai yang boleh meyakinkan statusnya adakah benar atau tidak kepemilikannya tersebut dengan tokoh-tokoh tersebut.

Untuk kepastian berkaitan dengan status rumah ini mulanya pengkaji menemubual pemilik rumah. Dengan memberitahu tentang maklumat dan status rumah, soalan seterusnya ditanya kepada Encik Lan berkaitan dengan senibina yang terdapat pada rumah-rumah tokoh. Analisis data menunjukkan senibina untuk skala “Tinggi” ialah Rumah Mat Kilau, Rumah Tok Gajah, Rumah Tok Ku Paloh, dan Rumah Tok Pauh. Bagi skala “sederhana” pula Rumah Tok Kenali dan juga Rumah Tun Abdullah. Skala “lemah” adalah merujuk kepada Rumah Hj Abd Rahman Limbong. Senibina Melayu sangat unik dan memang digunakan masyarakat Melayu dahulu lagi. Encik Lan berkata bahawa rumah yang paling tinggi nilai senibinanya kerana tidak banyak ditukar ialah Rumah Mat Kilau. Ini kerana rumah tersebut adalah rumah bujang yang memang dari dahulu diguna oleh orang yang tinggal berseorangan dan nilainya tinggi.

Bagi nilai budaya pula skala bagi “Tinggi” ialah Rumah Mat Kilau, Rumah Tok Gajah dan Rumah Tok Pauh. Skala bagi “sederhana” ialah Tok Ku Paloh, Rumah Tok Kenali dan Rumah Tun Abdullah. Nilai budaya memainkan peranan dalam mengubahsuai semula ruang-ruang asal kepada pembaharuan untuk *resort*. Menurut responden iaitu Cik Wani, dia menceritakan ruang-ruang asal di setiap rumah ini. Pada mulanya rumah-rumah ini tidak mempunyai ruang sama ada bilik dan dapur. Ianya hanya mempunyai ruang tamu atau rumah ibu yang luas sahaja seperti Rumah Mat Kilau yang merupakan rumah bujang tersebut. Namun pada akhirnya rumah ini ditambah dan diubahsuai semula menjadi sebuah rumah untuk diduki seperti masyarakat sekarang.

Kesimpulannya nilai paling tinggi yang dapat dilihat daripada jadual diatas ialah Rumah Mat Kilau, Rumah Tok Pauh, Rumah Tok Gajah dan Rumah Tok Kenali. Kelima-lima buah rumah ini membawa kepada banyak nilai kepentingan yang bertepatan dengan Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) mengenai garis panduan bangunan warisan. Suatu bangunan atau kumpulan bangunan yang berasingan atau bersambung, yang disebabkan oleh seni binanya, kehomogenannya atau tempatnya dalam landskap, serta mempunyai nilai sejagat yang menonjol dari pandangan sejarah, seni atau sains. Ini telah menunjukkan bahawa lima buah rumah ini mempunyai beberapa cirinya dan boleh dikaitkan dengan sejarah tokoh tersebut dan membawa kepada bangunan warisan.

4.3 MENGENALPASTI PERUBAHAN KE ATAS KOMPLEKS RUMAH PAHLAWAN RESORT DI KAMPUNG PAUH

Warisan Pahlawan Resort ini merupakan satu tempat dimana ianya menggunakan rumah tokoh sebagai satu pusat pelancongan. Sudah tentulah rumah ini mempunyai nilai dimana ianya telah melebihi 150 tahun lamanya. Sebelum ianya diguna sebagai tempat pelancongan, sudah pasti terdapat banyak kerosakan dan sebahagian atau kesemua elemen mahupun struktur yang tidak boleh digunakan lagi. Oleh itu, menurut menantu pemilik Warisan Pahlawan Resort ini iaitu Puan Izah, beliau berkata bahawa terdapat banyak penambahan pada ketujuh-tujuh buah rumah ini antaranya adalah seperti tiang, atap, dinding, tangga dan pasak. Selain itu penambahan elemen lain seperti bumbung dan juga penambahan pada ruang-ruang di dalam rumah-rumah seperti dapur, bilik dan ruang tamu. Namun begitu dengan ada penambahan ini, mereka masih mengekalkan nilai warisan tradisional yang menjadi warisan untuk mengekalkan keaslian rumah-rumah ini.

4.3.1 Pengenalpastian Perubahan Ke Atas 7 Buah Rumah di Pahlawan Resort.

Untuk pengenalpastian ini, kaedah temubual dan juga kaedah pemerhatian dilakuka bagi mengetahui dan mengenalpasti apakah perubahan yang dilakukan terhadap rumah-rumah tokoh ini. Berdasarkan temubual yang dibuat, soalan diajukan kepada Tun Anwar, Puan Nurulizah dan juga Encik Lan bagi mengetahui dengan lebih mendalam kaitan apakah perubahan yang dilakukan keatasnya sama ada merubah keasliannya atau tidak. Berdasarkan pemerhatian pula, pengkaji dapat melihat sendiri apakah perubahan yang dilakukan ke atas ketujuhtujuh buah rumah ini. Selain itu, ianya juga untuk mengenalpasti apakah bahan atau material yang digunakan adalah bersesuaian.



Rajah 4:6: Rumah Mat Kilau

(Sumber: Foto Kajian Lapangan)

MALAYSIA
KELANTAN

Jadual 4:3: Analisis Perubahan Pada Rumah Mat Kilau

PERUBAHAN PADA RUMAH MAT KILAU		
STRUKTUR/ELEMEN	DIKEKALKAN	DIGANTI/PENAMBAHAN
Ruang	-	Ditambah <ul style="list-style-type: none"> • 2 bilik • 1 tandas
Bumbung	Atap Singgora	-
Dinding	Dinding Minangkabau	Dinding Buluh Dinding Keleraai
Tiang/Pasak	Bujang Bersama	-
Tangga	Tangga Tradisional	-
Ukiran	Awaan Larat	-

Rumah Mat Kilau mempunyai sejarah, senibina dan nilai budaya yang tinggi dalam ketujuh-tujuh buah rumah di Kompleks ini. Menurut Tun Anwar, rumah Mat Kiau ini ialah rumah pertama yang dibeli oleh Tun Ahmad iaitu ayahnya. Ini kerana rumah ini mempunyai nilai senibina dan sejarah yang sangat penting. Rumah Mat Kilau ialah jenis rumah bujang Terengganu. Rumah Bujang Terengganu merupakan rumah berselasar iaitu (serambi) dan mempunyai keunikan tersendiri. Menurut Tun Anwar, rumah ini diangkut dari tempat asalnya iaitu Pasir Nering selama 2 minggu dengan menggunakan kaedah “pecat” tanggam. Ini kerana rumah ini tidak menggunakan paku, jadi senang untuk dicabut dan dipasang semula. Namun kesan daripada peralihan tempat

(*setting*) ini terjadinya beberapa kerosakan factor daripada cuaca dan juga jangka hayat rumah ini juga. Seterusnya membawa kepada perubahan pada struktur dan elemen yang rosak dan ada yang masih dikekalkan.

Rumah Mat Kilau ini diperbuat daripada kayu cengal dan berlantaikan kayu seraya dan beralaskan atap singgora. Selain itu apa yang uniknya ialah rumah ini tidak mempunyai bilik sebaliknya hanya mempunyai ruang yang luas iaitu lebih dikenali sebagai rumah ibu. Menurut Tun Anwar, apa yang diketahui adalah sesuai dengan jawatan Mat Kilau iaitu pembesar, beliau lebih mementingkan ruang yang luas dan besar. Hal ini kerana masyarakat Melayu mementingkan perjumpaan atau berkumpul untuk majlis keramaian dan juga keagamaan. Untuk perubahan yang dilakukan adalah pemilik menambahkan 3 bilik pada rumah ibu ini bagi menambahkan ruang kosong tersebut. Penambahan lain pada bahagian rumah ibu ialah tandas dan singki untuk kegunaan tetamu. Kesemua ruang ditambah untuk dijadikan bilik.



Rajah 4:7: Penambahan 2 Ruang Bilik

(Sumber: Foto Kajian Lapangan)

Selain itu, rumah ini dahulunya menggunakan dinding buluh sahaja namun sekarang masih mengekalkan penggunaan buluh tersebut tetapi ditingkatkan lagi fungsinya dengan membuat anyaman pada dinding tersebut bagi menutupi ruang-ruang pada bilik-bilik yang dibuat. Ini kerana ianya ditutup bagi menjaga keselamatan pengunjung daripada berlaku sebarang masalah. Terdapat juga sebahagian tambahan Dinding Minangkabau pada bahagian ruang bilik Mat Kilau 2 dan Mat Kilau 3. Lebih istimewa, anyaman seni dindingnya dengan sulaman bilah buluh disebut kelarai menggambarkan masyarakat Nusantara dahulu hidup saling bekerjasama dan bersatu padu. Keunikan sulaman dan anyaman dalam bentuk berlian ini menunjukkan kemahiran serta ketekunan si pembuat yang sememangnya pakar seni anyaman kelarai. Anyaman daripada buluh diraut dan dipotong menjadi kepingan yang dicelup dengan bahan pewarna sebelum dianyam mengikut motif sesuai hingga kelihatan begitu berseni serta megah.



Rajah 4:8: Anyaman Buluh pada dinding
(Sumber: Foto Kajian Lapangan)

Penggunaan atap singgora juga masih dikekalkan sehingga ke hari ini namun ianya sudah diganti baru kerana yang lama sudahpun rosak sepenuhnya kerana beberapa faktor seperti cuaca, kelembapan dan juga faktor usia. Kebiasaanya terjadi disebabkan oleh faktor cuaca dimana panas dan lembap menjadikan ianya reput dan berkuat akhirnya rosak. Daun pintu pula menggunakan papan diketam, lengkap dengan kunci dan berpaling termasuk jejari sebagai langkah keselamatan selain tingkapnya mempunyai ruang bagi kemasukan angin dan cahaya.



Rajah 4:9: Struktur Atap Singgora
(Sumber: Kajian Lapangan)



Rajah 5:0: Perubahan Struktur Rumah Tok Kenali
(Sumber: Foto Kajian Lapangan)

Jadual 4:4: Analisis Perubahan Pada Rumah Tok Kenali

PERUBAHAN PADA RUMAH TOK KENALI		
STRUKTUR/ELEMEN	DIKEKALKAN	DIGANTI/PENAMBAHAN
Ruang	-	Ditambah <ul style="list-style-type: none"> • 3bilik • 1 tandas
Bumbung	<ul style="list-style-type: none"> • Atap Singgora 	-
Dinding	<ul style="list-style-type: none"> • Dinding Minangkabau 	<ul style="list-style-type: none"> • Dinding Buluh • Dinding Kelerai
Tiang/Pasak	-	<ul style="list-style-type: none"> • Tiang Konkrit • Tiang Kayu

Tangga	• Tangga Tradisional	-
Ukiran	•	• Tebuk tembus bersilat

Sejarah Rumah Tok Kenali juga sangat tinggi. Rumah ini merupakan rumah yang telah dibina sejak sebelum zaman merdeka lagi sekitar tahun 1800. Selain itu, rumah ini diambil dan disuaiguna semula untuk tujuan pelancongan seperti yang dilakukan oleh pemilik resort ini iaitu Tun Ahmad. Sejarah rumah Tok Kenali juga sama seperti rumah Mat Kilau dimana rumah ini merupakan rumah Bujang Terengganu. Namun begitu, rumah ini juga telah banyak rosak dan banyak perubahan keatasnya telah dilakukan.

Bahagian ruang rumah ini juga telah ditambah kepada dua bilik. Pada mulanya rumah ini tidak mempunyai bilik dan mempunyai ruang ibu yang sangat luas. Oleh itu, Tun Anwar berkata ayahnya membuat penambahan pada ruang bilik. Selain itu, beliau juga membuat penambahan untuk ruang tandas pada sebelah bilik. Pemerhatian menunjukkan bahawa memang benar bahawa ruang tersebut telah ditambah sepenuhnya untuk dijadikan bilik. Seterusnya, bahagian bumbung. Berdasarkan pemerhatian dan juga temubual dengan responden menunjukkan bahawa elemen atap bumbung sama sekali tidak diubah strukturnya iaitu dengan mengekalkan jenis bahannya iaitu atap jenis singgora. Namun, ianya hanya mengekalkan keaslian atap jenis singgora tetapi, sebahagian atap sudah rosak teruk dan diganti dengan yang baru tetapi apa yang penting adalah masih mengekalkan keaslian bahan tersebut.

Struktur dinding juga ada yang masih dikekalkan dan sebahagian telah diubah. Namun begitu tidak semuanya ditukar baru dan dibuat penambahan. Dinding yang dikekalkan adalah jenis dinding Minangkabau di bahagian depan rumah dan dinding buluh pada bahagian tepi dinding utama rumah. Seterusnya terdapat penggunaan dinding jenis kelerai di bahagian penghujung atap. Tebar layar atau

pemeleh dibuat daripada kelarai bilah buluh manakala bingkainya diperbuat daripada ukiran kayu menampakkan ciri seni pertukangan halus yang menarik dilihat dari luar.

Perubahan seterusnya adalah pada struktur tiang. Tiang dahulunya ialah jenis bujang bersama dan sekarang telah ditukar sepenuhnya kepada berlantaikan konkrit batu. Hal ini kerana bahagian tiang rumahnya dahulu memang sangat uzur dan rosak teruk akibat daripada beberapa faktor kerosakan. Oleh itu, pemilik sekarang menukarnya kepada konkrit untuk menjadikan rumah ini kepada dua iaitu bahagian bawah dan bahagian atas. Dimana rumah ini sekarang berbentuk dua tingkat. Binaan tiang konkrit menggantikan tiang asal Kayu Merbau bagi menjamin keteguhan asasnya, selain bahagian atap rumah ibu lama yang diperbuat daripada kepingan kayu disusun secara berlapis-lapis supaya lebih utuh dan menarik.



Rajah 5:1: Struktur tiang konkrit

(Sumber: Foto Kajian Lapangan)

Gabungan binaan tangga juga menarik apabila bahagian tangga diukir dengan menggunakan ukiran bunga kerawang dimana ianya dapat dilihat motif pucuk paku di ukir pada pemegang tangga tersebut. Ini menunjukkan bahawa dimana struktur tangga masih digunakan dan masih dikekalkan di Rumah Mat Kilau ini bagi menunjukkan keaslian dan menunjukkan tangga ini adalah tradisional

tanpa mengubahnya kepada tangga baru. Menurut Tun Anwar beliau berkata bahawa memang tangga ini sudah rosak namun ia telah ditukar dengan baru dan diukir semula bahagian rosak tapi masih mengekalkan identiti dan keaslian tradisionalnya.

Untuk ukiran pula rumah ini kebanyakannya ukiran tembus tembus. Temubual bersama dengan Encik Lan beliau berkata ukiran ini sudah diguna pada rumah tersebut dan mereka hanya membaiki mana yang rosak. Ukiran ini digunakan pada bahagian depan dan pada permukaan pintu masuk rumah. Fungsinya adalah untuk pencahayaan dan pengudaraan.



Rajah 5:2: Perubahan Rumah Hj Abd Rahman Limbong
(Sumber: Foto Kajian Lapangan)

Jadual 4:5: Analisis Perubahan Pada Rumah Hj Abd Rahman Limbong

PERUBAHAN PADA RUMAH HJ ABD RAHMAN LIMBONG		
STRUKTUR/ELEMEN	DIKALKAN	DIGANTI/PENAMBAHAN
Ruang	Ruang Duduk	Ditambah <ul style="list-style-type: none"> • 3bilik • 1 tandas

		<ul style="list-style-type: none"> • Dapur
Bumbung	<ul style="list-style-type: none"> • Atap Singgora 	<ul style="list-style-type: none"> • Atap Metal Deck
Dinding	-	<ul style="list-style-type: none"> • Dinding Kayu • Dinding Batu
Tiang/Pasak	<ul style="list-style-type: none"> • Pasak Hadapan 	<ul style="list-style-type: none"> • Konkrit batu bata
Tangga	-	<ul style="list-style-type: none"> • Penambahan Tangga
Ukiran	<ul style="list-style-type: none"> • Pagar Musang 	<ul style="list-style-type: none"> • Awan Larat

Berdasarkan kaedah pemerhatian, penkaji sendiri dapat melihat banyak perubahan yang dilakukan ke atas rumah ini. Rumah milik Hj Abd Rahman ini telah banyak penambahan sama ada dari segi struktur dan juga bahan binaan. Oleh itu, boleh dikatakan ianya telah banyak mengubah nilai asal rumah ini.

Bagi elemen ruang, dapat dilihat rumah ini adalah rumah yang jenis panjang. Oleh itu, ruangnya agak besar dan luas. Menurut Tun Anwar, beliau berkata untuk perubahan pada rumah ini mereka telah banyak menukar yang asalnya. Ruang yang dahulunya hanya mempunyai bahagian dapur dan sekarang ianya telah diubah dengan sebahagian ruangnya telah ditambah 3 bilik untuk bahagian bawah. Ini kerana, rumah ini telah diangkat menjadi tinggi. Pertama rumah ini sememangnya menggunakan tiang pada rumah asalnya namun ianya tidak lagi menggunakan pasak asal. Ianya telah diubahsuai dengan menambah bahagian konkrit. Penggunaan batu bata pada bahagian belakang dapur juga ditambah dan telah mengalami penambahan yang banyak.



Rajah 5:2: Penambahan *Metal Deck*



Rajah 5:3: Penambahan struktur batu

Untuk bahagian bumbung, separuh di bahagian depan masih lagi mengekalkan ciri warisan melayu dimana ianya masih menggunakan atap singgora. Namun pada bahagian belakang iaitu di bahagian dapur adalah menggunakan atap jenis *Metal Deck*. Ini kerana bahagian batu tidak dapat menampung kayu pemeleh yang menggunakan atap singgora kata Encik Lan. Oleh itu penggunaan *Metal deck* digunakan bagi mengukuhkan lagi kayu.

Seterusnya ialah struktur tiang. tiang juga banyak mengalami perubahan dimana tiang pada muka hadapan iaitu pada bahagian tangga untuk ke tingkat atas hanya dikekalkan. Binaan tiang konkrit menggantikan tiang asal kayu merbau bagi menjamin keteguhan asasnya, selain bahagian atap rumah ibu lama yang diperbuat daripada kepingan kayu disusun secara berlapis-lapis supaya lebih utuh dan menarik. Daun pintu pula menggunakan papan diketam, lengkap dengan kunci dan

berpalang termasuk jejari sebagai langkah keselamatan selain tingkapnya mempunyai ruang bagi kemasukan angin dan cahaya.



Rajah 5:4: Tiang bujang bersama

Menurut Encik Lan, penambahan lain pada rumah ini adalah tangga. Hal ini kerana tangga yang asalnya sudah rosak dan telah dimakan serangga perosak. Oleh itu mereka terpaksa menggantikan tangga asalnya dengan baru. Dan hasilnya adalah sangat baru dengan warnanya juga telah diwarnai serupa dengan jenis tangga pada masa kini iaitu dengan menggunakan cat kayu. Jenis ukiran juga masih dikekalkan dan juga ditambah baru. Yang asalnya adalah ukiran jenis awan larat pada bahagian hadapan tangga. Penambahan elemen baru adalah dengan menggunakan ukiran jenis awan larat pada tiang bawah.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN



Rajah 5:5: Struktur penambahan tangga



Rajah 5:6: Rumah Tok Pauh

(Sumber: Foto Kajian Lapangan)

MALAYSIA

KELANTAN

Jadual 4:6: Analisis Perubahan Pada Rumah Tok Pauh

PERUBAHAN PADA RUMAH TOK PAUH		
STRUKTUR/ELEMEN	DIKELAKKAN	DIGANTI/PENAMBAHAN
Ruang	<ul style="list-style-type: none"> • Serambi 	Ditambah <ul style="list-style-type: none"> • 3bilik • 1 tandas • Dapur
Bumbung	<ul style="list-style-type: none"> • Atap Singgora 	-
Dinding	<ul style="list-style-type: none"> • Dinding Minangkabau 	<ul style="list-style-type: none"> • Dinding Buluh • Dinding Kelerai
Tiang/Pasak	<ul style="list-style-type: none"> • Tiang Asal 	
Tangga	<ul style="list-style-type: none"> • Tangga Tradisional 	-
Ukiran	<ul style="list-style-type: none"> • Kerawang 	-


Rumah Tok Pauh juga merupakan rumah lama iaitu sejak sebelum merdeka. Rumah Tok Pauh merupakan rumah jenis Tele atau rumah berkembar. Rumah ini membahagikan kepada dua bahagian. Apa yang dapat dilihat daripada pemerhatian adalah rumah ini sangat luas dan mempunyai beberapa ruang. Ruang yang membahagikan antara rumah ibu dan serambi. Serambi di luar agak luas dan fungsi serambi tersebut adalah untuk beristirahat serta untuk menikmati angin petang dan

juga banyak fungsi lain. Terdapat beberapa penambahan pada rumah Tok Pauh ini menurut temubual bersama responden dan melalui kaedah temubual.

Ruang yang ditambah adalah dengan penambahan 3 bilik, tandas dan juga dapur. Penambahan ruang ini adalah untuk penyewaan bilik kepada para penyewa. Hal ini kerana rumah melayu dahulu tidak mempunyai bilik khas. Seterusnya penambahan pada bahagian dapur di bahagian bawah rumah juga membuatkan lagi rumah ini nampak moden. Selain itu, penambahan tangga untuk kebahagian dapur juga telah ditambah untuk menampakkannya lebih kepada tradisional bercampur moden.

Berdasarkan pemerhatian, penggunaan atap singgora masih lagi dikekalkan pada rumah warisan ini. Tiada penambahan struktur mahupun elemen lain pada bahagian bumbung rumah ini kerana menurut responden iaitu Tun Anwar berkata, sudah banyak penambahan yang telah dilakukan pada rumah ini, jadi mereka ingin mengekalkan sahaja penggunaan atap singgora kerana ianya akan menampakkan lagi rumah ini tradisional tanpa mengubah ciri-ciri rumah melayu lama dengan menukarnya kepada bahan lain. Selain bahagian atap rumah ibu lama yang diperbuat daripada kepingan kayu disusun secara berlapis-lapis supaya lebih utuh dan menarik.

Bagi penggunaan tiang pula, tiang lama masih dikekalkan. Namun sebahagian tiang di bahagian tengah telah diganti dengan yang baru. Penggunaan jenis kayu masih dikekalkan iaitu kayu cengal namun tiang asalnya telah dibuang kerana tiangnya sudah reput dimakan anai-anai. Untuk memastikan ianya kekal dan tahan lama, Tun Ahmad mengambil tindakan dengan menukarkannya dengan kayu baru yang dibuat oleh pekerja Indonesia iaitu Merol.



Rajah 5:7: Penambahan serambi di Hadapan



Rajah 5:8: Penambahan bahagian tangga ke dapur

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN



Rajah 5:9: Perubahan Rumah Tok Gajah

Jadual 4:7: Analisis Perubahan Pada Rumah Tok Gajah

PERUBAHAN PADA RUMAH TOK GAJAH		
STRUKTUR/ELEMEN	DIKEKALKAN	DIGANTI/PENAMBAHAN
Ruang	-	Ditambah <ul style="list-style-type: none"> • 3 bilik • 1 tandas
Bumbung	<ul style="list-style-type: none"> • Atap Singgora 	-
Dinding	<ul style="list-style-type: none"> • Dinding Buluh • Dinding Kelerai 	<ul style="list-style-type: none"> • Dinding papan
Tiang/Pasak	<ul style="list-style-type: none"> • Sebahagian asal 	<ul style="list-style-type: none"> • Tiang Konkrit
Tangga	-	<ul style="list-style-type: none"> • Diganti

<p>Ukiran</p>		<ul style="list-style-type: none"> • Bunga Kerawang • Tebuk Timbul • Tebuk Tembus • Tulisan Kaligrafi
----------------------	--	---

Berdasarkan temubual, Rumah Tok Gajah merupakan rumah yang dibina sendiri oleh beliau dan anak buahnya. Rumah ini membawa banyak sejarah dan nilai penting. Naun begitu, akibat daripada faktor usia dan tiada penyelenggaraan dibuat sebelum diambil alih, maka ianya telah rosak dan banyak struktur dan komponen yang telah hilang. Faktor kehilangannya adalah disebabkan oleh faktor serangan serangga dan juga faktor cuaca. Itu yang dikenalpasti menurut Tun Anwar, kata beliau. Oleh itu, banyak perubahan dalam penambahan yang telah dilakukan oleh mereka dalam mengekalkan lagi rumah ini walaupun ianya rosak teruk. Menurut beliau kerosakan rumah ini hamper 60%.

Bahagian ruang juga banyak ditambah iaitu sebanyak 3 buah bilik dan juga 1 tandas sama seperti rumah-rumah lain. Namun begitu, 1 ruang itu cukup besar masih lagi dikekalkan di rumah ini. Apa yang menarik adalah, menurut pemilik, rumah ini dijadikan sebagai satu program atau tempat untuk bersanding pengantin. Ramai yang menggunakan Rumah Tok Pauh ini sebagai tempat bersanding atau majlis keramaian kerana ini memiliki ruang yang luas walaupun ditambah bilik. Kedudukannya juga sangat menarik dan memaparkan suasana dahulu dimana sewaktu berkahwin ramai orang berkumpul di satu ruang yang luas.

Penggunaan bumbung juga masih sama seperti yang lain. Dengan menggunakan atap jenis singgora. Berdasarkan pemerhatian penggunaan atap singgora masih dikekalkan namun ianya cuma diganti baru tetapi dikekalkan lagi bahan kegunaannya. Ini kerana dengan penggunaan atap singgora ini lebih menunjukkan lagi ianya satu warisan dahulu. Bahagian bumbungnya memiliki

reka bentuk rumah Limas dengan penambahan bukaan atap kecil berbentuk V terbalik berfungsi sebagai ruang pengaliran udara ke dalam rumah bagi mengurangkan bahang panas. Tebar layar atau meleh daripada kelarai bilah buluh manakala bingkainya diperbuat daripada ukiran kayu menampakkan ciri seni pertukangan halus yang menarik dilihat dari luar.

Bagi dinding pula, lebih istimewa, anyaman seni dindingnya dengan sulaman bilah buluh disebut kelarai menggambarkan masyarakat Nusantara dahulu hidup saling bekerjasama dan bersatu padu. Keunikan sulaman dan anyaman dalam bentuk berlian ini menunjukkan kemahiran serta ketekunan si pembuat yang sememangnya pakar seni anyaman kelarai iaitu pekerja Indonesia. Kerja-kerja ini dibuat oleh pekerja Indonesia yang mahir dalam bidang ukiran ini, iaitu Merol dan juga Duan. Mereka sangat berkemahiran dalam pembuatan ukiran ini. Anyaman daripada buluh diraut dan dipotong menjadi kepingan yang dicelup dengan bahan pewarna sebelum dianyam mengikut motif sesuai hingga kelihatan begitu berseni serta megah iaitu berbentuk motif bunga matahari.

Terdapat satu struktur yang memerlukan penambahan yang khusus iaitu pada bahagian tangga. Tangga dahulunya telah rosak dan mengalami pereputan kerana tidak ada penyelenggaraan. Oleh itu, tangga ini dibuat baru dan dibuat ukiran sama seperti Rumah Mat Kilau iaitu jenis kerrawang berbentuk motif pucuk paku pakis. Ianya lebih menampakkan lagi kemahiran ukiran dan gabungan seni ukiran yang sama dengan Mat Kilau kerana rumah-rumah ini mempunyai hubungan yang rapat. Jadi, Tun Ahmad mengambil keputusan dengan membuat ukiran tangga ini sama.



Rajah 6:0: Pemasangan jejaring baru



Rajah 6:1: Penambahan dinding buluh



Rajah 6:2: Penambahan Ruang Bilik



Rajah 6:3: Perubahan Rumah Tok Ku Paloh

Jadual 4:8: Analisis Perubahan Pada Rumah Tok Ku Paloh

PERUBAHAN PADA RUMAH TOK KU PALOH		
STRUKTUR/ELEMEN	DIKEKALKAN	DIGANTI/PENAMBAHAN
Ruang	-	Ditambah <ul style="list-style-type: none"> • 3bilik • 1 tandas
Bumbung	<ul style="list-style-type: none"> • Atap Singgora 	-
Dinding	<ul style="list-style-type: none"> • Dinding Minangkabau 	<ul style="list-style-type: none"> • Dinding Buluh • Dinding Keleraian
Tiang/Pasak	-	<ul style="list-style-type: none"> • Tiang Konkrit
Tangga	<ul style="list-style-type: none"> • Tangga Tradisional (kayu) 	-

Ukiran	<ul style="list-style-type: none"> • Kerawang 	
--------	--	--

Rumah Tok Ku Paloh juga banyak mengalami perubahan dari segi beberapa elemen. Oleh kerana faktornya yang sudah lama dan tiada penjagaan seperti rumah-rumah lain maka kerosakan itu sangat lah besar. Menurut responden, rumah Tok Ku Paloh ini rosak apabila ianya dalam proses diangkut ke kompleks ini. Oleh kerana terlalu lama prosesnya yang mengambil masa selama 3 minggu, terdapat elemen dan komponen yang sudah rosak itu senakin rosak. Oleh itu, cara untuk mengatasinya adalah dengan menggantikan dengan yang baru.

Ruang utama iaitu rumah ibu juga telah mengalami perubahan dimana rumah ibu atau ruang besar itu sebahagiannya dibuat bilik. Penambahan ini dibuat adalah kerana rumah ini memerlukan bilik untuk pengunjung yang ingin menyewa. Penambahan 2 bilik ini menjadikan ruangnya berkurang dan ditambah pula ruang untuk dapur dan tandas. Namun begitu ruang untuk dapur dan tandas adalah pada bahagian bawah. Rumah ini telah dibahagikan kepada dua bahagian dimana bahagian bawah dan atas.

Bumbung memang tidak lari daripada penggunaan atap jenis singgora. Penggunaan atap jenis inggora melambangkan jenis tradisi rumah melayu tradisonal. Jadi memang wajarlah ianya dikekalkan bagi mengekalkan lagi keaslian sesuatu nilai warisan tersebut. Bahagian bumbungnya adalah reka bentuk rumah Limas dengan penambahan bukaan atap kecil berbentuk V terbalik.

Manakala bagi penggunaan dinding pula masih dikekalkan iaitu penggunaan dinding Minangkabau dan dinding jenis janda ria. Namun begitu, sebahagian dinding pula di bahagian kanan rumah ditambah dengan menggunakan dinding jenis buluh. Anyaman buluh ini jelas meunjukkan bahawa ianya unik dan cirinya nampak unik. Daun pintu pula menggunakan papan diketam, lengkap dengan kunci dan berpalang termasuk jejari sebagai langkah keselamatan selain tingkapnya

mempunyai ruang bagi kemasukan angin dan cahaya. Untuk bahagian depan pula penggunaan dinding janda ria masih dikekalkan.



Rajah 6:4: Penambahan Tandas pada ruang asal



Rajah 6:5: Perubahan pada Rumah Tun Abdullah

Jadual 4:9: Analisis Perubahan Pada Rumah Tun Abdullah

PERUBAHAN PADA RUMAH TUN ABDULLAH		
STRUKTUR/ELEMEN	DIKELAKKAN	DIGANTI/PENAMBAHAN
Ruang	-	Ditambah <ul style="list-style-type: none"> • 2 bilik kanan • 2 bilik kiri • 2 tandas
Bumbung	<ul style="list-style-type: none"> • Atap Singgora • Pemeleh • Kiasan matahari 	-
Dinding	<ul style="list-style-type: none"> • Dinding Minangkabau 	

Tiang/Pasak	-	• Tiang Konkrit
Tangga	• Tangga Tradisional	-
Ukiran		-

Menurut pemerhatian semasa kajian lapangan, rumah Tun Abdullah adalah rumah Jenis Tele. Rumah ini ialah rumah berkembar dimana ianya mempunyai dua bahagian iaitu bahagian kiri dan kanan. Namun begitu, rumah ini adalah paling jelas tentang perubahannya. Hal ini kerana menurut Tun Anwar, rumah ini tidak mempunyai maklumat jelas berkaitan dengan status pemilikannya. Proses mengangkat rumah ini adalah daripada istana lama iaitu di Pura Tanjung Sabtu, Kuala Terengganu. Pada asalnya rumah ini sudah pun tidak mempunyai beberapa elemen penting seperti lantai, tiang dan dinding. Oleh itu, berlaku banyak perubahan dan penambahan terhadap rumah ini telah pun dibuat.

Ruangnya pula dibahagikan kepada dua bahagian iaitu sebelah kanan dan sebelah kiri. Terdapat 4 bilik kesemuanya dan 2 tandas. Pada bahagian bawah pula adalah untuk tandas dan atas adalah bilik. Keluasan rumah ini agak jelas luasnya namun kerana ianya dibahagikan kepada dua ianya kelihatan seperti rumah bujang.

Bumbung adalah jenis singgora. Ianya masih dikekalkan namun terdapat penggunaan atap zink atau metal deck dibahagian belakang rumah. Namun tidak kesemuanya ditukar kerana menurut Encik Lan, atap singgora itu rosak dan diganti dengan Metal deck tersebut untuk nama seakan-akan singgora. Bahagian bumbungnya memiliki reka bentuk rumah Limas dengan penambahan bukaan atap kecil berbentuk V terbalik berfungsi sebagai ruang pengaliran udara ke dalam rumah bagi mengurangkan bahang panas. Bagi kiasan pula adalah berbentuk kiasan matahari.

Binaan tiang konkrit menggantikan tiang asal kayu merbau bagi menjamin keteguhan asasnya, selain bahagian atap rumah ibu lama yang diperbuat daripada kepingan kayu disusun secara berlapis-lapis supaya lebih utuh dan menarik. Ini kerana rumah ini tidak mempunyai lantai dan pemilik menjadikannya seperti ini.



Rajah 6:6: Penambahan batu bata pada dinding

4.4 MENGUKUR KESAN PENYESUAIGUNAAN SEMULA KE ATAS NILAI WARISAN YANG TERDAPAT DI PAHLAWAN RESORT.

Setiap individu mahupun negara mempunyai warisan masing-masing malahan tinggalan warisan yang ditinggalkan adalah berbeza mengikut jalur bangsa dan juga agama. Menurut Kamus Oxford, warisan adalah sesuatu yang akan atau telah diwarisi pada mana waris dan akan melibatkan dua pihak iaitu generasi lepas dan generasi akan datang.

Berdasarkan objektif ketiga adalah berkaitan dengan kesan daripada kaedah penyesuaigunaan semula ke atas rumah-rumah tokoh ini kepada eko-pelancongan setempat. Untuk mencapai objektif ini pengkaji menggunakan kaedah soal selidik terhadap 20 orang responden iaitu secara atas talian kepada pengunjung yang datang ke kompleks ini untuk bercuti. Temubual tersebut dilakukan secara rawak dengan menanyakan beberapa soalan berkaitan dengan hubungan kait objektif satu dan objektif dua. Bagi kesan penyesuaigunaan semula ini mengkaji bagaimanakah kesan

tersebut memberi impak ataupun seseorang itu mendapat manfaat sama ada individu, masyarakat dan kawasan tersebut.

4.4.1 Penglibatan Masyarakat

Penglibatan masyarakat dilihat sebagai satu pendekatan dari bawah ke atas (*bottom-up approach*) dalam usaha pemeliharaan warisan dan perlindungan harta warisan. Pendekatan ini bermaksud satu bentuk penglibatan yang menyeluruh iaitu setiap lapisan masyarakat samada dari aspek pengagihan peranan atau penyaluran input yang tepat kepada sesuatu warisan tersebut. Sebagai contoh, masyarakat memainkan peranan dalam mengetahui serta menjaga sejarah warisan seperti rumah, bangunan dan juga tapak yang menjadi satu bentuk warisan. Rumah-rumah di kompleks ini membawa banyak makna dan juga sejarah yang penting namun ianya tidak diketahui ramai kerana kurang rasa ingin ambil tahu.

Borang soal selidik ini diagih secara atas talian melalui aplikasi *Whatsapp* sahaja pada hari pengkaji pergi menemubual pemilik Resort. Soalan ini sememangnya sudah siap disediakan untuk 30 orang responden secara rawak, namun hanya 20 orang sahaja yang menjawab kerana beberapa faktor yang terhalang. Namun, ianya masih boleh digunapakai untuk mendapatkan maklumat yang diinginkan.


4.4.2 Analisis Responden

Jadual 5:0: Analisis Data Responden

BIL	FAKTOR	KATEGORI	KEKERAPAN	JUMLAH
1	Jantina	Perempuan	14	20
		Lelaki	6	


Jadual berikut merupakan analisis data responden yang diperoleh selepas menjawab soalan soal selidik secara atas talian. Hasil mendapati bahawa jantina yang menjawab adalah kategori lelaki dan perempuan. Manakala bagi kekerapan pula ialah bagi perempuan telah menjawab 14 kali dan lelaki pula adalah seramai 6 orang yang menjawab soalan ini. Oleh itu, secara kesimpulannya seramai 20 orang yang telah melengkapkan borang soal selidik yang berkaitan dengan Mengukur Kesan Penyesuaigunaan Semula Ke Atas Nilai Warisan Yang Terdapat di Pahlawan Resort.

4.4.3 Data Analisis Respon Responden Berkaitan Borang Soal Selidik



Rajah 6:1: Analisis Data Soalan Pertama 2


Rajah diatas menunjukkan keputusan tindak balas daripada pengunjung yang telah menjawab soalan yang telah diagihkan. Berdasarkan soalan berkaitan adalah mendapati bahawa seramai 42.30% yang memilih rekabentuk yang menjadi penyebab mereka datang ke kompleks ini. Seterusnya sebanyak 26.30% yang memilih Pelancongan yang menyebabkan mereka mengenali Warisan Pahlawan Resort. Selain itu, 5.30% responden yang memilih senibina dan kemudahan fasiliti kerana apa yang menarik minat mereka untuk ke Resort ini adalah disebabkan oleh senibina rumah-rumah ini dan kemudahan fasiliti yang terdapat pada setiap rumah tokoh ini menyebabkan mereka lebih tertarik untuk memilih resort ini. Namun begitu sebanyak 14.50% responden pula yang memilih Harga Rumah warisan tersebut sebagai medium yang sangat berpatutan sebagai pusat pelancongan. Seramai 6.30% responden pula lebih memilih lokasi sebagai pilihan kerana ianya lebih strategic dan juga lokasi yang bain untuk beristerihat daripada kesibukan bandar dan kesesakan jalanraya dan suasananya yang lebih tradisional.



Rajah 6:2: Analisis Soalan kedua


Analisis kedua menunjukkan peratusan yang paling banyak adalah pilihan jawapan “sangat tahu” dengan peratus sebanyak 79%. Ini bermakna mereka tahu kaitan sejarah tokoh yang mendiami rumah ini. Seterusnya bagi pilihan jawapan 11% pula adalah ‘tidak tahu’. Namun begitu, ada juga yang tidak tahu bahawa rumah ini ada kaitan dengan tokoh-tokoh melayu terdahulu yang membina rumah-rumah ini. Bagi “kurang tahu” pula mencatat nilai peratusan sebanyak 10% yang dipilih oleh responden. Jelas menunjukkan bahawa ramai yang tahu tentang rumah-rumah ini ada kaitan dengan tokoh sesuai dengan nama rumah yang ditetapkan di kompleks ini.

MALAYSIA
KELANTAN




Rajah 6:3: Analisis Data Soalan Ketiga

Soalan ketiga yang diletakkan pada soal selidik adalah berkaitan dengan kesan terhadap apakah keistimewaan rumah ini sebagai warisan dan adakah ianya wajar di dijadikan sebagai “*adaptive reuse*”? Oleh itu, peratus pemilihan jawapan daripada responden menunjukkan jawapan yang betul dimana mereka iaitu 20 orang responden ini memilih “Ya, Wajar” sebagai jawapan dan peratusan adalah 100%. Walaupun mereka tidak tahu akan sepenuhnya latar belakang sejarah rumah ini, namun mereka tahu untuk menjadikan rumah warisan ini sebagai fungsi lain dari asalnya.




Rajah 6:4: Analisis Data Soalan Keempat


Soalan keempat adalah berkaitan dengan sejarah latar belakang setiap tujuh buah rumah di kompleks yang dikaji. Berdasarkan jadual di atas menunjukkan peratusan paling tinggi adalah “sangat tahu” dengan menandatangani peratusan pilihan jawapan sebanyak 52% yang mengetahui latar belakang rumah ini. Seterusnya bagi pilihan jawapan “sedikit” adalah sebanyak 32% yang memilih. Kemungkinan mereka mengetahui sesetengah sahaja maklumat berkaitan dengan latar belakang seperti Rumah Mat Kilau. Selain itu, yang seterusnya ialah, 16% bagi pilihan jawapan “kurang tahu”. Keismpulanya, ramai yang tahu latar belakang sejarah ketujuh-tujuh buah rumah ini.



Rajah 6:5: Analisis Data Soalan Kelima


Berdasarkan soalan yang ditanya adalah berkaitan dengan susun atur gaya rumah tersebut adakah mengikut ruang rumah tradisional dahulu. Jawapan yang diberikan adalah sangat memuaskan apabila ramai responden yang tahu akan susun atur dan gaya ruang ini disusun mengikut rumah tradisional melayu. Dengan data yang diperolehi seramai 90% yang memilih jawapan “ya”. Seterusnya bagi jawapan “tidak” pula seimbang dengan pilihan jawapan “tidak pasti”. Ini menunjukkan ada responden yang tidak mengetahui tentang gaya susun atur rumah melayu tradisional. Namun begitu, jelas bahwa ramai yang tahu akan gaya rumah tradisional walaupun sekarang rumah lebih berkonsepkan ruang moden.





Rajah 6:6: Analisis Data Soalan Keenam

Soalan keenam ini merupakan soalan yang bersifat terbuka dimana soalan ini hanya untuk melihat sejauhmanakah responden mengetahui rumah lama atau rumah tradisional ini bersifat tanggam. Tanggam merupakan satu kaedah dimana tidak menggunakan paku dalam pembuatannya. Oleh hal demikian ramai yang tahu akan teknik tanggam. Ini kerana kaedah penyesuaigunaan semula rumah warisan adalah disebabkan oleh faktor tanggam. Hal ini kerana, rumah ini tidak akan rosak sepenuhnya kerana ianya boleh dipasang dan dicabut dan akan dipasang mengikut yang asal. Akan tetapi akan ada permasalahan dari beberapa segi seperti hilang keaslian. Rajah diatas menunjukkan peratusan dalam analisis. Pilihan jawapan “ya” adalah sebanyak 74%. Manakala “tidak” pula menunjukkan peratusan sebanyak 10% sahaja. Bagi jawapan “mungkin” pula mencatatkan sebanyak 16% yang menyokongnya.



Rajah 6:7: Analisis Data Soalan Ketujuh

Pada soalan ini, pengkaji mengajukan soalan yang berkaitan dengan sejauhmanakah pengetahuan responden terhadap sejarah dan latar belakang tujuh buah rumah ini. Analisis daripada soalan ini adalah dimana Rumah Mat Kilau mendapat peratusan paling tinggi dengan mencatatkan hasil sebanyak 69%. Manakala kedua tertinggi adalah pilihan jawapan pada rumah Hj Abdul Rahman Limbong. Dan peratusan yang sama jumlah pilihan jawapan adalah sebanyak 5% dengan pilihan jawapan pada rumah Tok Pauh dan juga untuk jawapan “tidak tahu”. Kesimpulannya, bagi data ini menunjukkan bahawa peratusan bagi sejauhmanakah pengetahuan mereka terhadap tujuh buah rumah ini adalah bagi Rumah Mat Kilau.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN



Rajah 6:8: Analisis Data Soalan Kesembilan

Jadual di atas menunjukkan hasil daripada pilihan jawapan daripada responden yang menjawab soalan. Berdasarkan soalan temubual di atas hasil menunjukkan peratusan yang menyokong penyesuaigunaan semula rumah ini dengan menamakannya sebagai Warisan Pahlawan Resort ini sesuai, maka jawapannya adalah “ya”. Hasil tersebut adalah dengan menyokong 100% setuju dengan pernyataan soalan ini. Bagi pilihan jawapan ‘tidak’ pula tiada seorang yang memilihnya.



Rajah 6:9: Analisis Data Soalan Kesepuluh

Soalan terakhir adalah soalan yang berkaitan dengan kesan daripada penyesuaigunaan semula rumah ini kepada sektor pelancongan. Apa yang didapati daripada hasil ini adalah 100% pilihan jawapan yang menjawab ianya adalah kesan baik dalam memelihara warisan-warisan ini daripada ianya terbiar ketiadaan penyelenggaraan daripada pihak berkuasa.

Kesimpulannya, Ini menjelaskan bahawa objektif ketiga adalah bagi mengukur kesan penyesuaigunaan semula rumah-rumah warisan ini kepada sektor pelancongan di Kampung Pauh. Hasil daripada soalan yang diagihkan pengkaji mendapati ramai yang berpengetahuan dalam kaedah konservasi ini. Mereka tahu akan maksud apa itu penyesuaigunaan semula (*adaptive reuse*). Maka hasil ini menjelaskan bahawa ramai yang tahu akan asal usul sebenar beberapa buah rumah di Kompleks ini. Selain itu, mereka juga mengkaji dahulu apakah rumah ini betul milik tokoh. Justeru itu, mereka tahu serba sedikit kaitan sejarah tokoh dahulu dengan rumah-rumah ini. Ianya adalah saling berkaitan dan kesan daripada penyesuaigunaan semula ini ianya memberi kesan kepada individu, masyarakat setempat dan negeri tersebut kerana ada hasil warisan.

4.5 Rumusan Bab

Secara keseluruhan Bab 4 ini menunjukkan tentang analisis data yang diperoleh semasa menjalankan kerja lapangan. Secara keseluruhannya, dalam bab dapatan kajian ini pengkaji telah menghuraikan dengan lebih terperinci lagi mengenai setiap maklumat yang berkaitan dengan kajian. Selain itu, pengkaji sendiri telah memilih pendekatan yang bersesuaian untuk menjawab objektif.

Dalam objektif pertama dan kedua pengkaji menggunakan inisiatif temubual dan kaedah pemerhatian di lapangan. Pengkaji telah menemubual pemilik, anak, menantu dan juga beberapa orang pekerja di Kompleks Pahlawan Resort untuk mendapatkan maklumat yang lebih lanjut untuk mendapatkan data yang lebih tepat untuk menghuraikan dalam kajian ini. Seterusnya, bagi objektif ketiga pula, pengkaji menggunakan kaedah mengedarkan soalan soal selidik secara rawak kepada 20 orang responden dimana mereka adalah orang yang datang ke Warisan Pahlawan.

Kesimpulannya, pada bab ini pengkaji telah menghuraikan kesemua yang berkaitan dengan objektif. Rata-rata responden menunjukkan jawapan yang menjurus kepada objektif pengkaji.

PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.0 Pengenalan

Bab ini akan mengulas dengan lebih lanjut berkaitan dengan perolehan maklumat yang didapati sepanjang penyelidikan ini dijalankan. Dalam bab ini juga dapat melihat sama ada hasil kajian ataupun analisis yang dijalankan oleh penyelidik menepati objektif dan kehendak kajian yang dijalankan. Semua hasil kajian dan fakta-fakta yang dikemukakan akan dihurai sepenuhnya dalam bab ini. Penegasan akan diberikan dalam bab ini bagi membuktikan bahawa penemuan yang dijalankan adalah menepati kehendak kajian. Selain itu, bab ini juga akan menyediakan bahagian cadangan dan idea kepada para penyelidik lain sekiranya ingin menjalankan kajian yang sama. Dalam hal ini, perbincangan yang dibuat menjadi ukuran terhadap potensi keberkesanan dapatan maklumat yang diperolehi dalam proses menyiapkan projek penyelidikan ini. Selain itu, pada bahagian ini juga, pengkaji akan mengutarakan beberapa cadangan dan saranan yang relevan bagi memudahkan penyelidik di masa hadapan untuk merangka perancangan untuk melakukan kajian berkenaan dengan Warisan Pahlawan Resort. Sememangnya projek penyelidikan ini mampu sedikit sebanyak dalam membantu mereka dalam mencapai maklumat yang diingini kelak. Dalam memartabatkan rumah-rumah tokoh ini sejujurnya memerlukan usaha yang mapan oleh semua pihak di mana selari dengan misi dan matlamat pengkaji agar tidak bertentangan atau berlawanan demi mengaut keuntungan komersial semata-mata.

5.1 Perbincangan Dapatan Kajian

Bahagian ini menghuraikan dan merumuskan dapatan-dapatan daripada tajuk kajian pengkaji tentang Keberkesanan Penyesuaigunaan Semula Di Dalam Pemuliharaan Rumah Tokoh: Kajian Kes Warisan Pahlawan Resort. Perbincangan mengenai dapatan kajian dilakukan berdasarkan pada penganalisan data ketiga- tiga analisis objektif kajian yang diulas secara terperinci di dalam penulisan bab empat sebelum ini.

5.1.1 Analisis Objektif Kajian 1: Mengkaji nilai kepentingan pada Kompleks Warisan Pahlawan Resort

Setelah kajian dijalankan untuk mencapai objektif satu dan bagi menjawab persoalan pertama, pengkaji mendapatkan kesemua maklumat diperlukan. Selain itu, pengkaji juga dapat merangkumi secara terperinci tentang beberapa nilai kepentingan pada Kompleks Warisan Pahlawan ini. Antara yang dikaji adalah berkaitan dengan kepentingan nilai sejarah rumah dan tokoh, nilai seni bina dan nilai budaya. Bagi mencapai objektif ini pengkaji menggunakan kaedah temubual dan juga pemerhatian bagi memperoleh apa yang diinginkan.

Antara yang dapat diperoleh daripada hasil temubual dan pemerhatian pengkaji adalah dapat mengetahui sepenuhnya kaitan sejarah rumah dengan tokoh-tokoh tersebut. Namun begitu, berdasarkan maklumat yang diperoleh adalah, hanya 4 buah rumah tokoh sahaja yang merupakan sah sah status kepemilikannya. Antara rumah berikut ialah Rumah Mat Kilau, Rumah Tok Pauh, Rumah Tok Gajah dan juga Rumah Tok Kenali. Yang selebihnya iaitu Rumah Hj Abd Rahman Limbong, Rumah Tun Abdullah dan juga Rumah Tok Ku Paloh. Rumah ini diragukan kepemilikannya sama ada ianya milik tokoh tersebut atau milik orang lain. namun begitu, ianya sememang rumah tradisional melayu asli dan menurut pemilik Pahlawan Resort berkata bahawa

rumah ini dibeli dan diangkat dari Pura Tanjung Sabtu di Kuala Terengganu. Bagi mengetahui kesahihan statusnya pula memang benar pemiliknya itu dan memang mempunyai bukti bahawa rumah tersebut disuaiguna semula sebagai rumah penginapan.

Bagi senibinanya pula adalah kesemua rumah ini mempunyai senibina yang sangat menarik dan sememangnya mempunyai ciri-ciri rumah tradisional melayu sepenuhnya. Antaranya ialah Rumah Tele dan juga Rumah Bujang Berserambi. Selain itu, bentuk ukiran-ukirannya juga melambangkan senibina atau seni ukiran yang sangat unik seperti bumbung, pemeleh dan juga seni kaligrafi yang digunakan. Dengan menggunakan kaedah temubual dan kaedah pemerhatian pengkaji sendiri dapat melihat apakah ianya benar atau tidak. Pengkaji mendapati bahawa kesemuanya adalah benar dan senibina ini melambangkan keunikan rumah ini dan mampu menjadikan ianya satu tarikan pelancongan kepada para pengunjung. Dimana keunikan senibina inilah yang menarik minat pelancong untuk datang ke Kompleks ini kerana dikatakan suasananya seperti berada di masa silam dengan gaya rumah lama sebegitu. Hasil kajian juga mendapati bahawa di Kompleks ini sering diadakan majlis perkahwinan ala-ala tradisional dahulu. Inilah membuktikan bahawa masyarakat sekarang masih mementingkan keunikan senibina daripada rumah Melayu.

Selain itu, analisis menunjukkan pengkaji juga mengkaji nilai budaya rumah-rumah ini. Antaranya adalah seperti pembahagian ruang-ruang di rumah ini. Namun hasil daripada pemerhatian dan temubual terdapat banyak ruang tambahan yang telah diubah. Walaupun ada yang telah ditambah terdapat juga yang masih dikekalkan bagi memastikan warisannya tidak hilang. Walaubagaimanapun, ianya ditambah adalah disebabkan beberapa faktor iaitu ada sebahagian adalah disebabkan rosak teruk akibat cuaca dan juga serangan serangga namun dari faktor lainnya adalah disebabkan oleh manusia. Pemilik menambah beberapa ruang atau struktur untuk kepentingan aktiviti pelancongan ini.

5.1.2 Analisis Objektif Kajian 2: Mengenalpasti pengubahsuaian yang dilakukan ke atas rumah-rumah tokoh di Warisan Pahlawan Resort.

Berdasarkan pemerhatian pengkaji ke atas rumah tokoh di Kompleks Warisan Pahlawan ini, terdapat perubahan yang telah dilakukan kepada semua rumah ini. Umum mengetahui, rumah warisan ini merupakan rumah bekas seorang tokoh melayu yang pada suatu ketika dahulu dikatakan sangat berpengaruh terhadap masyarakat Terengganu. Menurut Stipe (1995), pemeliharaan bangunan bersejarah terutama strukturnya adalah kerana hubungannya kepada peristiwa lepas, kawasan, monumen dan orang perseorangan yang penting untuk kebanggaan dan pemahaman. Faktor ini kukuh untuk membina imej yang jelas pada identiti rumah tokoh warisan ini yang merangkumi ciri-ciri fizikal sesuatu kepada sejarah silam dan tokoh, membezakannya dengan rumah yang lain.

Melalui kaedah pemerhatian, pengkaji telah mengenalpasti apakah jenis perubahan yang berlaku kepada rumah-rumah ini. Antara perubahan yang dilakukan adalah dengan adanya penambahan bahagian ruang di setiap rumah ini. Sebagai contoh, penambahan pada bilangan bilik, contohnya pada rumah Mat Kilau. Rumah itu merupakan rumah bujang serambi dimana rumah tersebut tidak mempunyai bilik dan juga dapur, pada akhirnya dalam penyesuaigunaan ini pemilik menambah ruang seperti bilik, dapur dan tandas. Selain itu, terdapat juga penambahan pada komponen seperti atap yang dahulunya ialah atap singgora dan terdapat kerosakan maka pemilik menggantikan sebahagian rosak dengan *metal deck*. Jelas menunjukkan bahawa rumah ini mempunyai banyak perubahan dari segi ruang dan juga komponen asal.

5.1.3 Analisis Objektif Kajian 3: Menilai kesan penyesuaigunaan semula ke atas nilai warisan rumah tokoh-tokoh di kompleks Warisan Pahlawan Resort

Bagi mencapai objektif ketiga ini, analisis maklumat diperoleh dengan menggunakan kaedah mengedarkan borang soal selidik kepada pelancong yang datang ke *resort* tersebut pada hari temubual pengkaji bersama dengan pemilik. Soalan tersebut telah disiapkan terlebih dahulu dengan soalan-soalan berkaitan untuk diedarkan semasa pemerhatian dilakukan. Soalan diedarkan dengan secara atas talian sahaja. Segala maklumat direkod dan seterusnya dianalisis ke bentuk carta berkaitan dengan semua maklumat itu.

Berdasarkan soalan tersebut, pengkaji mengajukan soalan yang berkaitan dengan kesan penyesuaigunaan semula rumah ini ke atas nilai warisan. Ini bermaksud kesan daripada kaedah penyesuaigunaan ini dilakukan adakah ianya memberi kesan kepada rumah ini atau tidak. Apakah pandangan mereka terhadap rumah-rumah ini melalui nilainya iaitu sejarah, senibina dan juga budaya rumah-rumah ini. walaubagaimanapun kesemua responden iaitu seramai 20 orang memberikan jawapan yang baik dan menjurus kepada objektif pengkaji kerana mereka suka akan rumah-rumah tokoh ini kerana nilai senbinanya tetapi sesetengahnya kurang pengetahuan berkaitan dengan sejarah kepemilikan dan tokohnya. Melalui analisis ini, mendapati bahawa melalui nilai sejarah hanya rumah Mat Kilau sahaja yang ramai tahu. Ini bermaksud pelancong ini akan cuba mencari tahu identiti rumah ini semasa berada disini kerana mereka tahu akan maklumat tersebut.

5.2 Rumusan

Mafhumnya, hasil perbincangan mendapati bahawa kaedah atau metodologi kajian digunakan oleh pengkaji dalam kajian Keberkesanan Penyesuaigunaan Semula di dalam Pemuliharaan Rumah Tokoh: Kajian Kes Warisan Pahlawan Resort adalah sangat berhasil dan berkesan. Melalui temubual informan atau responden, kaedah ini sememangnya membantu pengkaji dalam mendapatkan segala maklumat khususnya pada analisis objektif pertama dan kedua. Anak Pemilik Pahlawan Resort sebagai responden A yang ditemubual pengkaji sangat memainkan peranan yang penting untuk memastikan kelancaran dalam mendapatkan maklumat dan mengizinkan pengkaji membuat kajian lapangan rumah berkenaan. Manakala dari segi pemerhatian pula, dapatan kajian yang diperolehi sangat membantu dalam mengenalpasti sesuatu maklumat tambahan pada objektif satu dan sangat penting bagi objektif dua dimana objektif tersebut memerlukan pemerhatian untuk melihat apakah perubahan yang telah dilakukan pada rumah tokoh-tokoh ini.

Dalam pada itu, dapat dirumuskan mengenai tiga objektif utama memperlihatkan secara keseluruhan tentang nilai kepentingan bagi 7 buah rumah di kompleks ini. Malahan maklumat mengenai rumah berkenaan adalah terbatas setelah pengkaji meneliti kaedah data sekunder melalui internet, jurnal, dan lain-lain lagi. hal ini kerana sememangnya rumah di kompleks ini tiada yang mengkaji dan ini merupakan kajian pertama bagi rumah ini. Namun begitu, terdapat beberapa kajian lepas yang dirujuk oleh pengkaji bagi menampung kekurangan maklumat yang ingin direkodkan dalam penyesuaigunaan semula kediaman dan bangunan. Justeru itu, pengkaji dapat mengetahui dan mengambil sedikit sebanyak maklumat berkaitan.

5.3 CADANGAN

Rumah Tokoh di Pahlawan Resort ini merupakan salah satu aset warisan yang harus diselamatkan agar menjadi produk perlancongan yang bersejarah yang perlu diketahui oleh orang ramai sama ada dari dalam mahupun luar negara. Segala jenis nilai kepentingan rumah-rumah warisan ini perlu tetap terjaga dan terpelihara. Oleh itu, terdapat beberapa cadangan dan saranan dalam kajian penyelidikan berkenaan rumah tokoh di Warisan Pahlawan Resort ini dikenalpasti untuk penyelidikan di masa hadapan. Antaranya adalah:

i. Menjadi Bukti Sejarah dan Kebudayaan di Terengganu

Pengkaji berharap agar rumah Tokoh di Warisan Pahlawan Resort ini menjadi salah satu ikon tempat yang bersejarah dari segi khazanah sejarah pembinaan, tokoh sejarah, pengaruh seni bina dan rekaanya agar dapat menjadi bukti sejarah dan kebudayaan yang kekal di samping menjadi bahan rujukan ilmiah kepada para pengkaji lain serta masyarakat tempatan. Warisan tidak ketara terutamanya yang tidak terpelihara dan terpelihara keasliannya lazimnya akan pupus tanpa disedari dan ianya merupakan satu perkara yang amat merugikan sesuatu bangsa dan negara.

ii. **Merekomendasi Keberadaan Rumah Tokoh di Pahlawan Resort**

Usaha mempromosi atau memartabatkan rumah yang dikaji ini perlu dipertingkatkan dari semasa ke semasa secara konsisten bagi memperkenalkan ia di mata penduduk tempatan lebih-lagi kepada Pihak Berkuasa Tempatan. Hal ini kerana, bagi pengkaji cadangan ini perlulah diperhalusi oleh pengkaji di masa hadapan melalui pembentangan kertas kerja dan perbincangan dengan pihak berkuasa tempatan negeri melalui badan- badan utamanya seperti Majlis Daerah Hulu Terengganu dalam mengambil peluang untuk mewartakan rumah ini kerana rumah ini sudahpun memiliki usia melebihi 100 tahun. Selain itu, Perbadanan Muzium Negeri Negeri Terengganu dan agensi-agensi swasta lain juga patut mengambil maklum dalam usaha untuk memartabatkan lagi rumah warisan ini.

v) **Pengdokumentasian Penuh Rumah Tokoh di Pahlawan Resort**

Cadangan penting yang harus diperanankan oleh pengkaji masa hadapan adalah melalui pengdokumentasian secara keseluruhan berkenaan rumah Warisan Pahlawan ini. Pengdokumentasian bermaksud dimana kajian berkaitan dengan skala ukuran penuh, apakah struktur yan telah diubah dan mengkaji apakah faktor-faktor kerosakan rumah ini. Oleh itu, ia menjadi rujukan utama oleh pengkaji masa kini khususnya dalam mengenalpasti struktur yang asli dan sebenar di mana telah direkod di dalam pendokumentasian tersebut. Justeru itu, pengkaji lepas seharusnya mengambil manfaat ini dalam menghasilkan keterangan atau bukti secara lebih terperinci daripada rumah tokoh ini agar nilai warisan dan sejarahnya terus kukuh dan tidak lekang dek hujan, tidak karat dek panas.

vi) **Memperkenalkan Kompleks ini kepada orang luar**

Ini bermaksud, pelbagai pihak terutama pemilik dan penduduk kampung serta dengan pengunjung boleh memperkenalkan lagi rumah ini kepada peringkat antarabangsa dengan lebih baik. Hal ini kerana, kompleks ini merupakan rumah pahlawan dan kini menjadi satu pusat pelancongan dimana ianya merupakan satu warisan tak ketara yang menarik minat pelancong dengan gaya senibina dan juga dapat merasakan suasana yang sangat nyaman seperti waktu dahulu dengan persekitaran seperti di alam melayu.



5.4 Rumusan Bab

Secara kesimpulannya, identiti sesuatu seni bina itu diibaratkan sebagai permata yang berharga kerana bernilai estetik dan merupakan jati diri sesuatu bangsa. Rumah warisan yang dimiliki oleh tokoh ini merupakan senibina yang sangat menarik dimana rumah ini dibina dengan menggunakan kayu balau, seraya dan juga kayu cengal. Kayu ini sangatlah tahan lama dan sangat tahan ketahanannya dimanaianya dapat dilihat pada Rumah Mat Kilau yang memang dari dulu menggunakan cengal dan masih bertahan sehingga hari ini kerana kualitinya baik. Oleh itu, rumah ini berpotensi untuk dibangunkan sebagai daya untuk menarik pelancong luar datang ke Hulu Terengganu ini kerana rumah tinggalan tokoh yang ulung berkenaan mempunyai nilai warisan dan mempunyai sejarahnya yang tersendiri. Hal ini juga berikutan rumah ini merupakan rumah tokoh yang datang ke Hulu Terengganu yang pertama dibina. Walaupun kos penyesuaigunaan semula ini menelan kos yang tinggi, namun dari sudut impaknya akan memberi kelebihan yang besar terhadap kebudayaan warisan khususnya di Hulu Terengganu dan Negeri Terengganu sendiri untuk generasi akan datang.

Bangunan ataupun tapak warisan adalah sangat penting untuk dipelihara di Malaysia kerana bangunan adalah dikategorikan dalam Warisan Ketara di bawah Akta Warisan Negara (2005). Selain itu, bangunan warisan juga amat penting bagi sesebuah negara kerana ia memaparkan kepada orang luar tentang budaya sesuatu masyarakat itu malah bangunan warisan adalah merupakan sebuah aset warisan yang tidak terhargai oleh sesebuah negara. Oleh itu, peruntukkan dan sumbangan modal yang besar adalah amat diperlukan sama ada dari pihak kerajaan dan bukan kerajaan (NGO) mahupun masyarakat itu sendiri bagi memelihara rumah tokoh di Kompleks Pahlawan Resort ini.

Peranan media massa juga harus digembleng dalam menggerakkan usaha membangkitkan isu pemeliharaan berkenaan rumah tersebut agar ia terus kekal bertahan seiring dengan kemajuan dunia. Malah jika rumah ini tidak dipelihara dan isu ini dipandang enteng oleh masyarakat, negara Malaysia bakal kehilangan sebuah khazanah warisan milik negara yang amat bernilai. memastikan khazanah ini terus bertahan dalam jangka masa yang panjang.



RUJUKAN

- A, Ghafar. (2006). *Rangka Kerja Pemuliharaan Bangunan Bersejarah*. Retrieved from <http://www.ukm.my/geografia/images/upload/7.geografia-apr%202013Yuszaidy%20Mohd%20Yusoff%20et%20al-edam.pdf>
- Ahmad Anis Bin Mohd Shukri. (2020, October 26). *Sejarah Rumah Mufti Dato' Haji Ahmad Maher di Kota Bharu, Kelantan*.
- Ahmad, A.G. (2002). Garispanduan Konservasi Monumen Dan Tapak Tanah Bersejarah Di Malaysia. Bengkel Konservasi Monumen Dan Tapak Tanah Bersejarah, 16-19hb. Ogos 2002, Melaka.
- Ahmad, A.G. (2003). Mendokumentasi Kerja-kerja Konservasi. Kursus Konservasi Monumen dan Tapak Tanah Bersejarah, 16-18hb. Disember 2003, Pulau Pinang. E & O Hotel, George Town.
- Ahmad, A.G. (2006). "Rangka Kerja Pemuliharaan Bangunan Warisan di Malaysia", Bengkel Konservasi Monumen dan Tapak Tanah Bersejarah, 27- 29 November 2006, Hotel Mahkota, Melaka. Ms.1-12.
- Ahmad, A.G. (2009). Treatment of Rising Damp and Replastering at Heritage Buildings. Bengkel Bersiri 2009 Konservasi Bangunan Warisan Siri 2: Lepaan Kapur, 17-19hb. Julai 2009, Perak. Dewan Pusat Pelancongan Negeri Perak, Ipoh.
- Akta Bendapurba 1976 Akta Warisan Kebangsaan 2005 UNESCO. 1970. Protection of mankind's culture heritage: sites and monuments. Paris: Unesco
- Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645), Kuala Lumpur: Percetakan Kerajaan

Burden, E. (2004). "Illustrated Dictionary of Architectural Preservation", McGrawHill, New York

Anthony Tee Mooi Kwong (2017): *Critical Element in Refurbishment of Dilapidated Heritage Building at Georgetown World Heritage Site in Sustaining Tourism Development*

Cantell, S. F. (2005). The adaptive reuse of historic industrial buildings, Regulation barriers, Best practices and case studies

Charter, T. B. (1999). *The Australian ICOMOS Charter for the Conservation of Places of Cultural Significance*. Retrieved from <http://www.icomos.org/australia/burra.html>

Dr. Sabzali Musa Kahn En. Effendi Shamsuddin Dr. Nik Nairan Abdullah. Mendepani Seni Warisan dan Kreatif dalam Mencapai Satu Gagasan Melayu di Nusantara

Kamarul, K. (2007). Pemuliharaan dan Penyesuaigunaan Semula Bangunan Bersejarah Bagi Menyokong Industri Pelancongan Warisan Negara. Retrieve from <http://buildingconservation.blogspot.com/2008/12/pemuliharaan-dan-penyesuaigunaan-semula.html>

Kamarul, K. (2016). *Garis Panduan Pemuliharaan Bangunan Warisan*. Kuala Lumpur: Jabatan Warisan Negara.

Lilawati Ab Wahab¹, Prof. Madya Dr. A. Ghafar Ahmad² and Prof. Madya Dr. Badaruddin Mohamed². Proceedings of 7th. Annual Conference Management in Construction Researchers' Association (Micra) 2008, 18-19th. June 2008, Kulliyah of Architecture & Environmental Design, International Islamic University Malaysia Lord, G. D., & Lord, B. (eds.). (2000). The manual of museum planning London: HMSO Publication

McMillan, J. H., & Schumacher, S. (1984). *Research in Education A Conceptual Introduction*. New York: Longman.

Mohd, O. (2018). *Penerapan Seni Bina Istana Lama Seri Menanti Dalam Reka Bentuk Bangunan Pejabat Daerah Seremban*. Universiti Teknologi Malaysia. Retrieved from <http://eprints.utm.my/id/eprint/79481/1/OthmanMohdNorPFAB2018.pdf>

Mohd Khairuddin Mohd Yusof. (2006). *Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645): Perundangan dan peraturan mengeksport dan mengimport butiran warisan kebangsaan*. Forum Kurator. Jabatan Muzium Malaysia, Kuala Lumpur.

Retdia Sofiana, Ari Widyati Purwantiasning dan Anisa: Strategi Penerapan Konsep Adaptive Re-Use Pada Bangunan Tua Studi Kasus: Gedung Pt P.P.I (Ex. Kantor Pt Tjipta Niaga)

Sekretariat Kerohanian dan perpaduan, Majlis Perwakilan Kolej (MPK), Kolej Sepuluh, Sesi 2020/2021, UPM. Kepentingan Memelihara Bangunan Bersejarah.

https://k10.upm.edu.my/artikel/kepentingan_memelihara_bangunan_bersejarah-60616

Shila, A. (2018). *Contoh Metodologi Kajian*. Retrieved from <https://www.slideshare.net/atokshila/contoh-metodologi-kajian-109026820>

Siti Nur Fatimah Binti Zuraidi. (2014). *Model Rangka Kerja Konservasi Struktur Fabrik Bagi Bangunan Bersejarah*. Degree thesis. Universiti Tun Hussien Onn Malaysia (unpublished).

Yuszaidy, M. (2013). *Perlindungan harta warisan: Keberkesanan usaha pemuliharaan dan pemeliharaan dalam pembangunan negara*.

Yuszaidi Mohd Yusof, Hanapi Dollah, Ab Samad Kechot. (2011). *Akta Warisan Kebangsaan 2005*. Jurnal Melayu (8) 2011.

Zuliskandar Ramli, Muhammad Rizal Razman, Deni Efizon, Sharifah Zarina Syed Zakaria, Kadir Arifin, Muhamad Shafiq Mohd. Ali. Seminar Antarabangsa Ekologi, Habitat Manusia dan Perubahan Persekitaran (Ke-8: 2015: Langkawi, (Kedah)



UMK.A02.600-4/7/4 JILID 2 (32)

RUJ. KAMI (Our Ref.) : 13 APRIL 2021

TARIKH (Date) :

WARISAN PAHLAWAN RESORT
No. 122, Jalan, Kampung Pauh
21700 Kuala Berang
Terengganu

Tuan/Puan,

MEMOHON KEBENARAN UNTUK PELAJAR UMK MENJALANKAN KAJIAN / PENYELIDIKAN / TEMURAMAH

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa senarai nama di bawah adalah merupakan pelajar dari Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan yang akan menjalankan kajian/ penyelidikan/ temuramah di organisasi tuan/ puan. Tujuan menjalankan kajian/ penyelidikan/ temuramah ini adalah bagi memenuhi keperluan kursus **Projek Penyelidikan I (CFT 3124)**. Nama pelajar adalah seperti butiran berikut:

Bil.	Nama Pelajar	No Matrik	No. Kad Pengenalan	Program
1	Nooratikah Binti Ismail	C18A0206	980116465296	Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian

3. Sukacita sekiranya pelajar ini mendapat kerjasama daripada tuan/ puan.

Kerjasama tuan/ puan dalam hal ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

"RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUFAKAT, NEGERI BERKAT"
"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

PROF. MADYA TS. DR. KHAIRUL AZHAR BIN MAT DAUD
Timbalan Dekan (Akademik dan Pembangunan Pelajar)

SOALAN TEMUBUAL

Mengkaji nilai kepentingan warisan Kompleks Rumah Pahlawan Resort di Kampung Kuala Pueh, Kuala Berang.

A. Tuan Rumah (Bilangan Responden 1 / 2 orang)

- 1) Apakah hubungan Encik dengan pemilikan rumah pahlawan ini pada mulanya dan bagaimana munculnya idea untuk menggunakan rumah tokoh ini kepada resort? Dan boleh ceritakan tentang asal usul rumah ini?
- 2) Apakah status pemilikan rumah Rumah Pahlawan Resort pada masa kini?
- 3) sejak bilakah resort ini beroperasi atas nama Warisan Pahlawan Resort?
- 4) Bilakah rumah tersebut dibina dan berapakah usia rumah-rumah ini sekarang? Bilakah rumah tersebut mula ditinggal kosong dan siapa penghuni yang terakhir?
- 5) Penyesuigunaan semula bangunan atau rumah kediaman ni adalah salah satu kaedah memulihara dalam konservasi. Ini untuk elakkan bangunan itu terbiar. Soalan saya, rumah-rumah ini membawa banyak nilai kepentingan sehingga ianya disuaiguna semula sehingga menjadi sebuah resort dan boleh ceritakan tentang sejarah da kenapa tuan perlu kekalkan rumah ini?
- 6) Adakah ketujuh-tujuh buah rumah yang ada di kompleks ini membawa keistimewaanya yang tersendiri?
- 7) Apakah rekaan seni bina yang telah diterapkan di dalam pembinaan rumah-rumah yang terdapat di kompleks ini dan Apakah bentuk jenis seni hiasan atau motif yang dibuat ukiran di setiap rumah ini dan apakah jenis kayu yang digunakan untuk rumah-rumah ini sehingga ianya masih kukuh?
- 8) Adaakah Warisan Pahlawan Resort ini telah terkenal dan dikenali orang di peringkat luar? Selain daripada menjadi pusat pelancongan adakah tempat iini mempunyai kepentingan lain lagi selain daripada penginapan pelancong?
- 9) Boleh ceritakan tentang kaitan Nama Tokoh dengan nama-nama rumah di kompleks ini?

2.Mengenalpasti perubahan ke atas Kompleks Rumah Pahlawan Resort di Kampung Kuala Pueh, Kuala Berang, Hulu Terengganu.

Responden terlibat (3/4 orang)

-Tuan Rumah (Tun Ahmad atau Anaknya)

-Penduduk Asal kampung Kuala Pueh dan Kampung Pauh

- Pekerja/tukang rumah Pahlawan Resort

- 1) Adakah rumah ini mengalami kerosakan yang teruk setelah ianya diabaikan dan terbiar?
- 2) ketujuh buah rumah ini, rumah manakah yang paling teruk kerosakannya dan mengalami perubahan yang paling besar?
- 3) Apakah perubahan yang telah dibuat ke atas rumah-rumah yang rosak ini?
- 4) Bagaimanakah kaedah pemuliharaan yang digunakan dalam melakukan kerja-kerja pemuliharaan rumah warisan ini?
- 5) Bagaimana cara tuan mengganti struktur dan komponen rumah yang rosak masa kerja pembaikpulihan? adakah ianya melibatkan konservator atau hanya melibatkan tukang kayu kampung sahaja?
- 7) Rumah manakah yang banyak mengalami perubahan sama ada dari segi struktur mahupun perubahan dari segi penambahan ruang?
- 7) Dalam melakukan kerja pembaikan semula ini adakah ianya sukar dan adakah keaslian sebenar rumah-rumah ini hilang disebabkan kerosakan?

PEKERJA/TUKANG RUMAH PAHLAWAN RESORT

- 1) Apakah perubahan yang paling ketara dalam kerja-kerja pemuliharaan rumah ini
Dan paling banyak mengalami perubahan sepanjang kerja-kerja pemuliharaan dijalankan?
- 2) Adakah ianya sukar untuk dipulihara semula untuk menampakkan ianya sama seperti keadaan sedia asal dan Bagaimanakah bahagian yang rosak dapat dibaiki semula? Apakah cara dan kaedah yang digunakan?
Contohnya saya ingin tahu apakah kaedah yang digunakan ketika proses pemindahan rumah dari tapak asal?

- 3) Untuk bahagian ukiran seni bina rumah yang rosak bagaimanakah ianya dapat dibaiki dan dibuat semula? Adakah bahan atau kayu yang digunakan semasa memulihara semula rumah ini sama dengan yang asal atau berbeza dengan yang asal?
- 4) Berapa lamakah masa yang diambil untuk membuat semula bahagian yang rosak itu? Adakah material yang digunakan itu sama setiap rumah?

Borang Soal Selidik

MENGUKUR KESAN PENYESUAIGUNAAN SEMULA (adaptive reuse) KE ATAS NILAI WARISAN DI KOMPLEKS PAHLAWAN RESORT

Projek Penyelidikan II
Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan
Kepujian
Konservasi Warisan
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN (UMK)

 nooratikah.c18a0206@siswa.umk.edu.my
(not shared) [Switch account](#)



Apakah tujuan anda berkunjung ke Pahlawan Resort? Adakah kerana tertarik kepada rekabentuk rumah tradisional atau sekadar aktiviti pelancongan?

